

MALAYSIA

Pelaburan Dalam Sektor Perkilangan

100%
90%
80%
70%
60%
50%
40%
30%
20%
10%

18.5%

2.9%

SCAN PROCESS

Dasar, Insentif dan Kemudahan ■

MIDA

MALAYSIAN INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY



Hak Cipta

Tiada sebarang bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diterbitkan semula dalam apa-apa bentuk dengan apa jua cara, termasuk elektronik, penyalinan semula, rakaman atau apa jua seumpamanya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Penafian

MIDA telah berusaha sedaya-upayanya untuk memastikan bahawa semua maklumat adalah terkini dan betul pada masa pencetakan. Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat yang tidak betul atau tertinggal yang diterbitkan dalam buku panduan ini.

Untuk mendapatkan maklumat terkini, sila lawati laman web MIDA pada pautan <http://www.mida.gov.my>

©MIDA – Hak cipta terpelihara



LOKASI

Malaysia terletak berhampiran dengan khatulistiwa, di tengah-tengah Asia Tenggara. Semenanjung Malaysia, dengan 11 buah negeri, berada di hujung bahagian paling selatan Benua Asia, manakala negeri Sabah dan negeri Sarawak terletak di pantai utara dan pantai barat pulau Borneo.

FAKTA MENGENAI MALAYSIA

LUAS KAWASAN

330,000 kilometer persegi
(127,000 batu persegi)

PENDUDUK (2019)



32.6 JUTA

WAKTU



GMT + 8 jam
Waktu Piawai AS
Timur +13 jam

STRUKTUR POLITIK

Persekutuan dengan 13 buah negeri (11 di Semenanjung Malaysia dan 2 di Borneo Malaysia) dan 3 wilayah persekutuan

IKLIM



Tropika –
panas dan cerah sepanjang tahun.
Suhu harian antara 33°C (90°F) pada waktu petang
hingga 22°C (70°F) pada waktu malam

SISTEM KERAJAAN



Demokrasi
berparlimen dengan
pemerintahan raja
berperlembagaan

BAHASA UTAMA



Bahasa Malaysia
(bahasa rasmi),
Inggeris, Mandarin,
Tamil

KUMPULAN ETNIK UTAMA



Melayu, Cina,
India, Kadazan,
Iban

IBU NEGARA



Kuala Lumpur

AGAMA UTAMA

Agama Islam, Buddha, Kristian,
Hindu

MATA WANG



Ringgit Malaysia (RM)
yang dibahagikan
kepada 100 sen

PUSAT PENTADBIRAN



Putrajaya

KADAR PERTUKARAN



Kadar pertukaran Ringgit beroperasi mengikut rejim apungan terurus bersandarkan sekumpulan mata wang berdagangan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menerajui pembangunan aktiviti-aktiviti perindustrian bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebagai sebuah agensi di bawah MITI, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bertanggungjawab terhadap penggalakan dan penyelarasan pembangunan perindustrian di negara ini.

MIDA adalah merupakan titik pertemuan pertama bagi para pelabur yang berhasrat untuk menubuhkan projek-projek dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Dengan ibu pejabatnya yang terletak di ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur, MIDA telah menubuhkan rangkaian global terdiri daripada 20 buah pejabat di seberang laut, yang meliputi benua Amerika Utara, Eropah dan Asia Pasifik bagi membantu para pelabur yang berminat untuk menubuhkan projek-projek perkilangan dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan di Malaysia. Di Malaysia, MIDA mempunyai 12 buah cawangan pejabat di beberapa negeri untuk memudahkan para pelabur dalam pelaksanaan dan operasi projek-projek mereka. MIDA terus menjadi rakan strategik bagi merebut peluang-peluang perniagaan melalui perubahan revolusi teknologi era ini.

Sekiranya anda ingin meneroka peluang-peluang pelaburan di Malaysia, sila hubungi MIDA untuk mendapatkan maklumat lanjut serta bantuan untuk membuat keputusan (sila rujuk kepada muka surat terakhir untuk butiran lanjut ibu pejabat MIDA, pejabat-pejabat negeri dan luar negara).



KANDUNGAN

BAB 1

MEMULAKAN PERNIAGAAN

1. KELULUSAN PROJEK PERKILANGAN	3
1.1 Akta Penyelarasan Perindustrian 1975	3
1.2 Garis Panduan bagi Kelulusan Projek Perindustrian	3
2. PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN DI MALAYSIA	
2.1 Kaedah Menjalankan Perniagaan di Malaysia	3
2.1.1 Struktur Syarikat	4
2.1.2 Syarikat Berhad Menurut Saham	4
2.2 Prosedur Pemerbadanan	4
2.2.1 Keperluan bagi Syarikat Tempatan yang Diperbadankan	5
2.3 Pendaftaran Syarikat Asing	5
2.3.1 Prosedur Pendaftaran	5
2.4 Struktur Perkongsian Liabiliti Terhadap (PLT)	6
2.4.1 Ciri-ciri PLT	6
2.4.2 Siapa yang boleh membentuk PLT?	6
2.4.3 Prosedur Pendaftaran	7
2.4.4 Penukaran kepada PLT	7
2.4.5 Keperluan bagi PLT	7
2.5 E-Perkhidmatan	8
3. GARIS PANDUAN DASAR EKUITI	8
3.1 Dasar Ekuiti bagi Sektor Perkilangan	8
3.2 Perlindungan Pelaburan Asing	8

BAB 2

INSENTIF BAGI PELABURAN BARU

1. INSENTIF BAGI SEKTOR PERKILANGAN	12
1.1 Insentif Utama bagi Syarikat Perkilangan	12
1.2 Insentif bagi Syarikat Berteknologi Tinggi	12
1.3 Insentif bagi Projek Strategik	13
1.4 Insentif bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana	13
1.5 Insentif bagi Pelaburan dalam Industri Terpilih	14
1.5.1 Jentera dan Peralatan	14
1.5.2 Jentera dan Peralatan Khusus	14
1.6 Insentif bagi Industri Automotif	14
1.7 Insentif bagi Industri Aeroangkasa	14
1.8 Insentif bagi Penggunaan Biojisim Kelapa Sawit untuk mengeluarkan Produk Nilai Ditambah	14
1.9 Insentif untuk Sistem Bangunan Industri (IBS)	15
1.10 Takrif Berhasrat untuk Pemberian Insentif Cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 untuk Syarikat Milik Rakyat Malaysia	15
1.11 Insentif Tambahan bagi Sektor Perkilangan	16

2. INSENTIF BAGI SEKTOR PERTANIAN	17
2.1 Insentif Utama bagi Sektor Pertanian	17
2.2 Insentif untuk Pengeluaran Makanan	17
2.3 Insentif untuk Produk Halal	18
2.4 Insentif tambahan bagi Sektor Pertanian	19
3. INSENTIF BAGI INDUSTRI BIOTEKNOLOGI	20
3.1 Insentif Utama bagi Industri Bioteknologi	20
3.2 Pendanaan Bioteknologi bagi Syarikat Status BioNexus	20
4. INSENTIF UNTUK PENGURUSAN ALAM SEKITAR	22
4.1 Insentif bagi Projek Perladangan Hutan	22
4.2 Insentif bagi Aktiviti Kitar Semula Sisa	22
4.3 Insentif bagi Teknologi Hijau	22
4.4 Insentif bagi Taman Eko Sisa (WEP)	23
4.5 Elaun Modal Dipercepat (Peralatan Automasi)	23
5. INSENTIF BAGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	24
5.1 Insentif Utama bagi Penyelidikan dan Pembangunan	24
5.2 Insentif Tambahan bagi Penyelidikan dan Pembangunan	25
6. INSENTIF BAGI LATIHAN	25
6.1 Insentif Tambahan bagi Latihan	25
7. INSENTIF BAGI PROJEK PERKHIDMATAN DILULUSKAN	27
7.1 Insentif Utama bagi ASPs	27
7.2 Insentif Tambahan bagi ASPs	27
8. INSENTIF BAGI INDUSTRI PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN	27
8.1 Insentif Cukai bagi Kapal-kapal Malaysia	27
9. INSENTIF BAGI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)	
9.1 Insentif bagi Pembelian Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	27
10. INSENTIF BAGI KAWASAN YANG KURANG MEMBANGUN	28

KANDUNGAN

11. INSENTIF-INSENTIF LAIN	28	BAB 4	
11.1 Elaun Bangunan Perindustrian	28	PROSEDUR IMIGRESEN	
11.2 Elaun Bangunan Perindustrian bagi Bangunan di MSC Malaysia	28	1. KEPERLUAN UNTUK MASUK KE MALAYSIA	43
11.3 Potongan Bayaran Audit	28	1.1 Pasport atau Dokumen Perjalanan	43
11.4 Insentif Cukai bagi Pelabur Pemangkin	29	1.2 Keperluan Visa	43
11.5 Insentif Cukai ke atas Kos Merungkai dan Mengalih Aset	29	1.3 Keperluan Pas	46
11.6 Insentif bagi Pengambilalihan Hak Empunya	29	2. PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG	47
11.7 Insentif Berkaitan Tarif	29	2.1 Jenis Jawatan Pegawai Dagang	47
11.8 Derma bagi Perlindungan Alam Sekitar	31	2.2 Garis Panduan mengenai Penggajian Pegawai Dagang	47
11.9 Insentif bagi Tempat Tinggal Pekerja	31	3. PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI DAGANG	49
BAB 3		4. PENGAMBILAN PEKERJA ASING	49
PERCUKAIAN		BAB 5	
1. PERCUKAIAN DI MALAYSIA	34	TENAGA MANUSIA UNTUK INDUSTRI	
2. KELAS PENDAPATAN YANG DIKENAKAN CUKAI	34	1. TENAGA PEKERJA MALAYSIA	52
3. CUKAI SYARIKAT	34	2. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA	52
4. CUKAI PENDAPATAN PERSEORANGAN	35	2.1 Kemudahan untuk Latihan Kemahiran Industri	52
4.1 Individu Pemastautin	35	2.2 Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia	52
4.1.1 Pelepasan Diri	35	3. KOS PEKERJA	53
4.1.2 Rebat Cukai	36	4. KEMUDAHAN PENGAMBILAN PEKERJA	53
4.2 Individu Bukan Pemastautin	36	5. PIAWAIAN BURUH	53
5. CUKAI PEGANGAN	36	5.1 Akta Kerja 1955	54
6. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH	37	5.2 Ordinan Buruh, Sabah dan Ordinan Buruh, Sarawak	54
7. CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN	37	5.3 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991	54
7.1 Cukai Jualan	37	5.4 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969	55
7.1.1 Kadar Cukai Jualan	38	5.5 Akta Pampasan Pekerja 1952	57
7.2 Cukai Perkhidmatan	38	5.6 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994	57
7.2.1 Perkhidmatan Bercukai	38	6. PERHUBUNGAN PERUSAHAAN	59
7.2.2 Penganan Cukai	38	6.1 Kesatuan Sekerja	59
7.2.3 Kadar Cukai Perkhidmatan	38	6.2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967	59
7.2.4 Kadar Cukai Perkhidmatan untuk Kad Kredit dan Caj	38	6.3 Perhubungan dalam Pertubuhan Tanpa Kesatuan Sekerja	59
8. DUTI IMPORT	38		
9. DUTI EKSAIS	38		
10. TRIBUNAL RAYUAN KASTAM DAN KETETAPAN KASTAM	39		
11. PERJANJIAN CUKAI DUA KALI	39		

KANDUNGAN

BAB 6

PERBANKAN, KEWANGAN DAN PENTABIRAN PERTUKARAN ASING

1. SISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA	62
1.1 Bank Pusat	62
1.2 Institusi Kewangan	62
1.2.1 <i>Industri Kewangan Islam</i>	63
1.2.2 <i>Institusi Kewangan Pembangunan</i>	63
2. PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT	64
2.1 Kaedah Pembiayaan	64
2.2 Tempoh dan Margin Pembiayaan	65
2.3 Pembayaran Balik	63
3. PASARAN MODAL DI MALAYSIA	65
3.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	65
3.2 Bursa Malaysia	66
4. PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN	68
4.1 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)	68
4.2 Menjalankan Perniagaan di Labuan IBFC	68
4.3 Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Labuan IBFC	68
5. PERATURAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING	69
5.1 Peraturan yang terpakai bagi Bukan Pemastautin	69
5.1.1 <i>Pelaburan di Malaysia</i>	69
5.1.2 <i>Kebolehcapaian kepada pembiayaan domestik</i>	69
5.1.3 <i>Penjelasan bayaran bagi perdagangan barangan dan perkhidmatan</i>	69
5.1.4 <i>Perlindungan Nilai</i>	69
5.1.5 <i>Akaun-akaun mata wang asing dan ringgit</i>	69
5.2 Peraturan yang terpakai bagi Pemastautin	70
5.2.1 <i>Pelaburan dalam aset-aset matawang asing</i>	70
5.2.2 <i>Peminjaman dalam pesisir dan luar pesisir</i>	70
5.2.3 <i>Import dan eksport barangan dan perkhidmatan</i>	70
5.2.4 <i>Perlindungan Nilai</i>	70
5.2.5 <i>Akaun mata wang asing</i>	70

BAB 7

PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

1. PERLINDUNGAN HARTA INTELEK	73
1.1 Paten	73
1.2 Cap Dagangan	73
1.3 Reka Bentuk Perindustrian	73
1.4 Hak Cipta	74
1.5 Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu	74
1.6 Petunjuk Geografi	74
1.7 Penilaian Harta Intelek (IP)	74
1.8 Pembiayaan IP	75
1.9 Hak Pasaran IP	75

BAB 8

PENGURUSAN ALAM SEKITAR

1. DASAR	78
2. KEPERLUAN ALAM SEKITAR	78
2.1 Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling bagi Aktiviti yang Ditetapkan	78
2.2 Penilaian Kesesuaian Tapak	83

KANDUNGAN

BAB 9

PENGURUSAN INFRASTRUKTUR

1. TANAH PERINDUSTRIAN	86
1.1 Kawasan Perindustrian	86
1.2 Zon Bebas	
1.2.1 Zon Komersial Bebas (FCZ)	86
1.2.2 Zon Perindustrian Bebas (FIZ)	86
1.3 Gudang Pengilangan Berlesen	86
2. BEKALAN ELEKTRIK	87
3. BEKALAN AIR	87
4. PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI	87
5. KEMUDAHAN KARGO UDARA	88
6. PELABUHAN LAUT	89
7. PENGANGKUTAN KARGO	89
7.1 Pengangkutan Kontena	89
7.2 Penghantaran Barangan	90
8. LEBUHRAYA	90
9. PERKHIDMATAN KERETA API	90
10. MSC MALAYSIA	90

ALAMAT PENTING

KEMENTERIAN	93
ORGANISASI BERKAITAN	95
PEJABAT LUAR NEGARA MITI	97
PEJABAT LUAR NEGARA MATRADE	98
PEJABAT NEGERI MATRADE	104
PEJABAT NEGERI MIDA	105
PEJABAT LUAR NEGARA MIDA	107

LAMPIRAN

LAMPIRAN I	111
Senarai Aktiviti & Keluaran digalakkan yang layak dipertimbangkan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986	
LAMPIRAN II	115
Senarai Aktiviti & Keluaran digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi yang layak dipertimbangkan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986	
LAMPIRAN III	117
Senarai Aktiviti & Keluaran digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan yang layak dipertimbangkan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.	
LAMPIRAN IV	120
Senarai Aktiviti & Keluaran digalakkan bagi Industri Terpilih yang layak dipertimbangkan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986	
LAMPIRAN V	122
Senarai Aktiviti dan Keluaran digalakkan bagi Pelaburan Semula di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.	

BAB

1

MEMULAKAN PERNIAGAAN





1. KELULUSAN PROJEK PERKILANGAN

- 1.1 Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975
- 1.2 Garis Panduan bagi Kelulusan Projek Perkilangan

2. PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN DI MALAYSIA

- 2.1 Kaedah Menjalankan Perniagaan di Malaysia
 - 2.1.1 *Struktur Syarikat*
 - 2.1.2 *Syarikat Berhad Menurut Saham*
- 2.2 Prosedur Pemerbadanan
 - 2.2.1 *Keperluan bagi Syarikat Tempatan yang Diperbadankan*
- 2.3 Pendaftaran Syarikat Asing
 - 2.3.1 *Prosedur Pendaftaran*
- 2.4 Struktur Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)
 - 2.4.1 *Ciri-ciri PLT*
 - 2.4.2 *Siapa yang boleh membentuk PLT?*
 - 2.4.3 *Prosedur Pendaftaran*
 - 2.4.4 *Penukaran kepada PLT*
 - 2.4.5 *Keperluan bagi PLT*
- 2.5 E-Perkhidmatan

3. GARIS PANDUAN DASAR EKUITI

- 3.1 Dasar Ekuiti bagi Sektor Perkilangan
- 3.2 Perlindungan Pelaburan Asing



MEMULAKAN PERNIAGAAN

1. KELULUSAN PROJEK PERKILANGAN

1.1 Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975

Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (ICA) telah diperkenalkan dengan tujuan untuk mengekalkan pembangunan dan pertumbuhan secara teratur dalam sektor perkilangan negara.

Di bawah Akta ini, syarikat perkilangan yang mempunyai dana pemegang saham sebanyak RM2.5 juta dan ke atas atau yang menggaji seramai 75 atau lebih orang pekerja sepenuh masa dikehendaki memohon lesen pengilangan untuk kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Permohonan bagi lesen pengilangan hendaklah diserahkan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), sebuah agensi di bawah MITI yang bertanggungjawab terhadap penggalakan dan penyelarasan pembangunan perindustrian di Malaysia.

ICA mentakrifkan:

- “Aktiviti pengilangan” sebagai membuat, mengubah, mengadakan, menghiasi, memperkemas atau dengan cara lain merawat atau menyesuaikan apa sahaja barang atau benda bertujuan untuk penggunaan, penjualan, pengangkutan, penyerahan atau pelupusannya; dan termasuk pemasangan bahagian-bahagian dan pembaikan kapal tetapi tidak termasuk mana-mana aktiviti yang biasanya berkaitan dengan perdagangan jualan runcit atau jualan borong.
- “Dana pemegang saham” sebagai jumlah agregat modal berbayar, rizab, baki akaun premium saham dan baki akaun pengasingan untung rugi sebuah syarikat yang mana:
 - Modal berbayar mestilah dalam bentuk saham keutamaan dan saham biasa dan tidak termasuk sebarang jumlah dalam bentuk saham bonus yang diterbitkan daripada rizab modal yang diwujudkan melalui penilaian semula aset tetap.
 - Rizab mestilah rizab selain daripada rizab modal yang diwujudkan melalui penilaian semula aset tetap dan peruntukan susut nilai, pembaharuan atau penggantian dan penurunan nilai aset.

- “Pekerja sepenuh masa” bermaksud pekerja yang biasanya bekerja dalam sebuah syarikat selama sekurang-kurangnya enam jam sehari dan sekurang-kurangnya 20 hari sebulan selama 12 bulan sepanjang tahun dan menerima gaji.

Ini termasuk jurujual kembara, kakitangan kejuruteraan, penyenggaraan dan pembaikan yang dibayar gaji oleh, dan di bawah kawalan syarikat berkenaan.

Ia juga termasuk pengarah-pengarah syarikat yang diperbadankan kecuali mereka yang dibayar hanya untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah. Takrif ini juga merangkumi pekerja-pekerja ahli keluarga yang menerima gaji atau elaun secara berkala dan menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau tabung persaraan lain.

1.2 Garis Panduan bagi Kelulusan Projek Perindustrian

Garis panduan kerajaan bagi kelulusan projek-projek perindustrian di Malaysia adalah berdasarkan kriteria berikut:

Nisbah Pelaburan Modal bagi Setiap Pekerja (Capital Investment Per Employee atau CIPE) sekurang-kurangnya RM140,000.00; dan

Jumlah pekerja sepenuh masa syarikat perlu terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia. Pengambilan pekerja asing termasuk pekerja sumber luar adalah tertakluk pada dasar semasa; dan

Jumlah Indeks Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan (Management, Technical and Supervisory atau MTS) adalah sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah pengambilan kerja atau mempunyai nilai ditambah (value added atau VA) sekurang-kurangnya 40%.

Pembesaran Kapasiti Pengeluaran dan Pempelbagaian Keluaran

Sebuah syarikat berlesen yang berhasrat untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran ataupun mempelbagaikan julat keluaran dengan menghasilkan keluaran tambahan perlu memohon kepada MIDA.

2. PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN DI MALAYSIA

2.1 Kaedah Menjalankan Perniagaan di Malaysia

Di Malaysia, sesuatu perniagaan boleh dijalankan:

- i. Oleh seorang individu selaku pemilikan tunggal, atau
- ii. Oleh dua orang atau lebih (tetapi tidak melebihi 20 orang) dalam perkongsian, atau
- iii. Oleh Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), atau

- iv. Oleh sebuah syarikat tempatan yang diperbadankan atau oleh syarikat asing yang berdaftar di bawah peruntukan Akta Syarikat (Companies Act) 2016.

Di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, pemilikan tunggal dan perkongsian di Malaysia mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Bagi perkongsian, rakan kongsi bertanggungjawab terhadap hutang dan obligasi perkongsian itu secara bersama dan berasingan sekiranya aset perkongsian tidak mencukupi. Surat ikatan perkongsian rasmi boleh disediakan untuk menetapkan hak dan tanggungjawab setiap rakan kongsi tetapi perkara ini tidak wajibkan.

2.1.1 Struktur Syarikat

Akta Syarikat 2016 mentadbir urus semua syarikat di Malaysia. Akta itu menetapkan bahawa sebuah syarikat mesti berdaftar dengan SSM untuk menjalankan sebarang aktiviti perniagaan.

Terdapatnya tiga (3) jenis syarikat yang boleh diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016:

- i. Sebuah syarikat berhad menurut saham adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan berdasarkan prinsip yang mana liabiliti ahli-ahlinya adalah terhad setakat jumlah, jika ada, yang belum dijelaskan bagi saham-saham yang dibeli oleh mereka;
- ii. Sebuah syarikat berhad menurut jaminan ialah sebuah syarikat yang liabiliti adalah terhad setakat jumlah yang mana ahli-ahlinya telah memberi jaminan untuk menyumbang kepada aset-aset syarikat sekiranya syarikat gulung tikar;
- iii. Sebuah syarikat tidak terhad ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan berdasarkan prinsip bahawa tiada had yang ditetapkan ke atas liabiliti ahli-ahlinya.

2.1.2 Syarikat Berhad Menurut Saham

Struktur syarikat yang lazim di Malaysia ialah syarikat berhad menurut saham. Syarikat tersebut boleh diperbadankan sama ada sebagai sebuah syarikat persendirian (dikenal pasti melalui perkataan "Sendirian Berhad" atau "Sdn. Bhd." sebagai sebahagian nama syarikat) atau sebuah Syarikat Awam (dikenal pasti melalui perkataan "Berhad" atau "Bhd." sebagai sebahagian nama syarikat).

Sebuah syarikat yang mempunyai modal saham boleh diperbadankan sebagai, mengubah statusnya kepada, atau tetap wujud sebagai, sebuah syarikat persendirian jika ia:

- i. Membatasi hak untuk memindah milik sahamnya;
- ii. Mengehadkan bilangan ahlinya kepada 50, tidak termasuk pekerja syarikat berkenaan atau anak syarikatnya dan sesetengah bekas pekerja syarikat itu atau anak syarikatnya;

- iii. Melarang sebarang pelawaan kepada pihak awam untuk memohon beli saham dan debenturnya;
- iv. Melarang sebarang pelawaan kepada pihak awam untuk menandatangani wang dengan syarikat itu untuk tempoh tetap kena bayar apabila diminta, sama ada dengan faedah atau tanpa faedah.

Sebuah syarikat awam boleh ditubuhkan atau, sebagai alternatif, sebuah syarikat persendirian boleh ditukar kepada sebuah syarikat awam, tertakluk pada Seksyen 41 CA 2016. Syarikat tersebut boleh menawarkan sahamnya kepada pihak awam, dengan syarat:

- i. Ia telah mendaftarkan satu prospektus dengan Suruhanjaya Sekuriti; atau
- ii. Ia telah serah simpan satu salinan prospektus dengan SSM pada atau sebelum tarikh terbitannya.

2.2 Prosedur Pemerbadanan

Bagi memperbadankan sebuah syarikat, permohonan mestilah dikemukakan kepada SSM melalui Portal MyCOID 2016 dengan memberikan maklumat berikut:

- i. nama syarikat yang dicadangkan;
- ii. status syarikat sama ada persendirian atau awam;
- iii. jenis perniagaan yang dicadangkan;
- iv. alamat berdaftar yang dicadangkan;
- v. nama, pengenalan diri, kewarganegaraan dan alamat tetap ahli dalam syarikat;
- vi. nama, pengenalan diri, kewarganegaraan dan alamat tetap bagi setiap ahli yang menjadi pengarah;
- vii. untuk syarikat berhad menurut saham, butiran dan jumlah saham bagi setiap ahli;
- viii. untuk syarikat berhad menurut jaminan, jumlah jaminan yang disumbangkan oleh ahli-ahli kepada aset syarikat sekiranya syarikat gulung tikar.

Permohonan hendaklah disertakan dengan fi sebanyak RM1,000 untuk syarikat berhad menurut saham; atau RM3,000 untuk syarikat berhad menurut jaminan.

Setelah Pendaftar berpuas hati dengan maklumat yang diberikan, notis pendaftaran akan dihantar melalui e-mel kepada pemohon. Notis itu adalah sebagai keterangan muktamad bahawa keperluan berkenaan dengan pendaftaran dan lain-lain perkara yang penting serta sampingan dengan pendaftaran telah dipatuhi.

Pemerbadanan Syarikat-Syarikat – Piagam Pelanggan

SSM akan menjalankan urusan memproses, melulus dan mendaftar permohonan yang lengkap secara cepat dan cekap dalam tempoh yang dinyatakan seperti berikut:

Aktiviti	Tempoh
PENDAFTARAN SYARIKAT	
Pemerbadanan syarikat	1 day
Pertukaran taraf	1 day
Pertukaran nama syarikat	1 day
Permulaan perniagaan syarikat awam	1 day
Pendaftaran gadaian	2 days
Kelulusan surat ikatan amanah	5 days
Pendaftaran prospektus	3 days
Salinan dokumen syarikat yang tidak diperakui	30 minutes
Salinan dokumen syarikat yang diperakui	1 hour

**Permohonan untuk kelulusan nama syarikat sahaja, boleh dilakukan tanpa memperbadankan syarikat.*

***Tempoh yang diambil bermula dari masa bayaran diterima sehingga perakuan dikeluarkan.*

2.2.1 Keperluan bagi Syarikat Tempatan yang Diperbadankan

Sebuah syarikat mestilah mengekalkan sebuah pejabat berdaftar di Malaysia di mana semua buku dan dokumen yang diperlukan di bawah peruntukan Akta disimpan. Nama syarikat hendaklah dinyatakan dalam huruf abjad Roman yang mudah dibaca, bersama-sama nombor syarikat, pada cap mohor syarikat, dokumen rasmi, penerbitan dan laman web syarikat, jika ada.

Sebuah syarikat tidak dibenarkan berurus niaga dalam sahamnya sendiri atau memegang saham dalam syarikat induknya. Setiap saham ekuiti sebuah syarikat akan melayakkan hanya satu undi pada mana-mana mesyuarat agung syarikat. Dalam hal suatu pengundian, setiap saham ekuiti syarikat membawa hak bagi satu undi.

Setiausaha sebuah syarikat mestilah seorang yang benar, cukup umur dan mempunyai tempat kediaman utama, atau satu-satunya tempat kediaman, di Malaysia. Beliau mestilah merupakan ahli kepada sebuah badan yang ditetapkan atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat. Syarikat juga mestilah melantik suatu juruaudit syarikat yang diiktiraf sebagai juruaudit syarikatnya di Malaysia.

Selain itu, sebuah syarikat persendirian hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) orang pengarah manakala sebuah syarikat awam mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang pengarah. Setiap orang pengarah minimum itu mesti mempunyai tempat kediaman utama, atau satu-satunya tempat kediaman, di Malaysia. Umur minimum seorang pengarah ialah 18 tahun dan CA 2016 tidak menetapkan apa-apa umur maksimum. Seorang pengarah syarikat tidak semestinya merupakan seorang pemegang saham syarikat.

2.3 Pendaftaran Syarikat Asing

Sebuah syarikat asing boleh menjalankan perniagaan di Malaysia melalui sama ada:

- pemerbadanan sebuah syarikat tempatan; atau
- mendaftarkan sebuah cawangan di Malaysia.

Sebuah syarikat asing ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016 sebagai:

- sebuah syarikat, perbadanan, pertubuhan, persatuan atau badan-badan lain yang diperbadankan di luar negara; atau
- satu pertubuhan, persatuan atau badan-badan lain yang tidak diperbadankan yang mana di bawah undang-undang tempat asalnya boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya, atau memegang harta atas nama setiausaha atau pegawai lain badan atau persatuan itu yang dilantik dengan sewajarnya bagi maksud itu dan yang tidak mempunyai ibu pejabat atau tempat utama perniagaannya di Malaysia.

2.3.1 Prosedur Pendaftaran

- Pemohon mestilah terlebih dahulu menjalankan carian nama untuk menentukan sama ada nama yang dicadangkan untuk syarikat berkenaan adalah tersedia. Nama yang bakal digunakan untuk mendaftar syarikat asing itu hendaklah sama dengan nama yang didaftarkan di negara asalnya.

Permohonan untuk perizaban nama hendaklah diserahkan kepada SSM melalui Portal MyCOID 2016 dengan bayaran sebanyak RM50 bagi setiap nama yang dimohon. Apabila nama syarikat yang dicadangkan itu diluluskan oleh SSM, ia adalah sah selama tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kelulusan.

- Setelah diluluskan, pemohon mestilah menyerahkan dokumen pendaftaran berikut kepada SSM dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kelulusan:
 - Permohonan untuk Pendaftaran Syarikat Asing di bawah s. 562(1) CA 2016;
 - Satu salinan diperakui sijil pemerbadanan atau pendaftaran syarikat asing yang berkenaan;

- c. Satu salinan diperakui piagam, statut atau Memorandum dan Tataurusan Persatuan syarikat berkenaan atau instrumen-instrumen lain yang mentakrif perlembagaannya;
- d. Sekiranya pengarah-pengarah yang bermastautin di Malaysia yang menjadi ahli-ahli lembaga pengarah tempatan syarikat itu, satu memorandum yang menyatakan kuasa-kuasa yang mesti dilaksanakan oleh mereka atau bagi pihak syarikat asing itu mestilah diserahkan kepada SSM.
- e. Satu memorandum pelantikan atau surat kuasa wakil yang memberi kuasa kepada orang (ejen) yang bermastautin di Malaysia untuk menerima bagi pihak syarikat asing, sebarang notis yang dikehendaki disampaikan kepada syarikat asing tersebut.
- f. Dokumen tambahan yang merangkumi salinan permohonan perizaban nama syarikat dan salinan e-mel daripada SSM yang meluluskan nama syarikat asing.

Nota: Sekiranya mana-mana dokumen pendaftaran yang dihuraikan di atas menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia atau Inggeris, satu salinan sah terjemahan dokumen-dokumen tersebut dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris diperlukan.

- iii. Bayaran pendaftaran hendaklah dibayar kepada SSM mengikut jadual berikut:

Modal Saham (RM)	Bayaran Dikenakan (RM)
Sehingga 1,000,000	5,000
1,000,001 – 10,000,000	20,000
10,000,001 – 50,000,000	40,000
50,000,001 - 100,000,000	60,000
100,000,001 dan ke atas	70,000

Bagi menentukan jumlah bayaran pendaftaran, modal saham syarikat asing hendaklah terlebih dahulu ditukarkan kepada mata wang Malaysia (Ringgit Malaysia) pada kadar pertukaran semasa.

Sekiranya sebuah syarikat asing tidak mempunyai sebarang modal saham, kadar rata sebanyak RM70,000 hendaklah dibayar kepada SSM.

- iv. Satu Notis Pendaftaran akan dikeluarkan oleh SSM setelah syarikat mematuhi prosedur pendaftaran dan penyerahan dokumen-dokumen pendaftaran yang lengkap.

- v. Setelah mendapat kelulusan, syarikat atau ejennya bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan CA 2016. Sebarang perubahan dalam butiran syarikat atau nama syarikat mestilah difailkan dengan SSM dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perubahan bersama dengan fi yang berkenaan. Sebarang perubahan dalam modal saham syarikat hendaklah dimaklumkan kepada SSM dalam tempoh empat belas hari dari perubahan itu. Setiap syarikat dikehendaki menyimpan penyata akaun yang betul. Penyata tahunan hendaklah diserahkan dengan SSM setiap tahun kalendar, tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh ulang tahun pendaftarannya.

Nota: Rakyat asing dinasihatkan supaya mendapatkan perkhidmatan seorang peguam bela atau peguam cara, seorang akauntan atau seorang setiausaha syarikat yang sedang berkhidmat untuk bantuan selanjutnya.

2.4 Struktur Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

2.4.1 Ciri-ciri PLT

PLT merupakan suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada para pekongsinya. Seperti pertubuhan perbadanan lain, PLT adalah kekal turun-temurun. Apa-apa perubahan dalam perkongsian tidak akan menjejaskan kewujudan, hak atau liabiliti PLT itu. PLT mempunyai keupayaan yang tidak terhad dan berupaya untuk membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya, memperoleh, memiliki, memegang dan membangunkan atau melupuskan harta. PLT boleh melakukan dan menanggung apa-apa perbuatan dan benda lain yang boleh dilakukan dan ditanggung dengan sah oleh pertubuhan perbadanan. PLT merupakan suatu bentuk perniagaan alternatif yang menawarkan prosedur yang mudah dan fleksibel dari segi penubuhan, penyelenggaraan dan penamatannya.

Fi pendaftaran bagi sebuah PLT baru dan penukaran kepada PLT ialah RM500. Manakala Fi untuk permohonan perizaban nama ialah RM30.

2.4.2 Siapakah yang boleh membentuk PLT?

PLT boleh ditubuhkan dengan sekurang-kurangnya dua (2) orang (keseluruhannya atau sebahagiannya, orang perseorangan atau pertubuhan perbadanan) untuk menjalankan apa-apa perniagaan yang sah dengan tujuan mendapatkan keuntungan dan mengikut terma-terma perjanjian PLT. Mana-mana orang perseorangan atau pertubuhan perbadanan boleh menjadi rakan kongsi.

Walau bagaimanapun, PLT yang ditubuhkan untuk amalan profesional hendaklah terdiri daripada golongan profesional dalam bidang tersebut dan mempunyai perlindungan insurans indemniti profesional yang diluluskan pendaftar.

Oleh itu, PLT boleh ditubuhkan oleh:

- i. Perniagaan baru; atau
- ii. Perniagaan Kecil & Sederhana; atau
- iii. Golongan Profesional; atau
- iv. Usaha sama; atau
- v. Modal Usaha Niaga.

2.4.3 Prosedur Pendaftaran

Untuk mendaftarkan sebuah PLT, pemohon mestilah memberikan maklumat berikut:

- i. nama PLT yang dicadangkan;
- ii. jenis perniagaan;
- iii. alamat berdaftar syarikat;
- iv. nama dan butiran rakan kongsi;
- v. nama dan butiran pegawai pematuhan;
- vi. surat kelulusan (bagi amalan profesional).

Permohonan pendaftaran mestilah disertakan dengan bayaran sebanyak RM500. Setelah berpuas hati dengan permohonan pendaftaran PLT, Pendaftar hendaklah mendaftarkan PLT dan mengeluarkan notis pendaftaran bersama dengan nombor pendaftaran kepada PLT. Notis pendaftaran merupakan keterangan muktamad bahawa PLT telah didaftarkan. Pendaftaran tidak bermakna bahawa keperluan undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan perniagaan PLT telah dipatuhi. Nama PLT hendaklah berakhir dengan perkataan "Perkongsian Liabiliti Terhad" atau singkatan "PLT".

2.4.4 Penukaran kepada PLT

Selain pendaftaran baru, entiti sedia ada juga boleh bertukar kepada PLT. Entiti yang dibenarkan untuk pertukaran adalah:

- i. Perkongsian konvensional yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau mana-mana perkongsian yang ditubuhkan oleh dua (2) atau lebih orang untuk menjalankan mana-mana amalan profesional; atau
- ii. Syarikat persendirian yang diperbadankan di bawah CA 2016 atau mana-mana undang-undang yang serupa sebelumnya.

Kriteria kelayakan untuk bertukar perkongsian konvensional kepada PLT adalah seperti berikut:

- i. Pekongsi yang sama dan tiada orang lain;
- ii. Pada tarikh permohonan, perkongsian konvensional didapati boleh membayar hutangnya;
- iii. Surat kelulusan daripada badan kawal selia bagi amalan profesional.

Kriteria kelayakan untuk penukaran syarikat persendirian adalah seperti berikut:

- i. Pemegang saham yang sama dan tiada orang lain;
- ii. Tiada kepentingan sekuriti yang wujud dalam asetnya;
- iii. Pada tarikh permohonan, syarikat persendirian adalah solven;
- iv. Semua fi statutori yang terhutang kepada agensi kerajaan telah dijelaskan;
- v. Iklan telah disiarkan dalam akhbar yang diedarkan secara meluas dan di Warta;
- vi. Semua pemiutang telah bersetuju dengan penukaran itu.

Kesan penukaran adalah seperti berikut:

- i. Aset, hak, keistimewaan, obligasi dan liabiliti perkongsian konvensional atau syarikat persendirian ke dalam PLT itu;
- ii. Prosiding yang masih belum selesai boleh diteruskan, diselesaikan dan dikuatkuasakan terhadap atau oleh PLT itu;
- iii. Perjanjian dan kontrak sedia ada terus berkuat kuasa;
- iv. Dalam hal penukaran perkongsian konvensional, setiap pekongsi hendaklah terus bertanggung sendiri (bersesama atau berasingan dengan PLT itu) bagi liabiliti dan obligasi yang ditanggung sebelum penukaran itu;
- v. Bagi penukaran syarikat persendirian, PLT akan terus bertanggungjawab terhadap liabiliti dan obligasi yang ditanggung sebelum penukaran itu.

2.4.5 Keperluan bagi PLT

Sebuah PLT mestilah melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai pematuhan daripada kalangan pekongsinya atau seseorang yang berkelayakan untuk bertindak sebagai setiausaha di bawah CA 2016. Pegawai pematuhan tersebut mestilah merupakan sama ada warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia dan kebiasaannya tinggal di Malaysia. Seseorang itu tidak layak dijadikan pegawai pematuhan jika pernah diisytiharkan muflis atau tidak layak sebagai pengarah atau setiausaha di bawah AS 1965.

PLT hendaklah mengekalkan pejabat berdaftar di Malaysia di mana komunikasi dan notis boleh dialamatkan. PLT mempunyai obligasi untuk menyimpan di pejabat berdaftar, notis pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Akta ini, satu salinan perjanjian PLT, suatu daftar bagi nama dan alamat setiap pekongsi dan pegawai pematuhan, satu salinan perakuan tahunan terkini dan jika ada, satu salinan apa-apa instrumen berhubung bayaran yang dibuat.

Sebuah PLT hendaklah menyimpan rekod perakaunan untuk memberikan gambaran sebenar dan adil tentang hal ehwal PLT itu. Tiada keperluan untuk pelantikan juruaudit melainkan jika diperuntukkan secara khusus dalam perjanjian PLT.

2.5 E-Perkhidmatan

E-Perkhidmatan telah diperkenalkan sebagai satu alternatif kepada kaedah tradisional untuk berurusan dengan SSM, iaitu melalui perkhidmatan kaunter. Ia membolehkan penyerahsimpanan dokumen-dokumen (Perkhidmatan MyCoID) dan pemerolehan maklumat korporat dan perniagaan. Maklumat korporat dan perniagaan boleh dibeli daripada e-Info dan MyData. Bayaran boleh dibuat melalui kad kredit, debit terus atau akaun prabayar.

MyCoID membolehkan pendaftaran serentak dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF), apabila sebuah syarikat diperbadankan di SSM melalui satu penyerahan tunggal.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web SSM pada pautan www.ssm.com.my atau www.ssm-einfo.com.my atau www.mydata-ssm.com.my.

3. GARIS PANDUAN DASAR EKUITI

3.1 Dasar Ekuiti bagi Sektor Perkilangan

Malaysia sentiasa mengalu-alukan pelaburan dalam sektor perkilangannya. Dengan hasrat untuk meningkatkan penyertaan tempatan dalam aktiviti ini, pihak kerajaan menggalakkan usaha sama antara pelabur Malaysia dan asing.

Dasar Ekuiti untuk Projek Baru, Pembesaran atau Pempelbagaian

Sejak bulan Jun 2003, para pelabur asing boleh memegang sebanyak 100% daripada ekuiti bagi semua pelaburan dalam projek baru, dan juga pelaburan dalam projek pembesaran/ pemelbagaian oleh syarikat sedia ada, tanpa mengira paras eksport dan tanpa mengecualikan mana-mana keluaran atau aktiviti.

Dasar ekuiti ini juga terpakai untuk:

- i. Syarikat yang dahulunya dikecualikan daripada Lesen Pengilang tetapi dana pemegang sahamnya kini telah mencecah sebanyak RM2.5 juta atau menggaji seramai 75 atau lebih orang pekerja sepenuh masa dan oleh itu perlu dilesenkan.
- ii. Syarikat berlesen sedia ada yang dahulunya dikecualikan daripada mematuhi syarat-syarat ekuiti, tetapi kini perlu mematuhi kerana dana pemegang sahamnya mencecah sebanyak RM2.5 juta.

Dasar Ekuiti yang Terpakai kepada Syarikat Sedia Ada

Syarat-syarat ekuiti dan eksport yang dikenakan ke atas syarikat sebelum 17 Jun 2003 akan dikekalkan.

Walau bagaimanapun, syarikat boleh memohon supaya syarat-syarat ini dimansuhkan dan kelulusan akan diberikan berdasarkan merit setiap kes.

3.2 Perlindungan Pelaburan Asing

Komitmen Malaysia untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang selamat telah menarik lebih daripada 8,000 buah syarikat antarabangsa dari lebih daripada 40 buah negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan luar pesisir mereka.

Pemilikan Ekuiti

Sebuah syarikat yang penyertaan ekuitinya telah diluluskan tidak perlu menstruktur semula ekuitinya pada bila-bila masa selagi syarikat itu terus mematuhi syarat-syarat asal kelulusan dan mengekalkan ciri-ciri asal projek.

Perjanjian Jaminan Pelaburan

Kesediaan Malaysia untuk memeterai Perjanjian-perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) membuktikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia.

IGA akan:

- Memberikan perlindungan daripada pemilikan negara atau ekspropriasi.
- Memastikan pampasan yang segera dan mencukupi sekiranya berlaku pemilikan negara atau ekspropriasi.
- Membolehkan pemindahan keuntungan, modal dan bayaran lain dengan bebas.
- Memastikan penyelesaian pertikaian pelaburan di bawah Konvensyen Penyelesaian Pertikaian Pelaburan yang mana Malaysia telah menjadi anggota sejak tahun 1966.

Malaysia telah memeterai Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA), yang bertujuan untuk menggalakkan persekitaran yang sesuai bagi pelaburan.

Senarai IGA yang Ditandatangani & Berkuat Kuasa

Negara			
1. Amerika Syarikat*	17. Korea Selatan	33. Jordan	49. Korea Utara
2. Jerman	18. China	34. Bangladesh	50. Yemen
3. Kanada *	19. Emiriah Arab Bersatu	35. Croatia	51. Turki
4. Belanda	20. Denmark	36. Sepanyol	52. Lebanon
5. Perancis	21. Vietnam	37. Mongolia	53. Burkina Faso
6. Switzerland	22. Republik Chile	38. India ****	54. Republik Sudan
7. Sweden	23. Taiwan	39. Uruguay	55. Republik Ethiopia
8. Belgo-Luxembourg	24. Hungary	40. Peru	56. Senegal
9. United Kingdom	25. Poland	41. Kazakstan	57. Bahrain
10. Sri Lanka	26. Indonesia ***	42. Republik Czech	58. Algeria
11. Romania	27. Albania	43. Guinea	59. Arab Saudi
12. Austria	28. Zimbabwe	44. Ghana	60. Morocco
13. Finland	29. Turkmenistán	45. Mesir	61. Iran
14. Kuwait	30. Namibia	46. Cuba	62. Republik Arab Syria
15. ASEAN **	31. Cambodia	47. Uzbekistan	63. Republik Slovak
16. Itali	32. Argentina	48. Macedonia	64. San Marino

Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan

Demi kepentingan penggalakan dan perlindungan pelaburan asing, kerajaan Malaysia telah meratifikasi peruntukan Konvensyen Penyelesaian Pertikaian Pelaburan pada tahun 1966. Konvensyen ini, yang ditubuhkan di bawah naungan Bank Antarabangsa untuk Pembinaan Semula dan Pembangunan (IBRD), menyediakan jalan pendamaian atau timbang tara antarabangsa melalui Pusat Antarabangsa bagi Penyelesaian Pertikaian Pelaburan yang bertempat di pejabat utama IBRD di Washington.

Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Asian International Arbitration Centre atau AIAC)

Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (dahulunya dikenali sebagai *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration*) telah ditubuhkan pada tahun 1978 di bawah naungan Pertubuhan Perundingan Perundangan Asia-Afrika (Asian-African Legal Consultative Organization atau AALCO) - sebuah pertubuhan antara kerajaan yang bekerjasama dengan, dan dibantu oleh, kerajaan Malaysia.

Sebuah pertubuhan bukan untung, Pusat ini memberikan kemudahan kepada rantau Asia Pasifik. Ia bermatlamat untuk menyediakan suatu sistem bagi menyelesaikan pertikaian untuk manfaat pihak-pihak yang terlibat dalam perdagangan, perniagaan dan pelaburan dengan dan dalam rantau ini.

Sebarang pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan sesuatu kontrak, atau pelanggaran, penamatan atau ketidaksahan hendaklah diselesaikan melalui timbang tara mengikut Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.

1

* AMERIKA SYARIKAT & KANADA - Perjanjian Jaminan Insurans.

** Ditematkan apabila berkuat kuasanya Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (*ASEAN Comprehensive Investment Agreement* atau ACIA) pada bulan Februari 2012.

*** Indonesia telah memaklumkan penamatan pada 20 Jun 2014 dan penamatan akan berkuat kuasa dari 20 Jun 2015.

**** India telah memaklumkan penamatan pada 23 Mac 2016 dan penamatan akan berkuat kuasa dari 23 Mac 2017.

BAB

2

INSENTIF BAGI PELABURAN BARU



INCENTIVES

The background features a grid of hexagonal icons with various business-related terms: goals, CUSTOMER SERVICE, TEAM WORK, production, INNOVATION, CUSTOMER SERVICE, MARKETING, MANAGEMENT, SERVICE, INNOVATION, ON LINE, TRAINING, TIME MANAGEMENT, and CUSTOMER SERVICE. A bright blue beam of light illuminates the central bar.



1. INSENTIF BAGI SEKTOR PERKILANGAN

- 1.1 Insentif Utama bagi Syarikat Perkilangan
- 1.2 Insentif bagi Syarikat Teknologi Tinggi
- 1.3 Insentif bagi Projek Strategik
- 1.4 Insentif bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana
- 1.5 Insentif bagi Pelaburan dalam Industri Terpilih
 - 1.5.1 *Jentera dan Peralatan*
 - 1.5.2 *Jentera dan Peralatan Khusus*
- 1.6 Insentif bagi Industri Automotif
- 1.7 Insentif bagi Industri Aeroangkasa
- 1.8 Insentif bagi Penggunaan Biojisim Kelapa Sawit untuk Mengeluarkan Produk Nilai Ditambah
- 1.9 Insentif untuk Sistem Bangunan Industri (IBS)
- 1.10 Takrif Berhasrat untuk Pemberian Insentif Cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 untuk Syarikat Milik Rakyat Malaysia
- 1.11 Insentif Tambahan bagi Sektor Perkilangan

2. INSENTIF BAGI SEKTOR PERTANIAN

- 2.1 Insentif Utama bagi Sektor Pertanian
- 2.2 Pengeluaran Makanan
- 2.3 Insentif bagi Produk Halal
- 2.4 Insentif bagi Sektor Pertanian

3. INSENTIF BAGI INDUSTRI BIOTEKNOLOGI

- 3.1 Insentif Utama bagi Industri Bioteknologi
- 3.2 Pendanaan Bioteknologi bagi Syarikat Status BioNexus

4. INSENTIF UNTUK PENGURUSAN ALAM SEKITAR

- 4.1 Insentif bagi Projek Perladangan Hutan
- 4.2 Insentif bagi Aktiviti Kitar Semula Sisa
- 4.3 Insentif bagi Teknologi Hijau
- 4.4 Insentif bagi Taman Eko Sisa (Waste Eco Park atau WEP)
- 4.5 Elaun Modal Dipercepat

5. INSENTIF BAGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- 5.1 Insentif Utama bagi Penyelidikan dan Pembangunan
- 5.2 Insentif Tambahan bagi Penyelidikan dan Pembangunan

6. INSENTIF BAGI LATIHAN

- 6.1 Insentif Tambahan bagi Latihan

7. INSENTIF BAGI PROJEK PERKHIDMATAN DILULUSKAN

- 7.1 Insentif Utama bagi ASP
- 7.2 Insentif Tambahan bagi ASP

8. INSENTIF BAGI INDUSTRI PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN

- 8.1 Insentif Cukai bagi Kapal-kapal Malaysia

9. INSENTIF BAGI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

- 9.1 Insentif bagi Pembelian Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

10. INSENTIF BAGI KAWASAN YANG KURANG MEMBANGUN

11. INSENTIF-INSENTIF LAIN

- 11.1 Elaun Bangunan Perindustrian
- 11.2 Elaun Bangunan Perindustrian bagi Bangunan di MSC Malaysia
- 11.3 Potongan Bayaran Audit
- 11.4 Insentif Cukai bagi Pelabur Pemangkin
- 11.5 Insentif Cukai ke atas Kos Merungkai dan Mengalih Aset
- 11.6 Insentif bagi Pengambilalihan Hak Empunya
- 11.7 Insentif Berkaitan Tarif
- 11.8 Derma bagi Perlindungan Alam Sekitar
- 11.9 Insentif bagi Tempat Tinggal Pekerja



INSENTIF BAGI PELABURAN BARU

Di Malaysia, insentif cukai, sama ada langsung atau tidak langsung, diperuntukkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976 dan Akta Zon Bebas 1990. Akta-akta ini merangkumi pelaburan dalam sektor-sektor perkilangan, pertanian, pelancongan (termasuk perniagaan hotel) dan perkhidmatan diluluskan serta aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, latihan dan perlindungan alam sekitar.

Insentif cukai langsung memberikan pelepasan sebahagian atau penuh daripada pembayaran cukai pendapatan selama tempoh tertentu, manakala insentif cukai tidak langsung adalah dalam bentuk pengecualian daripada duti import dan duti eksais.

1. INSENTIF BAGI SEKTOR PERKILANGAN

1.1 Insentif Utama bagi Syarikat Perkilangan

Insentif cukai utama bagi syarikat yang melabur dalam sektor perkilangan ialah Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan.

Kelayakan untuk Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan adalah berdasarkan keutamaan tertentu, termasuk tahap nilai ditambah, teknologi yang digunakan dan rangkaian perindustrian. Aktiviti dan keluaran yang layak diistilahkan sebagai "aktiviti digalakkan" atau "keluaran digalakkan" (sila lihat Lampiran I: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Am).

Syarikat perlu menyerahkan permohonannya kepada MIDA sebelum memulakan operasi/pengeluaran.

(i) Taraf Perintis

Sebuah syarikat yang diberikan Taraf Perintis menikmati pengecualian sebahagian cukai pendapatan yang perlu dibayar untuk tempoh lima tahun. Ia membayar cukai ke atas 30% daripada pendapatan berkanunnya*, dan tempoh pengecualian bermula dari Hari Pengeluaran (ditakrifkan sebagai hari paras pengeluarannya mencecah 30% daripada kapasitinya).

Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan. Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke depan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut.

* Pendapatan berkanun diperoleh setelah ditolak perbelanjaan hasil dan elaun modal daripada pendapatan kasar.

Permohonan bagi Taraf Perintis hendaklah diserahkan kepada MIDA.

(ii) Elaun Cukai Pelaburan

Sebagai alternatif kepada Taraf Perintis, sebuah syarikat boleh memohon Elaun Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance atau ITA). Syarikat yang diberikan ITA berhak menerima elaun sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak (seperti kilang, loji, jentera dan peralatan lain yang digunakan bagi projek diluluskan) yang ditanggung dalam tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama.

Elaun ini boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun syarikat berkenaan bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke depan ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya. Baki 30% daripada pendapatan berkanunnya akan dikenakan cukai pada kadar cukai syarikat semasa.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

1.2 Insentif bagi Syarikat Teknologi Tinggi

Sebuah syarikat teknologi tinggi ialah sebuah syarikat yang terlibat dalam aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam bidang teknologi baru dan sedang muncul (sila lihat Lampiran II: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Syarikat Teknologi Tinggi). Sebuah syarikat teknologi tinggi layak mendapat:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut;

atau

- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama. Elaun ini boleh ditolak daripada sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

1.3 Insentif bagi Projek Strategik

Projek strategik melibatkan keluaran atau aktiviti berkepentingan negara. Lazimnya, ia melibatkan pelaburan yang besar dengan tempoh gestasi yang lama, berparas teknologi yang tinggi, bersepadu, menjana rangkaian yang luas, dan mempunyai impak yang besar terhadap ekonomi. Projek sedemikian layak mendapat:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh 10 tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut;

atau

- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

1.4 Insentif bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Mula berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2009, bagi tujuan pengenaan cukai pendapatan dan insentif cukai, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ditakrif semula sebagai sebuah syarikat pemastautin di Malaysia yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa sebanyak RM2.5 juta atau kurang pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di mana syarikat ini tidak boleh dikawal oleh sebuah syarikat lain yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.5 juta.

PKS layak mendapat kadar cukai syarikat yang lebih rendah sebanyak 17% ke atas pendapatan tercukai sehingga RM500,000. Kadar cukai ke atas baki pendapatan tercukai kekal pada 24%.

Syarikat Berskala Kecil

Buat masa ini, syarikat berskala kecil yang diperbadankan di Malaysia dengan dana pemegang saham yang tidak melebihi RM500,000 dan mempunyai sekurang-kurangnya 60% ekuiti rakyat Malaysia, layak mendapat insentif cukai bagi syarikat berskala kecil di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Mula berkuat kuasa dari 3 Julai 2012, syarikat berskala kecil ditakrifkan semula sebagai syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan dana pemegang saham tidak melebihi RM2.5 juta dan mempunyai 60% hingga 100% ekuiti rakyat Malaysia.

Syarikat berskala kecil mestilah memenuhi kriteria berikut:-

- i. Diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965.
- ii. Dana pemegang saham tidak melebihi RM2.5 juta dengan pemilikan ekuiti oleh rakyat Malaysia seperti berikut:
 - Dana pemegang saham syarikat tidak melebihi RM500,000 dan mempunyai sekurang-kurangnya 60% ekuiti rakyat Malaysia.
 - Dana pemegang saham syarikat melebihi RM500,000 dan tidak melebihi RM2.5 juta dengan mempunyai sekurang-kurangnya 100% ekuiti rakyat Malaysia.

Syarikat berskala kecil layak mendapat insentif berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama tempoh lima tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan untuk tempoh tujuh tahun berturut-turut;

atau

- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak daripada sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Sebuah pemilikan tunggal atau perkongsian layak memohon insentif ini dengan syarat sebuah syarikat sendirian berhad/ syarikat berhad baru ditubuhkan untuk mengambil alih pengeluaran/aktiviti yang sedia ada.

- i. Bagi syarikat berskala kecil dengan dana pemegang saham sebanyak RM500,000 dan kurang yang terlibat dalam aktiviti digalakkan atau menghasilkan keluaran digalakkan dalam senarai syarikat kecil yang digalakkan (sila lihat Lampiran III: Syarikat Kecil) atau dalam Senarai Am (sila lihat Lampiran I: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Am).
- ii. Bagi syarikat berskala kecil dengan dana pemegang saham melebihi RM500,000 dan tidak melebihi RM2.5 juta yang terlibat dalam aktiviti digalakkan atau menghasilkan keluaran digalakkan dalam senarai syarikat kecil yang digalakkan (sila lihat Lampiran III: Syarikat Berskala Kecil).

- iii. Bagi syarikat berskala kecil dengan dana pemegang saham melebihi RM500,000 dan tidak melebihi RM2.5 juta yang terlibat dalam aktiviti digalakkan atau menghasilkan keluaran digalakkan dalam senarai galakan am (sila lihat Lampiran I: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Am).

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

1.5 Insentif bagi Pelaburan dalam Industri Terpilih

1.5.1 Jentera dan Peralatan

Alatan mesin, peralatan pengendalian bahan, robotik dan automasi kilang, serta modul dan komponen bagi perkakas mesin, peralatan pengendalian bahan dan robotik dan automasi kilang.

1.5.2 Jentera dan Peralatan Khusus

Jentera atau peralatan proses khusus untuk industri tertentu, jentera pembungkusan, serta modul dan komponen bagi jentera atau peralatan proses khusus untuk industri tertentu dan jentera pembungkusan.

Syarikat yang menjalankan aktiviti dalam pengeluaran mesin dan jentera yang terpilih layak untuk:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh 10 tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut;

atau

- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama. Elaun ini boleh ditolak daripada sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA. (Sila lihat Lampiran IV: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Industri Terpilih).

1.6 Insentif bagi Industri Automotif

Penggalakan pemasangan dan pembuatan Kenderaan Cepak Tenaga dan komponen/sistem kritikalnya adalah penting untuk meningkatkan pembangunan industri automotif Malaysia.

MIDA menyediakan insentif dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan atau pengecualian cukai bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan (ITA) untuk tempoh lima atau sepuluh tahun kepada syarikat yang mempunyai rancangan untuk melaksanakan aktiviti berikut-

- i. Pemasangan Kenderaan Cepak Tenaga;
- ii. Pengilangan Komponen/Sistem Kritikal untuk Kenderaan Cepak Tenaga atau Kenderaan Tidak Cepak Tenaga seperti penghantaran, enjin, beg udara & komponen, mekanisme pengendalian & kawalan dan mekanisme brek; dan
- iii. Pengilangan komponen untuk Kenderaan Hibrid dan Elektrik seperti motor elektrik, bateri elektrik dan sistem pengurusan bateri.

Insentif-insentif ini berkuat kuasa untuk permohonan yang diterima oleh pihak MIDA dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2020.

1.7 Insentif bagi Industri Aeroangkasa

Pembangunan industri aeroangkasa merupakan salah satu bidang strategik dan teknologi tinggi yang dikenal pasti oleh Kerajaan. Ia merangkumi aktiviti yang menyumbang kepada Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih (MRO), Pembuatan Aero, Integrasi Sistem dan Kejuruteraan & Reka Bentuk secara langsung dan tidak langsung.

MIDA menyediakan insentif dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan atau pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan (ITA) untuk tempoh lima atau sepuluh tahun kepada syarikat yang mempunyai rancangan untuk melaksanakan aktiviti berikut:-

- i. Pembuatan aeroangkasa;
- ii. Integrasi sistem;
- iii. Penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO);
- iv. Perkhidmatan berkaitan aero.

Insentif-insentif ini berkuat kuasa untuk permohonan yang diterima oleh pihak MIDA dari 1 November 2016 hingga 31 Disember 2020.

1.8 Insentif bagi Penggunaan Biojisim Kelapa Sawit untuk Mengeluarkan Produk Nilai Ditambah

Syarikat yang menggunakan biojisim kelapa sawit bagi mengeluarkan produk nilai ditambah seperti bahan kimia berasaskan bio, biobahan api, papan zarah, papan gentian kepadatan sederhana, papan lapis, palpa dan kertas, layak mendapat insentif berikut:

i. Syarikat Baru

- a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh sepuluh tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut;

atau

- b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

ii. Insentif bagi Syarikat Sedia Ada yang Melabur Semula

- a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun tambahan yang dihasilkan daripada pelaburan semula untuk tempoh sepuluh tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan untuk tempoh tujuh tahun berturut-turut.

- b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak tambahan yang ditanggung untuk tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

1.9 Insentif untuk Sistem Bangunan Industri (IBS)

Komponen asas/keluaran dan sistem asas

Tiang, rasuk, jubin, dinding, kekuda bumbung, sistem konkrit pratuang, sistem acuan, sistem kerangka keluli, sistem blok kerja, sistem kerangka kayu dan sistem inovatif.

Syarikat yang menjalankan aktiviti dalam pembuatan Sistem Bangunan Industri (IBS) layak untuk:

- i. Pengecualian cukai pendapatan antara 70% - 100% daripada pendapatan berkanun selama tempoh lima tahun.

atau

- ii. Pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama. Elaun ini boleh ditolak daripada sebanyak 70% - 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

1.10 Takrif Berhasrat untuk Pemberian Insentif Cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 untuk Syarikat Milik Rakyat Malaysia

Di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA), 1986, kriteria utama bagi sebuah syarikat untuk menikmati insentif cukai ialah syarikat mestilah 'berhasrat' dalam mewujudkan atau mengambil bahagian dalam aktiviti yang digalakkan atau menghasilkan suatu keluaran yang digalakkan yang belum memulakan pengeluarannya.

i. Definisi pengeluaran:

- a. Syarikat Perkilangan - Syarikat telah mula menghasilkan keluaran (termasuk pengeluaran percubaan).
- b. Syarikat Perkhidmatan - Syarikat telah mengeluarkan invoice pertama untuk perkhidmatan yang diberikan.

ii. Syarikat dalam Proses Pengeluaran

Syarikat perkilangan dan perkhidmatan milik rakyat Malaysia yang telah pun menjalankan proses pengeluaran tidak memenuhi syarat klausa 'berhasrat' di bawah PIA, 1986. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa dari 3 Julai 2012, syarikat milik rakyat Malaysia yang telah memulakan proses pengeluaran dalam tempoh satu tahun dari tarikh permohonan kepada MIDA layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif cukai.

iii. Insentif

Pengecualian cukai bersamaan dengan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan berdasarkan kadar dan kriteria kelayakan semasa di bawah PIA, 1986.

1.11 Insentif Tambahan bagi Sektor Perkilangan

i. Elaun Pelaburan Semula

Elaun Pelaburan Semula (Reinvestment Allowance atau RA) diberikan kepada syarikat-syarikat sedia ada yang terlibat dalam aktiviti perkilangan dan pertanian terpilih, yang menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pembesaran, automasi, pemodenan atau pempelbagaian sebarang keluaran yang berkaitan dalam industri yang sama, dengan syarat syarikat telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 36 bulan.

RA diberikan pada kadar 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung oleh syarikat, dan ianya boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun syarikat bagi tahun taksiran. Sebarang elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan sehingga tempoh maksimum selama tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh tersebut bermula sebaik selepas akhir tahun kelima belas. RA boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun syarikat bagi tahun taksiran yang berkenaan jika syarikat mencapai tahap produktiviti melebihi tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Untuk butiran lanjut mengenai tahap produktiviti yang ditetapkan bagi setiap subsektor, sila hubungi Lembaga Hasil Dalam Negeri (sila lihat Alamat Penting – Organisasi Berkaitan).

RA akan diberikan untuk tempoh 15 tahun berturut-turut bermula dari tahun pelaburan semula pertama dilakukan. Syarikat hanya boleh membuat tuntutan RA setelah projek yang layak telah siap, iaitu setelah bangunan siap atau apabila loji/jentera telah beroperasi. Mula berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2009, syarikat yang membeli sesuatu aset daripada syarikat berkaitan dalam kumpulan syarikat yang sama, dan RA telah dituntut ke atas aset itu, tidak dibenarkan menuntut RA sekali lagi ke atas aset yang sama.

Aset-aset yang diperoleh bagi pelaburan semula tidak boleh dilupuskan dalam tempoh lima tahun dari tarikh pelaburan semula, mula berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2009.

Syarikat-syarikat yang bercadang untuk melabur semula sebelum tamatnya tempoh pengecualian cukai, boleh menyerahkan Taraf Perintis atau Sijil Perintis untuk tujuan pembatalan dan layak mendapat RA.

Permohonan untuk RA hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), sementara permohonan bagi penyerahan Taraf Perintis atau Sijil Perintis untuk RA hendaklah dikemukakan kepada MIDA.

ii. Elaun Modal Dipercepat

a) Pelaburan semula untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan

Selepas tempoh kelayakan untuk mendapat RA selama 15 tahun, syarikat yang melabur semula dalam pengilangan keluaran digalakkan boleh memohon Elaun Modal Dipercepat (Accelerated Capital Allowance atau ACA). ACA menyediakan elaun khas, di mana perbelanjaan modal dihapus kira dalam tempoh tiga tahun, iaitu elaun permulaan sebanyak 40% dan elaun tahunan sebanyak 20%.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada LHDN dan disertakan bersama surat pengesahan daripada MIDA bahawa syarikat menjalankan aktiviti pengilangan untuk keluaran digalakkan.

Permohonan bagi ACA hendaklah diserahkan kepada LHDN.

b) Sisa-Sisa Kitar Semula

Mula berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2001, sebuah syarikat perkilangan yang telah menanggung Perbelanjaan Layak untuk tujuan perniagaannya boleh menuntut ACA ke atas loji dan jentera yang:-

- Digunakan khas atau sebaliknya untuk kitar semula sisa, atau
- Digunakan untuk pemprosesan sisa selanjutnya untuk menghasilkan keluaran siap.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

iii. Insentif bagi Sistem Bangunan Perindustrian

Sistem Bangunan Industri (IBS) akan meningkatkan kualiti pembinaan, mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat dan bersih serta mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Syarikat yang menanggung perbelanjaan bagi pembelian acuan yang digunakan dalam pengeluaran komponen IBS, layak mendapat Elaun Modal Dipercepat (ACA), mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2006 pada kadar 40% untuk Elaun Permulaan dan 20% untuk Elaun Tahunan.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

iv. Pelepasan Kumpulan

Pelepasan kumpulan diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada semua syarikat pemastautin yang diperbadankan di dalam negara. Mula berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2009, sebuah syarikat yang layak mendapat pelepasan kumpulan boleh menyerahkan maksimum 70% daripada kerugian terlarasnya untuk ditolak daripada pendapatan syarikat lain dalam kumpulan yang sama selama tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut. Syarat-syarat berikut mestilah dipenuhi oleh pihak menuntut dan syarikat penyerah:

- a) Pihak menuntut dan syarikat penyerah masing-masing mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas;
- b) Kedua-dua pihak menuntut dan syarikat penyerah mestilah mempunyai tempoh perakaunan yang sama;
- c) Pemegangan saham, sama ada langsung atau tidak langsung, pihak menuntut dan syarikat penyerah dalam kumpulan mestilah tidak kurang daripada 70%;
- d) Sebanyak 70% daripada pemegangan saham mestilah berterusan sepanjang tahun sebelumnya dan tahun yang berkenaan;

- e) Kerugian yang timbul daripada pengambilalihan hak empunya atau syarikat milik asing tidak boleh diambil kira bagi maksud pelepasan kumpulan;
- f) Syarikat yang sedang menikmati insentif berikut tidak layak untuk pelepasan kumpulan:
 - Taraf Perintis
 - Elaun Cukai Pelaburan/ Elaun Pelaburan
 - Elaun Pelaburan Semula
 - Pengecualian keuntungan perkapalan
 - Pengecualian Cukai Pendapatan di bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan, 1967

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

v. Elaun Modal Automasi

Syarikat perkilangan (industri intensif buruh dan tidak intensif buruh) yang beroperasi selama sekurang-kurangnya 36 bulan di Malaysia, layak untuk:

Kategori 1: Industri intensif buruh yang tinggi (produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil)

- i. Elaun Modal Automasi sebanyak 200% ke atas perbelanjaan RM4 juta pertama yang ditanggung dalam tempoh lima (5) tahun taksiran dari tahun 2015 hingga 2020; dan

Kategori 2: Industri-industri lain

- ii. Elaun Modal Automasi sebanyak 200% ke atas perbelanjaan RM2 juta pertama yang ditanggung dalam tempoh lima (5) tahun taksiran dari tahun 2015 hingga 2020.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

2. INSENTIF BAGI SEKTOR PERTANIAN

Akta Penggalakan Pelaburan 1986 menyatakan bahawa istilah "syarikat" berhubung dengan pertanian termasuk:

- Pertubuhan koperasi dan persatuan berasaskan pertanian; dan
- Pemilikan tunggal dan perkongsian yang terlibat dalam pertanian.

Syarikat yang menghasilkan keluaran digalakkan atau terlibat dalam aktiviti digalakkan (sila lihat Lampiran I: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Am dan Lampiran III: Syarikat Kecil) dalam sektor pertanian, layak mendapat insentif berikut:

2.1 Insentif Utama bagi Sektor Pertanian

i. Taraf Perintis

Seperti dalam sektor perkilangan, syarikat yang menghasilkan keluaran digalakkan atau terlibat dalam aktiviti digalakkan, layak mendapat Taraf Perintis.

Syarikat Taraf Perintis menikmati pengecualian sebahagian daripada cukai pendapatan. Ia membayar cukai sebanyak 30% daripada pendapatan berkanunnya selama lima tahun, bermula dari Hari Pengeluarannya (ditakrifkan sebagai hari jualan pertama hasil pertanian).

Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

ii. Elaun Cukai Pelaburan

Sebagai alternatif kepada Taraf Perintis, syarikat yang menghasilkan keluaran digalakkan atau terlibat dalam aktiviti digalakkan boleh memohon Elaun Cukai Pelaburan (ITA). Sebuah syarikat yang diberikan ITA layak mendapat elaun sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama.

Elaun ini boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun syarikat bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya. Baki sebanyak 30% daripada pendapatan berkanun dikenakan cukai pada kadar cukai syarikat semasa.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

2.2 Insentif untuk Pengeluaran Makanan

Insentif untuk Projek Baru

Insentif spesifik diperkenalkan untuk menarik pelaburan ke dalam projek makanan pada peringkat ladang dan juga peringkat pengeluaran/pemprosesan. Insentif ini akan meningkatkan bekalan bahan mentah untuk sektor pemprosesan makanan dan dengan itu mengurangkan pergantungan pada import bahan mentah tersebut.

Insentif cukai diberikan kepada syarikat yang melabur dalam anak syarikat yang terlibat dalam projek pengeluaran makanan diluluskan, dan juga kepada anak syarikatnya yang menjalankan aktiviti pengeluaran makanan itu. Insentif cukai yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Sebuah syarikat yang melabur dalam anak syarikatnya yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran makanan boleh dipertimbangkan untuk mendapat potongan cukai yang sama banyaknya dengan amaun pelaburan yang dibuat dalam anak syarikat tersebut bagi tahun taksiran itu; dan

- ii. Anak syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran makanan boleh dipertimbangkan untuk mendapat pengecualian cukai penuh ke atas pendapatan berkanunnya selama sepuluh tahun taksiran bagi projek baru atau lima tahun taksiran bagi projek pembesaran.

Permohonan diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2020.

2.3 Insentif bagi Produk Halal

i. Insentif untuk Pengeluaran Makanan Halal

Untuk menggalakkan pelaburan baru dalam pengeluaran makanan halal dan meningkatkan penggunaan jentera dan peralatan yang moden dan terkini dalam mengeluarkan makanan halal berkualiti tinggi yang mematuhi standard antarabangsa, syarikat yang melabur dalam pengeluaran makanan halal dan telah memperoleh pensijilan halal daripada pihak JAKIM yang mematuhi MS 1500: 2004, layak mendapat Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun.

Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun pada tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Untuk maklumat lanjut mengenai cara mendapatkan sijil halal daripada JAKIM, sila lawati www.halal.gov.my.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

ii. Insentif bagi Aktiviti-aktiviti Halal Lain

a) Insentif bagi Pengendali Taman Halal

Sebagai usaha untuk menggalakkan daya tarikan di Taman-taman Halal, pengusaha-pengusaha taman halal layak mendapat insentif berikut:

- i) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh sepuluh tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut;

atau

- ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

b) Insentif untuk Penggiat Industri Halal

Syarikat yang bercadang untuk mengusahakan projek-projek di Taman Halal yang ditetapkan, layak untuk-

- i) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh sepuluh tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya; atau
- ii) Pengecualian daripada duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah yang digunakan untuk pembangunan dan pengeluaran produk digalakkan yang halal.
- iii) Potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan standard kualiti antarabangsa seperti HACCP, GMP, Codex Alimentarius (garis panduan standard makanan FAO & WHO), Prosedur Operasi Standard Sanitasi dan peraturan untuk pematuhan pasaran eksport seperti Keupayaan Mengesan Makanan (Food Traceability) dari ladang khinzir.

c) Insentif bagi Pengendali Logistik Halal

Sebagai usaha untuk menggalakkan industri halal dan rantaian bekalan halal di Malaysia, insentif berikut diberikan kepada pengusaha-pengusaha logistik halal:

- i) Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun selama tempoh lima tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut.

atau

- ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak daripada sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada Halal Industry Development Corporation (HDC).

Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.hdcglobal.com.

2.4 Insentif Tambahan bagi Sektor Pertanian

i. Elaun Pelaburan Semula

Syarikat yang terlibat sekurang-kurangnya 36 bulan dalam pengeluaran makanan penting seperti beras, jagung, sayur-sayuran, ubi, ternakan, produk akuatik dan apa-apa aktiviti lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, layak mendapat Elaun Pelaburan Semula (RA).

RA adalah dalam bentuk elaun sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh 15 tahun bermula dari tahun pelaburan semula pertama dibuat. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun pada tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan sehingga tempoh maksimum selama tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh tersebut bermula sebaik selepas akhir tahun kelima belas.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

ii. Insentif bagi Pelaburan Semula dalam Industri Berasaskan Sumber

Insentif ini ditawarkan kepada syarikat yang sekurang-kurangnya 51% milik rakyat Malaysia, dan dalam industri getah, kelapa sawit dan industri berasaskan kayu yang menghasilkan keluaran yang mempunyai potensi eksport. Syarikat dalam industri ini melabur semula bagi tujuan pembesaran, layak untuk:

- a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut.

atau

- b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal kelayakan tambahan yang ditanggung untuk tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

(Sila lihat Lampiran V: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Pelaburan Semula)

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

iii. Insentif bagi Pelaburan Semula dalam Aktiviti Pemprosesan Makanan

Sebuah syarikat perkilangan milik tempatan dengan ekuiti rakyat Malaysia sekurang-kurangnya 60% yang melabur semula dalam aktiviti pemprosesan makanan digalakkan, layak untuk:

- a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut;

atau

- b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak tambahan yang ditanggung untuk tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

(Sila lihat Lampiran V: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan – Pelaburan Semula)

iv. Elaun Modal Dipercepat

Selepas tamat tempoh Elaun Pelaburan Semula (RA), syarikat-syarikat yang melabur semula dalam aktiviti pertanian dan keluaran makanan digalakkan layak memohon Elaun Modal Dipercepat (ACA). Aktiviti ini termasuk penanaman padi, jagung, sayur-sayuran, umbi, ternakan, produk akuatik dan sebarang aktiviti lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

ACA menyediakan elaun khas agar perbelanjaan modal boleh dihapus kira dalam tempoh dua tahun, iaitu elaun permulaan sebanyak 20% pada tahun pertama dan elaun tahunan sebanyak 40%.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN dan disertakan bersama surat pengesahan daripada MIDA bahawa syarikat menjalankan aktiviti pertanian digalakkan atau menghasilkan keluaran makanan digalakkan.

v. Elaun Pertanian

Individu atau syarikat yang mengusahakan aktiviti pertanian boleh menuntut Elaun Modal dan Elaun Bangunan Perindustrian khas di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk perbelanjaan modal tertentu.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

vi. Elaun sebanyak 100% ke atas Perbelanjaan Modal bagi Projek Pertanian yang Diluluskan

Jadual 4A Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan elaun sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi Projek Pertanian Diluluskan seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Perkara ini merangkumi perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam jangka masa tertentu untuk sebuah ladang yang menanam dan menggunakan keluasan ekar minimum tertentu seperti yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Projek pertanian diluluskan adalah untuk penanaman sayur-sayuran, buah-buahan (betik, pisang, markisah, belimbing, jambu batu dan manggis), ubi, akar, herba, rempah-rempah, tanaman untuk makanan haiwan dan produk berasaskan hidroponik; ternakan ikan hiasan; ternakan ikan dan udang (ternakan kolam, ternakan tangki, ternakan sangkar marin, dan ternakan sangkar marin luar pesisir); kerang, tiram, kupang dan kultur rumpai laut; tempat penetasan udang halus, udang dan ikan; dan spesies ladang hutan tertentu.

Insentif ini membolehkan seseorang yang mengusahakan sebuah projek sedemikian memilih supaya perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk projek itu ditolak daripada pendapatan agregatnya, termasuk pendapatan daripada sumber-sumber lain. Jika pendapatan agregat tidak mencukupi, perbelanjaan yang tidak diserap boleh dibawa ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Jika orang tersebut mengambil pilihan ini, ia/beliau tidak lagi layak mendapat sebarang elaun modal atau elaun pertanian ke atas perbelanjaan modal yang sama.

Insentif ini tidak boleh dinikmati syarikat yang telah diberikan insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan tempoh pelepasan cukainya belum bermula atau belum tamat.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

3. INSENTIF BAGI INDUSTRI BIOTEKNOLOGI

3.1 Insentif Utama bagi Industri Bioteknologi

Sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti bioteknologi dan telah diluluskan dengan Status BioNexus* oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Perbadanan Bioekonomi) boleh layak mendapat insentif berikut:

- i. Bagi pendapatan IP, pengecualian cukai sehingga 100% daripada pendapatan berkanun**:
 - a) untuk tempoh sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun daripada perniagaan baru; atau
 - b) untuk tempoh lima (5) tahun taksiran berturut-turut dari tahun pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun daripada perniagaan sedia ada dan projek pembesaran;

- ii. Bagi pendapatan bukan IP, pengecualian cukai sehingga 70% daripada pendapatan berkanun**:
 - a) untuk tempoh sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut dari tahun pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun daripada perniagaan baru; atau
 - b) untuk tempoh lima (5) tahun taksiran berturut-turut dari tahun pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun daripada perniagaan sedia ada dan projek pembesaran.
- iii. Pengecualian sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan baru atau pengembangan projek yang sama banyaknya dengan elaun sebanyak 100% bagi perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh 5 tahun**.
- iv. Kadar cukai konsesi sebanyak 20% ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti-aktiviti yang layak selama tempoh 10 tahun setelah tamatnya tempoh pengecualian cukai.
- v. Pengecualian daripada duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah/ komponen/ jentera/ peralatan.
- vi. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang ditanggung bagi penyelidikan dan pembangunan.
- vii. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang ditanggung untuk penggalakan eksport.
- viii. Bangunan layak yang digunakan semata-mata untuk tujuan aktiviti bioteknologi akan layak mendapat Elaun Bangunan Industri (IBA) yang boleh dituntut selama tempoh 10 tahun.
- ix. Syarikat atau individu (dengan sumber pendapatan perniagaan) yang melabur dalam sebuah syarikat Status BioNexus, layak mendapat potongan cukai yang sama banyaknya dengan jumlah pelaburan yang dibuat semasa permulaan peringkat pengkomersialan.

** Permohonan bagi Status BioNexus hendaklah diserahkan kepada Perbadanan Bioteknologi.*

*** Maklumat sehingga 22 April 2019 yang tertakluk pada pemuktamadan oleh Kementerian Kewangan.*

3.2 Pendanaan Bioteknologi bagi Syarikat Status BioNexus

Perbadanan Bioteknologi menyediakan pendanaan untuk syarikat Status BioNexus di bawah Program Dana Pengkomersialan Bioteknologi (Biotechnology Commercialisation Fund atau BCF) 2.0. Objektif Kemudahan BCF adalah untuk memudahkan pengkomersialan keluaran dan perkhidmatan bioteknologi yang sedang dijalankan serta memberikan bantuan dalam mengembangkan perniagaan bioteknologi sedia ada pemohon.

Pada dasarnya, terdapat dua (2) skim pembiayaan yang berbeza di bawah Program BCF. Skim-skim tersebut ialah Skim Pembangunan Bioekonomi (Bioeconomy Development Scheme atau BDS), suatu kemudahan pembiayaan berjangka, dan Skim Saraan Perniagaan (Business Sustenance Scheme atau BSS) yang berfungsi untuk membantu memenuhi keperluan pembiayaan modal kerja pemohon.

BDS ialah skim pembiayaan dengan had sehingga RM2,700,000 bagi setiap pemohon (tidak termasuk Kos Pembiayaan Kemasukan Sifar atau Zero Entry Financing Cost) dan merangkumi perbelanjaan berikut:

- a) Pembelian bangunan siap bina / tanah untuk pembinaan bangunan atau tanah bagi tujuan operasi perniagaan;
- b) Pembelian mesin dan peralatan baru/ terpakai, makmal atau peralatan pengeluaran lain;
- c) Perbelanjaan kendalian melainkan perbelanjaan gaji/ emolumen modal insan; dan
- d) Sebarang perbelanjaan kendalian lain, tertakluk pada kelulusan MIDF.

Margin pembiayaan di bawah BDS adalah berbeza seperti berikut:

- a) Pembiayaan sehingga 90% untuk pembelian bangunan siap bina/tanah untuk pembinaan bangunan atau tanah bagi tujuan operasi perniagaan;
- b) Pembiayaan sehingga 90% untuk pembelian mesin dan peralatan baru, makmal atau peralatan pengeluaran lain;
- c) Pembiayaan sehingga 65% untuk pembelian mesin dan peralatan terpakai, makmal atau peralatan pengeluaran lain yang terpakai; dan/atau;
- d) Pembiayaan sehingga 90% untuk perbelanjaan kendalian dan tidak boleh melebihi 20% daripada jumlah kemudahan.

Margin pembiayaan bagi kesemua perkara di atas adalah tertakluk pada kelulusan MIDF.

BSS ialah kemudahan pembiayaan sehingga RM600,000 yang ditawarkan dalam salah satu bentuk berikut kepada pemohon yang berjaya:

- a) Kredit Pusingan Belian/ Kredit Pusingan Jualan

Kemudahan pembiayaan dengan ciri fleksibel yang boleh dibayar keluar, dibayar balik sepenuhnya dan kitaran ini dilaksanakan secara berulang. Kemudahan ini boleh dibayar keluar sebagai wang pendahuluan dalam beberapa tranche sehingga had kemudahan dan boleh digunakan semula apabila wang pendahuluan dibayar balik. Kemudahan ini boleh diperbaharui setiap tahun dan hendaklah menurut terma dan syarat yang terpakai.

- b) Pembiayaan Modal Kerja Berjangka

Kemudahan pembiayaan dengan pembayaran balik berjadual tetap sepanjang tempoh tertentu menurut terma dan syarat yang terpakai.

- c) Pemfaktoran

Pembiayaan yang diperoleh daripada penjualan item belum terima (receivables) pada harga diskaun, menurut terma dan syarat yang terpakai.

Perbelanjaan biasa yang dibenarkan di bawah kemudahan BSS termasuk perkara berikut:

- a) Bahan mentah, barangan guna habis (consumables)/ ternakan;
- b) Perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan ke arah peningkatan keluaran/ perkhidmatan sedia ada melainkan perbelanjaan gaji/ emolumen modal insan;
- c) Perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembesaran perniagaan untuk memperkenalkan keluaran/ perkhidmatan ke dalam pasaran global seperti iklan, penyertaan dalam pameran luar negara, iaitu membuka ruang pameran, tiket udara dan lain-lain, tidak termasuk perbelanjaan gaji/ emolumen modal insan;
- d) Perbelanjaan overhead yang berkaitan secara langsung dengan peringkat penyelidikan dan pembangunan/ pembangunan perniagaan antarabangsa tertentu;
- e) Pemfailan dan pendaftaran Harta Intelek (IP);
- f) Kos ujian klinikal / percubaan lapangan;
- g) Kos pematuhan dan kawal selia;
- h) Kos permulaan untuk pengambilan pekerja pengetahuan;
- i) Bayaran perundingan profesional/ teknikal;
- j) Perbelanjaan yang bersifat modal kerja melainkan perbelanjaan gaji/ emolumen modal insan; dan
- k) Sebarang perbelanjaan modal kerja lain, tertakluk pada kelulusan MIDF.

Margin pembiayaan untuk BSS yang ditawarkan adalah berbeza seperti berikut:

- a) Pembiayaan sehingga 100% untuk Kredit Pusingan Belian;
- b) Pembiayaan sehingga 90% untuk Kredit Pusingan Jualan;
- c) Pembiayaan sehingga 90% untuk Pembiayaan Modal Kerja Berjangka; atau
- d) Pembiayaan sehingga 80% untuk Pemfaktoran.

Kriteria kelayakan untuk mana-mana Program BCF yang tersebut di atas termasuk yang berikut:

- a) pemohon mestilah merupakan sebuah syarikat Status BioNexus;
- b) majoriti milik rakyat Malaysia, iaitu sekurang-kurangnya 51% daripada ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia; dan
- c) modal berbayar minimum sebanyak RM250,000.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.bioeconomycorporation.my.

4. INSENTIF UNTUK PENGURUSAN ALAM SEKITAR

4.1 Insentif bagi Projek Perladangan Hutan

Syarikat yang menjalankan projek perladangan hutan layak mendapat insentif berikut di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh sepuluh tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

4.2 Insentif bagi Aktiviti Kitar Semula Sisa

Syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti kitar semula sisa yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan menggunakan teknologi tinggi, layak mendapat Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Aktiviti-aktiviti ini, yang termasuk kitar semula sisa pertanian atau hasil sampingan pertanian, kitar semula bahan kimia dan pengeluaran papan panel atau produk berasaskan kayu yang dibentuk semula, layak untuk:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun. Elaun modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan.

Kerugian terkumpul yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan selama tempoh tujuh tahun berturut-turut.

atau

- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung untuk tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun pada setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Syarikat hanya dibenarkan mengitar semula sisa/sekerap yang terdapat di Malaysia termasuk Zon Perindustrian Bebas (Free Industrial Zone atau FIZ)/ Gudang Pengilangan Berlesen (LMW). Syarikat tidak dibenarkan mengimport sisa/sekerap dari luar negara.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

4.3 Insentif Teknologi Hijau

Dalam Bajet 2014, pihak Kerajaan telah mengumumkan peruntukan elaun cukai pelaburan untuk pembelian aset teknologi hijau dan pengecualian cukai pendapatan ke atas penggunaan perkhidmatan dan sistem teknologi hijau untuk memperkukuh pembangunan teknologi hijau (GT).

Projek Teknologi Hijau

Syarikat yang menjalankan aktiviti dalam projek Teknologi Hijau layak untuk:

- i. Pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung pada projek teknologi hijau bagi tempoh maksimum selama 5 tahun atau sehingga 31 Disember 2020 dari tarikh perbelanjaan modal layak ditanggung. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Insentif tamat pada 31 Disember 2020.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

Perkhidmatan Hijau

Syarikat yang menjalankan aktiviti dalam projek Perkhidmatan Hijau layak untuk:

- i. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan statutori selama tempoh 5 tahun atau sehingga tahun taksiran 2020. Kerugian tidak diserap selepas akhir tempoh pengecualian boleh dibawa ke depan selama tujuh tahun taksiran berturut-turut.

Insentif ini tamat tempohnya pada 31 Disember 2020.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

4.4 Insentif bagi Taman Eko Sisa (Waste Eco Park atau WEP)

Taman Eko Sisa ditakrifkan sebagai tempat untuk aktiviti mengitar semula, mendapatkan balik dan merawat sisa yang dijalankan dan diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Taman ini perlu mengandungi infrastruktur asas seperti jalan, saluran, kemudahan awam dan pembetulan, bangunan dan kemudahan untuk penerimaan dan pengasingan sisa, kemudahan rawatan air buangan, kemudahan pengitaran semula/mendapatkan balik/rawatan sisa dan bangunan untuk pusat pendidikan/kesedaran.

Syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat sebagai pemaju, pengendali atau pengurus, layak mendapat insentif cukai seperti di bawah:

i. Pemaju WEP

Syarikat yang menjalankan pembangunan infrastruktur dalam WEP layak untuk:

- a) Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun dari tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2025. Kerugian tidak diserap selepas akhir tempoh pengecualian boleh dibawa ke depan selama tujuh tahun taksiran berturut-turut.

Permohonan yang diterima oleh MIDA dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2020 layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif ini.

ii. Pengurus WEP

Syarikat yang mengurus, menyenggarakan, menyelia dan memasarkan WEP untuk memastikan koordinasi/ pelaksanaan yang berkesan dan cekap, layak untuk:

- a) Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun dari tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2025. Kerugian tidak diserap selepas akhir tempoh pengecualian boleh dibawa ke depan selama tujuh tahun taksiran berturut-turut.

Permohonan yang diterima oleh MIDA dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2020 layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif ini.

iii. Pengendali WEP

Syarikat yang mengitar semula/mendapatkan balik/merawat sisa di WEP, layak untuk:

- a) Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama tempoh 5 tahun. Kerugian tidak diserap selepas akhir tempoh pengecualian boleh dibawa ke depan selama tujuh tahun taksiran berturut-turut.

- b) Pengecualian cukai pendapatan yang sama banyaknya dengan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama ditanggung. Elaun ini boleh ditolak daripada sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Permohonan yang diterima oleh MIDA dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2020 layak dipertimbangkan untuk mendapat insentif ini.

4.5 Elaun Modal Dipercepat

i. Aktiviti Pengitaran Semula Sisa

Berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2001, sebuah syarikat perkilangan yang telah menanggung Perbelanjaan Layak untuk tujuan perniagaannya boleh menuntut ACA ke atas loji dan jentera yang:-

- Digunakan semata-mata atau sebaliknya untuk pengitaran semula sisa, atau
- Digunakan untuk pemprosesan sisa selanjutnya untuk menghasilkan keluaran siap.

Syarikat yang memenuhi kriteria di atas layak menuntut ACA sebanyak 20% untuk elaun permulaan dan 40% untuk elaun tahunan.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

ii. Peralatan untuk Mengekalkan Kualiti Bekalan Kuasa

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan, berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2005, syarikat yang menanggung perbelanjaan modal ke atas peralatan untuk memastikan kualiti bekalan kuasa, layak mendapat ACA selama tempoh dua tahun yang membolehkan Syarikat menghapus kira perbelanjaan modal dalam tempoh dua tahun, iaitu elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan sebanyak 40%.

Hanya peralatan yang ditentukan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim layak mendapat ACA.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

5. INSENTIF BAGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Akta Penggalakan Pelaburan 1986 mentakrifkan penyelidikan dan pembangunan sebagai “apa-apa kajian sistematik, siasatan dan eksperimen yang melibatkan risiko novelti atau teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuan untuk menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau penambahbaikan bahan, alat, produk, hasil atau proses” tetapi tidak termasuk:

- kawalan mutu keluaran atau pengujian rutin bahan, alat, produk atau hasil;
- penyelidikan sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
- pemungutan data rutin;
- kaji selidik kecekapan; dan
- penyelidikan pasaran atau penggalakan penjualan;
- pengubahsuaian atau perubahan rutin bagi bahan, alat, keluaran, proses atau kaedah pengeluaran; atau
- pengubahsuaian kosmetik atau perubahan stilistik bagi bahan, alat, keluaran, proses atau kaedah pengeluaran.

Bagi memperkukuh asas Malaysia untuk R&D yang lebih bersepadu, syarikat yang menjalankan kerja reka bentuk, pembangunan dan prototaip sebagai aktiviti bebas juga layak mendapat insentif berkenaan.

5.1 Insentif Utama bagi Penyelidikan dan Pembangunan

i. Syarikat R&D Kontrak

Syarikat R&D kontrak merupakan sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat selain daripada syarikat berkaitannya. Di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, syarikat berkaitan ditakrifkan sebagai sebuah syarikat yang sekurang-kurangnya 20% daripada modal saham terbitannya dimiliki (secara langsung atau tidak langsung) oleh syarikat yang lain. Syarikat R&D kontrak layak untuk:

- Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama lima tahun. Kerugian perintis tidak diserap selepas akhir tempoh perintis boleh dibawa ke depan selama tujuh tahun taksiran berturut-turut; atau
- Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh sepuluh tahun. ITA boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun pada setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

ii. Syarikat R&D

Sebuah syarikat R&D yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat berkaitannya atau untuk mana-mana syarikat lain, layak dipertimbangkan ITA sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya. Akta Penggalakan Pelaburan 1986 mentakrifkan syarikat berkaitan sebagai sebuah syarikat yang sekurang-kurangnya 20% daripada modal saham terbitannya dimiliki (secara langsung atau tidak langsung) oleh syarikat yang lain. Sekiranya syarikat R&D memilih untuk tidak memanfaatkan elaun tersebut, syarikat berkaitannya boleh menikmati potongan dua kali bagi bayaran yang dibuat kepada syarikat R&D untuk perkhidmatan yang diberikan.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

iii. Penyelidikan dalam Syarikat

Sebuah syarikat yang menjalankan R&D di Malaysia untuk tujuan perniagaannya sendiri boleh memohon Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 50% daripada perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh 10 tahun. Elaun Cukai Pelaburan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan sehingga diserap sepenuhnya.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

iv. Insentif bagi Pelaburan Semula dalam Aktiviti R&D

Syarikat-syarikat R&D sedia ada yang menjalankan pelaburan semula, layak dipertimbangkan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan seperti berikut:

a) Syarikat R&D Kontrak

- i) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai penuh (100%) bagi pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun. Kerugian tidak diserap selepas akhir tempoh pendapatan boleh dibawa ke depan selama tujuh tahun taksiran berturut-turut; atau
- ii) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas tambahan perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh 10 tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama dilakukan. Elaun ini boleh ditolak daripada sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan sehingga digunakan sepenuhnya.

b) Syarikat R&D:

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas tambahan perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh sepuluh tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama dilakukan. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan sehingga digunakan sepenuhnya.

c) R&D dalam Syarikat:

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 50% ke atas tambahan perbelanjaan modal layak yang ditanggung dalam tempoh 10 tahun dari tarikh perbelanjaan modal layak pertama dilakukan. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan sehingga digunakan sepenuhnya.

(Sila lihat Lampiran V: Senarai Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Pelaburan Semula)

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

v. Insentif bagi Pengkomersialan R&D Sektor Awam

Bagi menggalakkan pengkomersialan penemuan R&D berasaskan sumber oleh institusi penyelidikan awam, insentif berikut diberikan:

- a) Sebuah syarikat yang melabur dalam anak syarikatnya yang terlibat dalam pengkomersialan penemuan R&D, layak mendapat potongan cukai yang sama banyaknya dengan amaun pelaburan yang dilakukan dalam anak syarikat itu; dan
- b) Anak syarikat yang menjalankan pengkomersialan penemuan R&D layak mendapat Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun selama 10 tahun. Elaun Modal tidak diserap yang ditanggung semasa tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascaperintis syarikat berkenaan. Kerugian perintis tidak diserap selepas akhir tempoh perintis boleh dibawa ke hadapan selama tujuh tahun taksiran berturut-turut. Pengkomersialan penemuan yang tidak berasaskan sumber adalah tertakluk pada senarai aktiviti/keluaran digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986.

5.2 Insentif Tambahan bagi Penyelidikan dan Pembangunan

i. Potongan Dua Kali bagi Penyelidikan dan Pembangunan

- Sebuah syarikat boleh menikmati potongan dua kali ke atas perbelanjaan bukan modal yang ditanggung untuk penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

- Bayaran untuk penggunaan perkhidmatan institusi penyelidikan yang diluluskan, syarikat R&D diluluskan atau syarikat R&D kontrak.
- Perbelanjaan R&D diluluskan yang ditanggung semasa tempoh pelepasan cukai bagi syarikat yang diberikan Taraf Perintis, boleh terkumpul dan ditolak selepas tempoh pelepasan cukai.
- Perbelanjaan untuk aktiviti R&D yang dijalankan di luar negara, termasuk latihan kakitangan Malaysia, akan dipertimbangkan untuk potongan dua kali atas dasar kes mengikut kes.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

ii. Insentif bagi Para Penyelidik untuk Mengkomersialkan Penemuan Penyelidikan

Para penyelidik yang menjalankan penyelidikan yang bertumpukan pada penciptaan nilai akan diberikan pengecualian cukai sebanyak 50% selama lima tahun ke atas pendapatan yang mereka peroleh daripada pengkomersialan penemuan penyelidikan mereka. Penyelidikan yang dijalankan hendaklah diperakui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

6. INSENTIF BAGI LATIHAN

6.1 Insentif Tambahan bagi Latihan

i. Potongan bagi Kos Pengambilan Pekerja

Kos pengambilan pekerja dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan pengiraan cukai.

Kos ini termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam menyertai pesta kerja (job fair), bayaran kepada agensi pekerjaan dan pencari eksekutif (head-hunter).

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

ii. Potongan bagi Latihan Prapekerjaan

Perbelanjaan latihan yang ditanggung sebelum memulakan perniagaan layak mendapat potongan sekali. Namun demikian, syarikat mestilah menunjukkan bukti yang ia akan menggaji pelatih berkenaan.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

iii. Potongan bagi Latihan Bukan Pekerja

Perbelanjaan yang dilakukan dalam menyediakan latihan praktikal kepada pemastautin yang bukannya pekerja syarikat boleh dipertimbangkan untuk potongan tunggal.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

iv. Potongan bagi Sumbangan Tunai

Sumbangan wang tunai kepada institusi latihan teknikal atau vokasional yang tidak beroperasi terutamanya demi keuntungan dan yang ditubuhkan dan disenggarakan oleh badan berkanun, layak mendapat potongan tunggal.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

v. Elaun Bangunan Perindustrian Khas

Syarikat yang membelanjakan perbelanjaan untuk bangunan yang digunakan untuk latihan perindustrian, teknikal atau vokasional yang diluluskan, boleh menuntut Elaun Bangunan Perindustrian tahunan khas sebanyak 10% selama 10 tahun ke atas perbelanjaan modal layak untuk pembinaan atau pembelian sebuah bangunan.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

vi. Pengecualian Cukai ke atas Peralatan Pendidikan

Institusi latihan dan projek latihan dalam syarikat yang diluluskan, serta semua institusi pengajian tinggi swasta, layak mendapat pengecualian duti import dan duti eksais ke atas semua peralatan pendidikan termasuk peralatan makmal untuk bengkel, studio dan makmal bahasa.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

vii. Pengecualian Cukai ke atas Bayaran Royalti

Bayaran royalti oleh institusi pendidikan kepada entiti bukan pemastautin (pemberi francais) untuk program pendidikan difrancaiskan yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan, layak mendapat pengecualian cukai.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

viii. Potongan Dua Kali bagi Latihan yang Diluluskan

Syarikat perkilangan dan bukan perkilangan yang tidak menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), layak mendapat potongan dua kali ke atas perbelanjaan latihan yang diluluskan.

- a) Syarikat perkilangan dibenarkan menuntut perbelanjaan latihan sebelum atau selepas permulaan perniagaan.
 - Perbelanjaan yang dilakukan untuk melatih pekerjaannya bagi tujuan meningkatkan dan membangunkan kemahiran kraf, kemahiran penyeliaan dan teknikal pekerja atau meningkatkan produktiviti atau kualiti keluarannya di bawah program latihan yang diluluskan oleh MIDA atau program latihan yang dikendalikan oleh institusi latihan.

b) Syarikat bukan perkilangan

- Perbelanjaan yang dilakukan untuk melatih pekerjaannya di bawah program latihan yang diluluskan oleh MOF atau mana-mana agensi yang dilantik oleh MOF atau program latihan yang dikendalikan oleh institusi latihan.

Bagi perniagaan hotel dan operasi pelancongan, program latihan, dalaman atau di institusi latihan yang diluluskan, untuk meningkatkan tahap kemahiran dan profesionalisme dalam industri pelancongan, hendaklah diluluskan oleh Kementerian Pelancongan atau program latihan yang dikendalikan oleh institusi latihan.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

ix. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF)

Sila rujuk kepada Bab 5 mengenai Tenaga Manusia untuk Industri.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

x. Insentif Cukai bagi Program Latihan Industri Berstruktur

Potongan dua kali diberikan ke atas perbelanjaan yang ditanggung oleh syarikat yang melaksanakan program latihan industri berstruktur yang diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad. Kriteria kelayakan untuk program ini, antara lain, adalah seperti berikut:

- a) Program latihan amali adalah untuk pelatih/siswa Malaysia yang mengikuti program sarjana muda, diploma dan pensijilan vokasional yang setara dengannya, secara sepenuh masa di institusi pengajian tinggi tempatan.
- b) Program latihan amali adalah selama tempoh minimum 10 minggu dengan elaun bulanan yang tidak kurang daripada RM 500.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

Insentif terpakai untuk Tahun Taksiran 2012 hingga 2019.

7. INSENTIF BAGI PROJEK PERKHIDMATAN DILULUSKAN

Projek Perkhidmatan Diluluskan (ASP) atau projek dalam subsektor pengangkutan, komunikasi dan kemudahan awam yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, layak untuk insentif cukai berikut:

7.1 Insentif Utama bagi ASP

i. Pengecualian di bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967

Di bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967, syarikat-syarikat yang mengusahakan ASP boleh memohon pengecualian cukai sebanyak 70% daripada pendapatan berkanunnya selama tempoh lima tahun. Syarikat yang mengusahakan ASP yang berkepentingan nasional dan strategik, layak mendapat pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanunnya untuk tempoh 10 tahun.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada Kementerian Kewangan.

ii. Elaun Pelaburan di bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967

Elaun Pelaburan (Investment Allowance atau IA) di bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967 merupakan alternatif kepada insentif yang ditawarkan di bawah Seksyen 127. Di bawah IA, syarikat-syarikat yang mengusahakan ASP layak mendapat elaun sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal pertama. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun dan sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Syarikat yang mengusahakan ASP yang berkepentingan nasional dan strategik, layak mendapat elaun sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada Kementerian Kewangan.

7.2 Insentif Tambahan bagi ASP

Pengecualian daripada Duti Import, Cukai Jualan dan Duti Eksais ke atas Bahan Mentah, Komponen, Jentera, Peralatan, Alat Ganti dan Barangan Guna Habis.

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan dalam sektor pengangkutan dan telekomunikasi, serta di loji jana kuasa, dan pengendali pelabuhan, boleh memohon pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat ganti dan barangan guna habis yang tidak dikeluarkan dalam negara.

Permohonan di atas hendaklah diserahkan kepada Kementerian Kewangan.

8. INSENTIF BAGI INDUSTRI PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN

8.1 Insentif Cukai bagi Kapal-kapal Malaysia

- Pendapatan syarikat perkapalan yang diperoleh daripada operasi kapal Malaysia adalah 70% dikecualikan daripada cukai dari Tahun Taksiran 2012. Insentif ini hanya terpakai kepada pemastautin. "Kapal Malaysia" ditakrifkan sebagai kapal laut yang didaftarkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (Dipinda), selain daripada feri, baj, bot tunda, kapal pembekalan, bot anak kapal, tongkang, kapal korek, bot nelayan atau kapal lain yang serupa.
- Pendapatan mana-mana orang yang diperoleh daripada menjalankan pekerjaan di atas sebuah "Kapal Malaysia" adalah dikecualikan daripada cukai.
- Pendapatan yang diterima oleh bukan pemastautin daripada penyewaan kontena ISO kepada syarikat perkapalan Malaysia juga dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

9. INSENTIF BAGI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

9.1 Insentif bagi Pembelian Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Elaun Modal Dipercepat

Dari Tahun Taksiran 2009 hingga Tahun Taksiran 2015, seseorang yang bermastautin di Malaysia layak mendapat ACA berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh asas untuk satu tahun taksiran berhubung dengan pembelian apa-apa peralatan teknologi maklumat dan komunikasi yang digunakan untuk tujuan perniagaan.

ACA diberikan pada kadar 20% untuk elaun permulaan dan 80% untuk elaun tahunan. Ini bermakna perbelanjaan yang layak dihapuskan dalam tempoh satu tahun.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

10. INSENTIF BAGI KAWASAN YANG KURANG MEMBANGUN

Syarikat perkilangan/perkhidmatan sedia ada yang memperluas operasinya ke kawasan kurang membangun atau syarikat perkilangan/perkhidmatan yang baru ditubuhkan, layak untuk:

- i. Pengecualian Cukai Pendapatan sebanyak 100% sehingga 15 tahun taksiran (5+5+5), bermula dari tahun taksiran pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun. Jumlah elaun modal tidak diserap yang dilakukan semasa tempoh pengecualian boleh dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan pascapengecualian syarikat berkenaan. Kerugian terkumpul semasa tempoh pengecualian dapat dibawa ke hadapan dan ditolak selama tempoh tujuh tahun berturut-turut;

atau

Pengecualian Cukai Pendapatan bersamaan dengan 100% perbelanjaan modal layak (Elaun Cukai Pelaburan) yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan sehingga diserap sepenuhnya;

- ii. Pengecualian duti setem ke atas pindah milik atau pajakan tanah atau bangunan yang digunakan untuk pembangunan berkaitan dengan aktiviti perkilangan dan perkhidmatan;
- iii. Pengecualian cukai pegangan ke atas bayaran untuk nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan atau royalti berkaitan dengan aktiviti perkilangan dan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2020;
- iv. Pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam pengilangan keluaran siap, tertakluk pada dasar, garis panduan dan prosedur semasa; dan
- v. Pengecualian duti import ke atas jentera dan peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam aktiviti untuk sektor perkhidmatan terpilih, tertakluk pada dasar, garis panduan dan prosedur semasa.

Insentif ini mula berkuat kuasa untuk permohonan yang diterima oleh pihak MIDA dari 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2020.

11. INSENTIF-INSENTIF LAIN

Bahagian ini merangkumi insentif lain yang tidak disebut di bahagian lain dan boleh terpakai untuk sektor berikut: perkilangan, pertanian, aeroangkasa, pelancongan, pengurusan alam sekitar, penyelidikan dan pembangunan, latihan, teknologi maklumat dan komunikasi. Projek Perkhidmatan Diluluskan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan perkilangan.

11.1 Elaun Bangunan Perindustrian

Elaun Bangunan Perindustrian (IBA) diberikan kepada syarikat yang membelanjakan perbelanjaan modal untuk pembinaan atau pembelian sebuah bangunan yang digunakan untuk tujuan tertentu, termasuk:

- Perkilangan, pertanian, perlombongan, kemudahan infrastruktur, penyelidikan, projek perkhidmatan diluluskan dan hotel yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.
- Latihan perindustrian, teknikal atau vokasional, sekolah atau institusi pendidikan, tadika yang diluluskan oleh Menteri Pendidikan atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.
- Pusat asuhan kanak-kanak swasta yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

11.2 Elaun Bangunan Perindustrian bagi Bangunan di MSC Malaysia

Bagi menggalakkan pembinaan lebih banyak bangunan di Cyberjaya bagi kegunaan syarikat status MSC Malaysia, IBA selama tempoh 10 tahun akan diberikan kepada pemilik bangunan baru yang diduduki oleh syarikat status MSC Malaysia di Cyberjaya. Bangunan baru itu termasuk bangunan yang telah siap tetapi belum lagi diduduki oleh syarikat status MSC Malaysia.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

11.3 Potongan Bayaran Audit

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan pematuhan korporat, perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi bayaran audit dianggap perbelanjaan dibenarkan untuk potongan dalam pengiraan cukai pendapatan.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

11.4 Insentif Cukai bagi Pelabur Pemangkin

Pelabur pemangkin yang melabur dalam sebuah syarikat usaha sama pada pembiayaan modal, pembiayaan permulaan dan pembiayaan peringkat awal adalah layak menuntut potongan ke atas jumlah nilai pelaburan. Untuk menarik lebih banyak pelabur pemangkin agar menyediakan pembiayaan kepada syarikat usaha sama, mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2013, jumlah pelaburan oleh pelabur pemangkin dalam sebuah syarikat usaha sama dibenarkan sebagai potongan terhadap semua pendapatan.

Berkuat kuasa untuk permohonan yang diterima dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2020 oleh Kementerian Kewangan.

11.5 Insentif Cukai ke atas Kos Merungkai dan Mengalih Aset

Kos merungkai dan mengalih aset termasuk loji dan jentera serta membaik pulih tapak di mana terletaknya aset-aset tidak layak mendapat elaun di bawah Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 memandangkan perbelanjaan ini tidak dianggap sebagai kos aset. Walau bagaimanapun, Piawai Pelaporan Kewangan 116 (Financial Reporting Standard atau FRS 116) menetapkan bahawa kos sesuatu aset termasuk kos teranggar yang perlu ditanggung berkaitan dengan obligasi untuk merungkai dan mengalih aset serta membaik pulih tapak yang mana terletaknya aset berkenaan.

Oleh itu, untuk menyeragamkan layanan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan FRS 116, satu peruntukan khas diperkenalkan dalam Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk memberikan elaun imbalan* ke atas kos merungkai dan mengalih aset termasuk loji dan jentera serta membaik pulih tapak yang mana terletaknya aset berkenaan.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

**Jumlah elaun imbalan ditentukan dengan menambahkan kos merungkai dan mengalih loji dan jentera serta membaik pulih tapak kepada baki perbelanjaan loji dan jentera pada masa aset tersebut dilupuskan.*

11.6 Insentif bagi Pengambilalihan Hak Empunya

Syarikat perkilangan (sekurang-kurangnya 70% dimiliki oleh warganegara Malaysia) yang menanggung kos ke atas pengambilalihan hak empunya seperti paten, reka bentuk perindustrian atau cap dagangan yang diberikan atau didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan.

Kos pengambilalihan hak empunya termasuk yuran perundingan, yuran guaman dan duti setem yang ditanggung tetapi tidak termasuk pembayaran royalti.

Potongan jumlah tahunan yang sama dengan 20% selama tempoh 5 tahun kos yang dibelanjakan untuk memperoleh hak empunya.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

11.7 Insentif Berkaitan Tarif

i. Pengecualian Duti Import ke atas Bahan Mentah/Komponen

Pengecualian penuh duti import boleh dipertimbangkan bagi bahan mentah/ komponen, tidak kira sama ada keluaran siap adalah untuk pasaran eksport atau tempatan.

Jika keluaran siap adalah untuk pasaran eksport, pengecualian penuh duti import ke atas bahan mentah/ komponen lazimnya diberikan, dengan syarat bahan mentah/komponen itu tidak dikeluarkan dalam negara atau, jika ia dikeluarkan dalam negara, kualiti dan harganya tidak boleh diterima.

Jika keluaran siap adalah untuk pasaran tempatan, pengecualian penuh duti import ke atas bahan mentah/ komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara boleh dipertimbangkan. Pengecualian penuh juga boleh dipertimbangkan jika keluaran siap yang dihasilkan daripada bahan mentah/komponen berduti tidak tertakluk pada sebarang duti import.

Perniagaan hotel dan projek pelancongan layak mendapat pengecualian penuh duti import ke atas bahan import yang dikenal pasti.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

ii. Mekanisme Pengisytiharan Kendiri untuk Pengecualian Duti Import dan/atau Cukai Jualan ke atas Mesin, Peralatan, Alat Ganti dan Barangan Guna Habis melalui Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2013 dan Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2013

Pengilang di Kawasan Kastam Utama (PCA) dapat memanfaatkan kemudahan tersebut dengan menuntut pengecualian duti import dan/atau cukai jualan ke atas mesin, peralatan, alat ganti dan barangan guna habis di bawah Perintah-perintah ini melalui proses pengisytiharan diri.

Di bawah mekanisme pengisytiharan diri yang baru ini, syarikat dikehendaki menyerahkan surat pengesahan yang dikeluarkan oleh MIDA dengan senarai jentera, peralatan, alat ganti dan bahan guna habis yang akan diimport atau dibeli, kepada pihak Kastam untuk mendapatkan kebenaran untuk menuntut pengecualian tersebut. Syarikat akan mendapat kebenaran itu dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh serahan lengkap diterima oleh pihak Kastam.

Sebelum mekanisme baru ini diperkenalkan, permohonan kepada MIDA untuk pengecualian duti import dan/atau cukai jualan ke atas mesin, peralatan, alat ganti dan bahan guna habis di bawah peruntukan Seksyen 14 (2) Akta Kastam 1967 dan/atau Seksyen 10 Akta Cukai Jualan 1972 akan memerlukan tempoh pemprosesan empat (4) minggu dari tarikh maklumat lengkap diterima.

Pelaksanaan Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2013 dan Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2013 telah mula berkuat kuasa pada 2 Mei 2014.

Bidang utama pengecualian adalah untuk Pengilang di PCA:

- a) Pengecualian duti import ke atas mesin dan peralatan tidak termasuk alat ganti dan bahan guna habis yang diimport atau dibeli dari sebuah Gudang Pengilangan Berlesen, Gudang Terikat atau Zon Bebas di bawah butiran 115 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2013;
- b) Pengecualian cukai jualan ke atas mesin, peralatan, alat ganti dan bahan guna habis yang diimport atau dibeli dari sebuah Gudang Pengilangan Berlesen, Gudang Terikat atau Zon Bebas di bawah butiran 106 Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2013; dan
- c) Pengecualian cukai jualan ke atas mesin, peralatan, alat ganti dan barangan guna habis yang dibeli daripada pengilang (yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan, 1972) di bawah butiran 106 Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2013.

Permohonan hendaklah diserahkan sebelum pengimportan atau pembelian mesin, peralatan, alat ganti dan bahan guna habis. Oleh itu, syarikat dinasihatkan untuk mengambil kira tempoh yang diperlukan untuk keseluruhan proses bagi menuntut pengecualian. Mekanisme baru ini dengan perisytiharan diri dan persekitaran kawal selia sendiri; dan langkah-langkah penjimatan masa akan dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan tanpa perlu mendapatkan kemudahan jaminan bank untuk pelepasan barangan.

MIDA menyediakan kemudahan aplikasi dalam talian untuk permohonan Mekanisme Pengisytiharan Sendiri untuk Pengecualian Cukai. Dengan kemudahan ini, para pengguna akan dapat menggunakan sijil digital e-filing (daripada LHDN) atau memuat turun sijil digital daripada MIDA untuk ditandatangani secara digital sebelum penyerahan kepada MIDA.

iii. Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan bagi Penyumberan Luar Aktiviti Pengilangan

Untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan daya saing, pemilik jenama Malaysia dengan sekurang-kurangnya 60% pemilikan ekuiti Malaysia yang aktiviti pengilangannya diperoleh daripada sumber luar, layak untuk:

- a) Pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan komponen yang digunakan dalam pembuatan keluaran siap oleh pengilang kontrak mereka di dalam atau di luar negara.
- b) Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan separa siap daripada pengilang kontrak di luar negara, untuk digunakan oleh pengilang kontrak tempatan mereka untuk mengeluarkan keluaran siap.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

iv. Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan bagi Aktiviti Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih (MRO)

Pengecualian Cukai Jualan bagi Aktiviti Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih (MRO)

Di bawah Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No. 2) 2018, syarikat MRO aeroangkasa yang berdaftar di Malaysia dibenarkan menuntut pengecualian cukai jualan ke atas:

- a) mesin, kelengkapan dan alat khusus di bawah butiran 33A.
- b) alat ganti, komponen, bahan dan bahan guna habis khusus di bawah butiran 33B.

yang digunakan secara langsung dalam aktiviti MRO di dalam Malaysia.

Permohonan yang dilakukan melalui proses pengisytiharan sendiri sendiri menghendaki syarikat memohon surat pengesahan daripada MIDA sebelum pengimportan atau pembelian. Syarikat itu kemudiannya akan menyerahkan surat pengesahan yang dikeluarkan oleh MIDA dan senarai mesin, kelengkapan, alat khusus, alat ganti, komponen, bahan dan barangan guna habis khusus ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk pengecualian cukai jualan.

Permohonan untuk Surat Pengesahan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

Permohonan untuk pengecualian cukai jualan hendaklah diserahkan secara dalam talian melalui <https://mysst.customs.gov.my>

Pengecualian Duti Import bagi Aktiviti Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih (MRO)

Syarikat MRO aeroangkasa yang berdaftar di Malaysia juga layak mendapat pengecualian duti import ke atas mesin, kelengkapan, alat khusus, alat ganti, komponen, bahan mentah dan barangan guna habis khusus.

Permohonan untuk pengecualian duti import hendaklah diserahkan kepada MOF.

v. Potongan Dua Kali bagi Caj Tambang Muatan

Pengilang yang menghantar barangan mereka dari Sabah atau Sarawak ke mana-mana pelabuhan di Semenanjung Malaysia, layak mendapat potongan dua kali atas caj pengangkutan.

vi. Potongan Dua Kali bagi Promosi Jenama Malaysia

Untuk mempromosikan jenama Malaysia, sebuah syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 70% milik Malaysia yang merupakan pemilik berdaftar jenama Malaysia, atau syarikat berkaitan yang dimiliki lebih daripada 50% oleh pemilik berdaftar jenama Malaysia yang menanggung perbelanjaan untuk pengiklanan barangan jenama Malaysia:

- a) syarikat itu mestilah dimiliki lebih daripada 50% oleh tuan punya berdaftar jenama Malaysia berkenaan;
- b) potongan hanya boleh dituntut oleh satu syarikat dalam satu tahun taksiran; dan
- c) keluaran mestilah memenuhi piawaian kualiti eksport.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

11.8 Derma bagi Perlindungan Alam Sekitar

Derma kepada sebuah organisasi yang diluluskan semata-mata untuk perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar layak mendapat potongan sekali.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

11.9 Insentif bagi Tempat Tinggal Pekerja

Bangunan yang digunakan untuk pekerja bagi maksud tempat tinggal dalam sesuatu operasi perkilangan, Projek Perkhidmatan Diluluskan, hotel atau perniagaan pelancongan, layak mendapat Elaun Bangunan Perindustrian khas sebanyak 10% daripada perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembinaan/pembelian bangunan itu untuk tempoh 10 tahun.

Tuntutan hendaklah diserahkan kepada LHDN.

BAB

3

PERCUKAIAN





1. PERCUKAIAN DI MALAYSIA

2. KELAS PENDAPATAN YANG DIKENAKAN CUKAI

3. CUKAI SYARIKAT

4. CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU

4.1 Individu pemastautin

4.1.1 *Pelepasan Diri*

4.1.2 *Rebat Cukai*

4.2 Individu Bukan Pemastautin

5. CUKAI PEGANGAN

6. CUKAI KEUNTUNGAN HARTANAH

7. CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN

7.1 Cukai Jualan

7.1.1 *Kadar Cukai Jualan*

7.2 Cukai Perkhidmatan

7.2.1 *Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai*

7.2.2 *Pengenaan Cukai*

7.2.3 *Kadar Cukai Perkhidmatan*

7.2.4 *Kadar Cukai Perkhidmatan untuk Kad Kredit dan Caj*

8. DUTI IMPORT

9. DUTI EKSAIS

10. TRIBUNAL RAYUAN KASTAM DAN KETETAPAN KASTAM

11. PERJANJIAN CUKAI DUA KALI



PERCUKAIAN

1. PERCUKAIAN DI MALAYSIA

Pendapatan seseorang termasuk syarikat, yang terakru di Malaysia, diperoleh dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar negara, adalah tertakluk pada cukai pendapatan.

Walau bagaimanapun, pendapatan yang diterima di Malaysia oleh seseorang, selain daripada syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans atau pengangkutan udara atau laut bagi suatu tahun taksiran yang diperoleh daripada sumber di luar Malaysia dikecualikan daripada cukai.

Bagi memodenkan dan menyelaraskan sistem pentadbiran cukai, sistem taksiran sendiri telah dilaksanakan bagi syarikat, pemilikan tunggal, perkongsian, koperasi serta kumpulan bergaji, dan taksiran cukai pendapatan adalah berdasarkan tahun semasa.

2. KELAS PENDAPATAN YANG DIKENAKAN CUKAI

Pendapatan yang dikenakan cukai ialah pendapatan berkenaan dengan:

- i. laba atau keuntungan daripada suatu perniagaan, bagi mana-mana tempoh ia dijalankan;
- ii. laba atau keuntungan daripada pekerjaan (gaji, saraan, dll);
- iii. dividen, faedah atau diskaun;
- iv. sewa, royalti atau premium;
- v. pencen, anuiti atau bayaran berkala lain;
- vi. laba atau keuntungan lain yang berunsur pendapatan.

Pendapatan bercukai diperoleh setelah menyelaraskan perbelanjaan dibenarkan yang terbabit dalam penghasilan pendapatan, elaun modal dan insentif, yang mana berkenaan. Seksyen 34 Akta Cukai Pendapatan 1967 membenarkan peruntukan tertentu bagi hutang lapuk atau hutang ragu. Walau bagaimanapun, tiada potongan dibenarkan bagi susut nilai buku walaupun elaun modal diberikan. Kerugian perniagaan yang tidak serap hanya boleh dibawa ke hadapan selama tujuh (7) tahun berturut-turut, dan mana-mana baki tidak diserap yang tidak boleh dipotong pada akhir tempoh itu akan diketepikan.

3. CUKAI SYARIKAT

Sebuah syarikat, sama ada pemastautin atau bukan pemastautin, boleh ditaksir ke atas pendapatan yang terakru dalam atau diperoleh dari Malaysia. Pendapatan yang diperoleh daripada sumber di luar Malaysia dan dikirim oleh syarikat pemastautin adalah dikecualikan daripada cukai, kecuali dalam hal perniagaan perbankan dan insurans, dan kegiatan pengangkutan laut dan udara. Sebuah syarikat dianggap sebagai pemastautin di Malaysia jika kawalan dan pengurusan hal ehwalnya dijalankan di Malaysia.

Mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016, kadar cukai syarikat adalah sebanyak 24%. Kadar ini juga terpakai untuk entiti berikut:

- i. sebuah badan amanah;
- ii. seorang pelaksana wasiat harta seorang individu yang telah bermastautin di luar Malaysia pada masa kematiannya;
- iii. seorang penerima yang dilantik oleh mahkamah; dan
- iv. sebuah perkongsian liabiliti terhad selain daripada sebuah perkongsian liabiliti terhad yang baginya perenggan 2D terpakai

Syarikat pemastautin dan perkongsian liabiliti terhad dengan modal berbayar/sumbangan modal sebanyak RM2.5 juta dan kurang pada permulaan tempoh asas untuk tahun taksiran akan dikenakan cukai pada kadar berikut:

Ke atas pendapatan bercukai RM500,000 pertama - 17%

Ke atas pendapatan bercukai berikutnya - 24%

Seseorang yang menjalankan operasi huluan petroleum adalah tertakluk pada Cukai Pendapatan Petroleum sebanyak 38%. Mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2010, sistem taksiran ke atas pendapatan yang diperoleh daripada syarikat petroleum huluan di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 diubah kepada sistem taksiran tahun semasa; dan sistem taksiran sendiri.

Potongan bagi pembayaran zakat yang dibuat oleh sebuah syarikat, koperasi atau badan amanah tidak boleh melebihi 2.5% daripada pendapatan agregatnya pada tahun taksiran yang berkenaan.

Potongan dibenarkan bagi sumbangan kepada:

- i. Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan; atau
- ii. institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia; atau
- iii. aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan atau Pesuruhjaya Sukan; atau
- iv. Projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Sumbangan berkenaan dengan perkara ii, iii, dan iv tidak boleh melebihi 10% daripada pendapatan agregat syarikat pada tahun taksiran yang berkaitan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2009.

4. CUKAI PENDAPATAN PERSEORANGAN

Semua individu boleh dikenakan cukai ke atas pendapatan yang terakru di Malaysia dan diperoleh dari Malaysia. Kadar cukai bergantung pada status pemastautin individu itu, yang ditentukan oleh tempoh beliau berada di negara ini seperti termaktub di bawah Seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967. Pada umumnya, seorang individu yang berada di Malaysia selama sekurang-kurangnya 182 hari dalam satu tahun kalendar dianggap sebagai pemastautin yang dikenakan cukai.

4.1 Individu Pemastautin

Seorang individu pemastautin dikenakan cukai ke atas pendapatan bercukainya setelah ditolak pelepasan diri pada kadar bersengat daripada 0% hingga 28%, berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016.

4.1.1 Pelepasan Diri

Pendapatan bercukai individu pemastautin dihitung setelah jumlah pelepasan diri ditolak daripada jumlah pendapatan. Jenis pelepasan diri yang diberikan adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pelepasan Individu	Tahun Taksiran 2019 (RM)
1.	Individu dan saudara tanggungan	9,000
2.	Perbelanjaan rawatan perubatan untuk ibu bapa	5,000 (Terhad)
3.	Peralatan sokongan asas	6,000 (Terhad)
4.	Individu kurang upaya	6,000
5.	Yuran pendidikan (individu)	7,000 (Terhad)
6.	Perbelanjaan perubatan bagi penyakit sukar diubati	6,000 (Terhad)
7.	Pemeriksaan perubatan penuh	500 (Terhad)
8.	Gaya hidup: <ul style="list-style-type: none"> i. Pembelian buku, jurnal, majalah dan penerbitan; ii. Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet; iii. Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan; dan iv. Yuran langganan perkhidmatan jalur lebar yang didaftarkan atas nama individu berkenaan 	RM2,500 (Terhad)

Bil.	Jenis Pelepasan Individu	Tahun Taksiran 2019 (RM)
9.	Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)	RM 8,000 (Terhad)
10.	Suami/Isteri/Bayaran alimoni	RM 4,000 (Terhad)
11.	Suami/Isteri kurang upaya	RM 3,500
12.	Pelepasan anak biasa	RM 2,000 (Terhad)
13.	Setiap orang anak yang belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa (kursus A-Level, sijil, matrikulasi atau persediaan).	RM 2,000 (Terhad)
14.	Setiap orang anak yang belum berkahwin dan berumur 18 tahun dan ke atas yang: <ul style="list-style-type: none"> (i) menerima pendidikan lanjutan di Malaysia berkenaan dengan penganugerahan diploma atau lebih tinggi (tidak termasuk kursus matrikulasi/persediaan). (ii) menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia berkenaan dengan penganugerahan ijazah atau yang setara dengannya (termasuk Sarjana atau Ijazah Kedoktoran). (iii) institusi pengajaran dan pendidikan hendaklah diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan. 	RM 8,000 (Terhad)
15.	Anak kurang upaya <p>Pengecualian tambahan sebanyak RM6,000 untuk setiap orang anak kurang upaya yang berumur 18 tahun dan ke atas, belum berkahwin dan sedang mengikuti kursus diploma atau kelayakan yang lebih tinggi di Malaysia atau ijazah sarjana muda atau yang lebih tinggi di luar Malaysia dalam Institut Pengajian Tinggi yang diakreditasi oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan</p>	RM 6,000 (Terhad)

Bil.	Jenis Pelepasan Individu	Tahun Taksiran 2019 (RM)
16.	Insurans nyawa: RM 3,000 (Terhad)	
	KWSP: RM 4,000 (Terhad)	
	Insurans nyawa dan KWSP	
	Penjawat awam yang telah memilih skim persaraan pencen: RM 7,000 (Terhad)	
17.	Caruman untuk Skim Persaraan Swasta yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan anuiti tertunda	3,000 (Terhad)
18.	Premium insurans untuk manfaat pendidikan atau perubatan	3,000 (Terhad)

4.1.2 Rebat Cukai

Jumlah cukai yang dikenakan ke atas seorang individu pemastautin dikurangkan secara rebat berikut:

- i. Rebat Cukai Pendapatan bagi Individu Pemastautin dengan Pendapatan Bercukai Kurang Daripada RM35,000

Seorang individu dengan pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 menikmati rebat sebanyak RM400 mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2009. Jika isteri tidak bekerja atau pendapatan isteri ditaksir secara bersama, isteri juga menikmati rebat tambahan sebanyak RM400. Begitu juga, seorang isteri yang ditaksir secara berasingan akan menikmati rebat sebanyak RM400, dengan syarat pendapatan bercukainya tidak melebihi RM35,000.

Bil.	Rebat Cukai	Tahun Taksiran 2009 dan selanjutnya (RM)
a	Taksiran Berasingan	
	Asteri	400
	Suami	400
b	Taksiran Bersama	
	Isteri	400
	Suami	400
	Jumlah	800

Bil.	Rebat Cukai	Tahun Taksiran 2009 dan selanjutnya (RM)
c	Assessment Where Husband Or Wife Does Not Have Any Total Income	400
	Wife	400
	Husband	
	Total	800

ii. Rebat Cukai Lain

Bil.	Rebat Cukai	(RM)
a	Zakat/Fitrah	Tertakluk pada jumlah maksimum cukai yang dikenakan

4.2 Individu Bukan Pemastautin

Mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016, seorang individu bukan pemastautin boleh dikenakan cukai pada kadar 28% tanpa sebarang pelepasan diri.

5. CUKAI PEGANGAN

Individu bukan pemastautin tertakluk pada cukai pegangan muktamad sebanyak:

10% ke atas kelas pendapatan khas seperti:

- i. sebagai balasan untuk perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang atau pekerjaanya berhubung dengan penggunaan harta atau hak, pemasangan atau operasi mana-mana loji, jentera atau peralatan lain;
- ii. sebagai pertimbangan untuk sebarang nasihat, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan pengurusan atau pentadbiran mana-mana perusahaan, usaha, projek atau skim saintifik, perindustrian atau komersial;
- iii. sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah sebarang perjanjian atau pengaturan bagi penggunaan mana-mana harta alih.

Cukai pegangan tidak terpakai bagi pendapatan yang diterima untuk perkhidmatan (a) dan (b) yang diberikan atau dilaksanakan di luar Malaysia.

Mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2009, bagi mengurangkan kos perkhidmatan teknikal yang diberikan oleh bukan pemastautin, pembayaran balik atau pembayaran yang berkaitan penginapan hotel di Malaysia tidak akan dimasukkan dalam pengiraan fi teknikal kasar bagi tujuan cukai pegangan.

Berkenaan cukai pegangan yang tidak dijelaskan, penalti sebanyak 10% dikenakan hanya ke atas amaun yang tidak dijelaskan dan bukan ke atas keseluruhan jumlah bayaran yang dibayar kepada bukan pemastautin.

6. CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

Pada umumnya, keuntungan modal tidak tertakluk pada cukai pendapatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, cukai keuntungan harta tanah dikenakan ke atas keuntungan bercukai yang diperoleh daripada pelupusan harta tanah yang terletak di Malaysia atau faedah, opsiyen atau hak-hak lain dalam atau ke atas tanah tersebut serta pelupusan saham dalam syarikat harta tanah.

Mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, keuntungan daripada pelupusan harta tanah kediaman dan komersial dikenakan cukai antara 5% dan 30% bergantung pada tempoh pemegangan harta tanah seperti berikut:

Kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah			
Pelupusan	Syarikat	Selain Daripada Syarikat dan Selain Daripada Individu Bukan Warganegara dan Bukan Pemastautin Tetap	Individu Bukan Warganegara dan Bukan Pemastautin Tetap
Dalam tempoh 3 tahun	30%	30%	30%
Pada tahun ke-4	20%	20%	30%
Pada tahun ke-5	15%	15%	30%
Pada tahun ke-6 & tahun-tahun berikutnya	10%	5%	10%

Kadar cukai keuntungan harta tanah ini tidak akan membebaskan para pemilik harta yang sebenar kerana mereka diberi pengecualian dan pembayaran cukai keuntungan harta tanah adalah berdasarkan keuntungan bersih seperti berikut:

- i. Pengecualian cukai keuntungan harta tanah ke atas keuntungan daripada pelupusan sebuah tempat kediaman sekali seumur hidup oleh seorang individu yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia. Pemilihan perlu dibuat secara bertulis;

- ii. Pengecualian cukai keuntungan harta tanah ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah antara ibu bapa dan anak, suami dan isteri, datuk nenek dan cucu tanpa balasan;
- iii. Cukai keuntungan harta tanah dikenakan hanya ke atas keuntungan bersih setelah ditolak semua kos yang berkaitan seperti harga belian, kos pengubahsuaian dan kos sampingan cth. fi guaman dan duti setem dengan serahan resit; dan
- iv. Pengecualian sehingga RM10,000 atau 10% daripada keuntungan bersih, yang mana lebih tinggi, diberikan kepada seorang individu.

Untuk maklumat lanjut mengenai cukai syarikat dan individu, sila lawati www.hasil.gov.my.

7. CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN

Berkuat kuasa dari 1 September 2018, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bersama dengan undang-undang subsidiari masing-masing diperkenalkan untuk menggantikan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014.

7.1 Cukai Jualan

Di bawah Akta Cukai Jualan 2018, cukai jualan dikenakan ke atas barang yang diimport dan barang buatan tempatan, sama ada pada masa pengimportan atau pada masa barang itu dijual atau dilupuskan oleh pengilang berdaftar.

Cukai jualan yang ditadbir di Malaysia merupakan cukai peringkat tunggal yang dikenakan ke atas barang siap yang dikeluarkan di Malaysia dan barang yang diimport masuk ke Malaysia.

Cukai jualan dikenakan ke atas barang bercukai yang dikeluarkan di Malaysia oleh mana-mana pengilang berdaftar pada masa barang itu dijual, dilupuskan selain daripada melalui jualan, atau digunakan selain daripada sebagai bahan dalam pembuatan barang.

Cukai jualan ke atas barang import dikenakan apabila barang itu diisytiharkan, duti dibayar dan dibebaskan daripada kawalan pihak kastam.

Pengilang yang mengeluarkan barang bercukai dengan nilai jualan yang melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan, perlu didaftarkan menurut Seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018.

Pengilang yang mengilang barang bercukai dengan nilai jualan sebanyak RM500,000 dan ke bawah, mempunyai pilihan untuk didaftarkan secara sukarela di bawah Seksyen 14 Akta Cukai Jualan 2018 untuk membolehkan mereka menikmati kemudahan yang diberikan di bawah Akta itu.

Pengilang yang menjalankan perniagaannya sebagai subkontraktor, dengan jumlah caj pekerja bagi kerja subkontrak melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan, perlu didaftarkan menurut Seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018.

7.1.1 Kadar Cukai Jualan

Cukai jualan merupakan cukai ad valorem dan kadar yang berbeza terpakai (5% dan 10%) berdasarkan kumpulan barang bercukai seperti yang dinyatakan dalam peruntukan yang berkenaan.

Cukai jualan untuk petroleum dikenakan pada kadar tertentu yang berbeza daripada barang bercukai lain.

7.2 CUKAI PERKHIDMATAN

Cukai perkhidmatan di Malaysia merupakan satu bentuk cukai tidak langsung seperingkat yang dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu yang diistilahkan sebagai "perkhidmatan bercukai". Cukai perkhidmatan tidak boleh dikenakan levi ke atas mana-mana perkhidmatan yang tidak termasuk dalam senarai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) terpakai di seluruh Malaysia, tidak termasuk kawasan ditetapkan, zon bebas, gudang berlesen, gudang pengilangan berlesen dan Kawasan Pembangunan Bersama (JDA).

7.2.1 Cukai Perkhidmatan

Cukai perkhidmatan yang dikenakan cukai adalah sebarang perkhidmatan yang disenaraikan dalam pelbagai kategori dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Mana-mana orang yang kena cukai yang memberikan perkhidmatan bercukai dan melebihi ambang yang berkenaan perlu didaftarkan. Kategori perkhidmatan bercukai termasuk penginapan, pengendali makanan dan minuman, kelab malam, dewan tari-menari, pusat kesihatan dan kesejahteraan, kelab persendirian, kelab golf dan lapangan sasaran golf, perkhidmatan pertaruhan dan perjudian, perkhidmatan profesional dan pemberi perkhidmatan lain seperti insurans, telekomunikasi, pengendali ruang letak kenderaan, pengiklanan dan lain-lain.

7.2.2 Pengenaan Cukai

Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas apa-apa peruntukan perkhidmatan bercukai yang disediakan di Malaysia oleh orang yang kena berdaftar bagi penerusan perniagaan.

Cukai perkhidmatan adalah genap dan kena dibayar apabila bayaran diterima untuk mana-mana perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggan oleh orang yang kena cukai.

7.2.3 Kadar Cukai Perkhidmatan

Kadar cukai perkhidmatan ditetapkan di bawah Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2018 dan mula berkuat kuasa pada 1 September 2018. Kadar cukai perkhidmatan ialah 6% daripada harga atau premium untuk polisi insurans, nilai pertaruhan dan perjudian, dan lain-lain bagi perkhidmatan bercukai seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 9 STA 2018.

7.2.4 Kadar Cukai Perkhidmatan untuk Kad Kredit dan Kad Caj

Kadar cukai perkhidmatan untuk pemberian perkhidmatan kad kredit atau kad caj adalah RM25 setahun ke atas kad prinsipal dan tambahan. Cukai perkhidmatan dikenakan pada tarikh pengeluaran kad dan setiap 12 bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas pengeluaran kad atau pada tarikh pembaharuan kad dan setiap 12 bulan selepas itu atau sebahagian daripadanya selepas pembaharuan kad.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati <https://mysst.customs.gov.my>

8. DUTI IMPORT

Di Malaysia, sebahagian besar daripada duti import dikenakan ad valorem walaupun duti tertentu juga dikenakan ke atas beberapa item. Walau bagaimanapun, selaras dengan liberalisasi perdagangan, duti import ke atas pelbagai barang telah dikurangkan atau dimansuhkan.

Tambahan pula, Malaysia komited terhadap Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) yang di bawahnya duti import ke atas lebih daripada 99% daripada barangan yang didagangkan di ASEAN telah berjaya dimansuhkan pada 1 Januari 2010.

Malaysia terus menyertai rundingan bagi aturan perdagangan bebas dalam bidang perdagangan barangan, peraturan-peraturan asal, dan pelaburan. Sehingga ini, Malaysia telah menyempurnakan perjanjian perdagangan bebas dua hala dengan Jepun, Pakistan, New Zealand dan India, Chile dan Australia, dan juga perjanjian serantau di bawah ASEAN dengan China, Jepun, Korea, Australia/New Zealand dan India. Di bawah perjanjian ini, duti import akan dikurangkan atau dimansuhkan mengikut jadual yang dipersetujui.

9. DUTI EKS AIS

Duti eksais dikenakan ke atas barangan berduti yang dikilang di Malaysia, iaitu rokok, produk tembakau, minuman beralkohol, daun terup, buah mahjung dan kenderaan bermotor. Walaupun duti eksais dikenakan pada kadar ad valorem bagi kenderaan bermotor, daun terup dan buah mahjung, tetapi duti eksais dikenakan pada kombinasi kadar ad valorem dan kadar tertentu untuk rokok, produk tembakau dan minuman beralkohol.

Pihak kerajaan telah melaksanakan duti eksais ke atas minuman bergula, mula berkuat kuasa dari 1 Julai 2019 seperti jadual berikut:-

No. Tarif	Kategori	Jumlah Gula	Duti Eksais	Contoh
2009	Jus Buah-Buahan, Jus Sayur-Sayuran	> 12 gram/100ml	RM0.40/liter	Jus Oren, Jus Limau
2202	a) Minuman bergas, minuman tidak beralkohol selain daripada produk minuman berasaskan susu haiwan	> 5 gram/100ml	RM0.40/liter	Minuman cola, Minuman bertenaga, Minuman bergas
2202	b) Minuman berasaskan susu haiwan	> 7 gram/100ml	RM0.40/liter	Minuman susu berperisa coklat

10. TRIBUNAL RAYUAN KASTAM DAN KETETAPAN KASTAM

Tribunal Rayuan Kastam adalah badan kehakiman bebas yang ditubuhkan untuk membuat keputusan ke atas rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Kastam berkaitan dengan hal-hal di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Eksais 1976.

Selain itu, Ketetapan Kastam diperkenalkan di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Akta Eksais 1976 untuk mewujudkan unsur-unsur kepastian dan kebolehmalaman bagi sektor perniagaan dalam perancangan aktiviti perniagaan mereka.

Ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak Kastam dan dipersetujui oleh pemohon hendaklah mengikat pemohon dari segi undang-undang selama tempoh masa tertentu. Ciri-ciri utama Ketetapan Kastam adalah seperti berikut:

- i. permohonan untuk Ketetapan Kastam boleh dibuat berkenaan dengan klasifikasi barang, penentuan perkhidmatan bercukai dan prinsip-prinsip penentuan nilai barang dan perkhidmatan;
- ii. permohonan hendaklah dibuat secara bertulis bersama dengan fakta yang mencukupi serta fi yang ditetapkan;
- iii. permohonan boleh dibuat sebelum barang diimport atau perkhidmatan diberikan, dan selepas itu pihak Kastam akan mengeluarkan ketetapan kastam.

11. PERJANJIAN CUKAI DUA KALI

Perjanjian Cukai Dua Kali (Double Taxation Agreement atau DTA) merupakan suatu perjanjian yang dimeterai antara dua buah negara bagi mengelakkan percukaian dua kali dengan mentakrifkan hak-hak mencukai setiap negara berkenaan dengan aliran pendapatan yang merentasi sempadan dan pemberian kredit cukai atau pengecualian untuk menghapuskan percukaian dua kali.

Objektif DTA Malaysia adalah seperti berikut:

- i. untuk mewujudkan iklim yang menggalakkan pelaburan masuk ke dalam negara dan ke luar negara;
- ii. untuk menjadikan insentif cukai khas Malaysia berkesan dengan sepenuhnya bagi pembayar cukai dari negara-negara pengeksport modal;
- iii. untuk mendapatkan pelepasan yang lebih berkesan daripada percukaian dua kali berbanding dengan pelepasan yang diperoleh di bawah langkah-langkah unilateral; dan
- iv. untuk mencegah pelarian dan pengelakan daripada membayar cukai.

Seperti juga negara lain, sama ada negara-negara maju ataupun negara membangun, Malaysia juga perlu memudahkan perdagangan dan pelaburannya dengan negara luar menerusi rangkaian triti cukai antarabangsa dengan negara-negara lain. Kadar pertumbuhan perindustrian yang semakin pesat dengan peningkatan dalam pelaburan langsung asing ke dalam negara ini memerlukan pengaturan triti cukai dengan negara-negara lain untuk memberikan kepastian dan jaminan kepada para pelabur dalam bidang percukaian. Sehingga 31 Januari 2019, DTA yang berkuat kuasa adalah seperti berikut:

Negara-negara

• Albania	• Jerman	• Mongolia	• Afrika Selatan
• Argentina*	• Hong Kong	• Morocco	• Sepanyol
• Australia	• Hungary	• Myanmar	• Sri Lanka
• Austria	• India	• Namibia	• Sudan
• Bahrain	• Indonesia	• Belanda	• Sweden
• Bangladesh	• Iran	• New Zealand	• Switzerland
• Belgium	• Ireland	• Norway	• Syria
• Bosnia Herzegovina	• Itali	• Pakistan	• Thailand
• Brunei	• Jepun	• Papua New Guinea	• Turki
• Kanada	• Jordan	• Filipina	• Turkmenistan
• China	• Kazakhstan	• Poland	• Emiriah Arab Bersatu
• Chile	• Korea	• Qatar	• United Kingdom
• Croatia	• Kuwait	• Romania	• Amerika Syarikat*
• Republik Czech	• Kyrgyz, Republik	• Rusia	• Uzbekistan
• Denmark	• Laos	• San Marino	• Vietnam
• Mesir	• Lebanon	• Arab Saudi	• Venezuela
• Fiji	• Luxembourg	• Seychelles	• Zimbabwe
• Finland	• Malta	• Singapura	
• Perancis	• Mauritius	• Republik Slovak	

*Perjanjian Terhadap

Bagi Taiwan yang diwakili oleh Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei (TECO) di Malaysia, pelepasan cukai dua kali diberikan dengan cara Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan berikut:

- i. P.U.(A) 201 (1998)
- ii. P.U.(A) 202 (1998)

Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.hasil.gov.my atau hantar e-mel kepada lhdn_int@hasil.gov.my

BAB

4

PROSEDUR IMIGRESEN





1. KEPERLUAN UNTUK MASUK KE MALAYSIA

- 1.1 Pasport atau Dokumen Perjalanan
- 1.2 Keperluan Visa
- 1.3 Keperluan Pas

2. PENGAJIAN PEGAWAI DAGANG

- 2.1 Jenis Jawatan Pegawai Dagang
- 2.2 Garis Panduan mengenai Penggajian Pegawai Dagang

3. PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI DAGANG

4. PENGAMBILAN PEKERJA ASING



PROSEDUR IMIGRESEN

1. KEPERLUAN UNTUK MASUK KE MALAYSIA

1.1 Pasport atau Dokumen Perjalanan

Semua orang yang memasuki Malaysia mestilah mempunyai pasport negara yang sah atau Dokumen Perjalanan lain yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, yang sah untuk perjalanan ke Malaysia. Dokumen ini mestilah sah selama sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh kemasukan ke Malaysia.

Keperluan visa mengikut negara adalah seperti berikut:

Negara-negara yang memerlukan visa

• Afghanistan *	• Cote D'Ivoire	• Myanmar (pasport biasa)
• Angola	• Djibouti	• Nepal
• Bhutan	• Equatorial Guinea	• Niger
• Burkina Faso	• Eritrea	• Rwanda
• Burundi	• Ethiopia	• Republik Serbia & Republik Montenegro
• Republik Afrika Tengah	• Guinea-Bissau	• Sri Lanka
• China	• Hong Kong (Sijil Pengenalan atau Dokumen Pengenalan)	• Taiwan
• Colombia	• India	• Bangsa-Bangsa Bersatu (Laissez Passer)
• Republik Demokratik Congo	• Liberia	• Sahara Barat
• Republik Congo	• Mali	

Negara-negara Komanwel yang memerlukan visa

• Bangladesh	• Ghana	• Nigeria
• Cameroon	• Mozambique	• Pakistan

Mereka dengan pasport yang tidak diiktiraf oleh Malaysia mestilah memohon satu dokumen sebagai ganti kepada Pasport serta visa yang dikeluarkan oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Permohonan untuk visa boleh dibuat di Pejabat Perwakilan Malaysia terdekat di negara yang berkenaan.

Di negara-negara yang mana Pejabat Perwakilan Malaysia belum ditubuhkan, permohonan boleh dilakukan di Pejabat Suruhanjaya Tinggi atau Kedutaan.

1.2 Keperluan Visa

Visa merupakan suatu pengesahan dalam sebuah pasport atau dokumen perjalanan yang diiktiraf yang dimiliki oleh seorang rakyat asing yang menunjukkan bahawa pemegangnya telah memohon kebenaran untuk memasuki Malaysia dan kebenaran itu telah diberikan.

Warganegara asing yang memerlukan visa untuk memasuki Malaysia mestilah memohon visa terlebih dahulu di mana-mana Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara sebelum memasuki negara ini.

Negara-negara yang memerlukan visa untuk tinggal melebihi tempoh 3 bulan

• Albania	• Hungary	• Poland
• Algeria	• Iceland	• Qatar
• Argentina	• Ireland	• Romania
• Australia	• Itali	• St. Marino
• Austria (Vienna)	• Jepun	• Arab Saudi
• Bahrain	• Jordan	• Slovakia
• Belgium	• Kirgystan	• Korea Selatan
• Bosnia-Herzegovina	• Kuwait	• Sepanyol
• Brazil	• Republik Kyrgyz	• Sweden
• Croatia	• Lebanon	• Switzerland
• Cuba	• Liechtenstein	• Tunisia
• Republik Czech	• Luxembourg	• Turki
• Denmark	• Morocco	• Turkmenistan
• Mesir	• Belanda	• Emiriah Arab Bersatu
• Finland	• Norway	• United Kingdom
• Perancis	• Oman	• Uruguay
• Jerman	• Peru	• Yemen

Negara-negara yang memerlukan visa untuk tinggal melebihi tempoh 14 hari

• Iran	• Macao (Permit Perjalanan/Sijil Pengenalan Portugal)	• Somalia
• Iraq	• Palestin	• Syria
• Libya	• Sierra Leone	
• El Salvador	• Mexico	• Vatican City
• Estonia	• Monaco	• Venezuela
• Gabon	• Mongolia	• Zimbabwe
• Georgia	• Nicaragua	
• Greece	• North Korea	

Negara-negara yang memerlukan visa untuk tinggal melebihi tempoh 1 bulan

• Armenia	• Guatemala	• Panama
• Azerbaijan	• Republik Guinea	• Paraguay
• Barbados	• Haiti	• Portugal
• Belarus	• Honduras	• Rusia
• Benin	• Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong	• Sao Tome dan Principe
• Bolivia	• Kazakhstan	• Senegal
• Bulgaria	• Latvia	• Slovenia
• Cambodia	• Lithuania	• Sudan
• Cape Verde	• Wilayah Pentadbiran Khas Macao	• Surinam
• Chad	• Macedonia	• Tajikistan
• Chile	• Madagascar	• Togo
• Costa Rica	• Moldova	• Ukraine
• Equador	• Mauritania	• Uzbekistan
• El Salvador	• Mexico	• Vatican City
• Estonia	• Monaco	• Venezuela
• Gabon	• Mongolia	• Zimbabwe
• Georgia	• Nicaragua	
• Greece	• Korea Utara	

Bagi warganegara Amerika Syarikat, visa tidak diperlukan untuk tujuan lawatan sosial, perniagaan atau akademik (kecuali untuk pekerjaan).

Bagi warganegara Israel, visa diperlukan dan kelulusan terlebih dahulu mestilah diperoleh daripada Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi warganegara Republik Serbia dan Republik Montenegro, visa tanpa kelulusan diperlukan.

Bagi warganegara dari negara-negara ASEAN (kecuali Myanmar), visa tidak diperlukan untuk tinggal kurang daripada sebulan. Untuk tinggal melebihi sebulan, visa diperlukan (kecuali warganegara Brunei dan Singapura).

Warganegara dari negara-negara selain daripada negara-negara yang tersebut di atas (kecuali Israel), dibenarkan memasuki Malaysia tanpa visa untuk lawatan sosial tidak melebihi sebulan.

Nota:

* Visa dengan rujukan, iaitu kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia adalah diperlukan.

1.3 Keperluan Pas

Selain daripada permohonan untuk masuk bagi tujuan lawatan sosial atau perniagaan, permohonan untuk mendapatkan pas-pas lawatan mestilah dibuat sebelum ketibaan di negara ini.

Pas adalah suatu pengesahan dalam pasport yang merupakan kebenaran untuk tinggal selama suatu tempoh yang diluluskan. Rakyat asing yang melawat Malaysia mestilah mendapatkan pas di pintu masuk selain visa (jika diperlukan) yang membenarkan beliau tinggal buat sementara di Malaysia.

Semua permohonan tersebut mestilah mempunyai penaja di Malaysia yang dengannya penaja bersetuju untuk bertanggungjawab menanggung dan menghantar balik pelawat dari Malaysia jika perlu.

Pas yang diberikan kepada pelawat asing semasa ketibaan adalah seperti berikut:

i. Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek

Pas lawatan dikeluarkan kepada rakyat asing untuk tujuan lawatan sosial atau/dan perniagaan, seperti:

- Pemilik dan wakil syarikat yang memasuki Malaysia untuk menghadiri mesyuarat syarikat, persidangan atau seminar, memeriksa akaun syarikat atau untuk memastikan perjalanan lancar syarikat.
- Pelabur atau ahli perniagaan yang masuk untuk meneroka peluang pelaburan atau untuk mendirikan kilang.
- Wakil asing syarikat yang masuk untuk memperkenalkan barangan bagi pengilangannya di Malaysia, tetapi tidak terbabit dalam jualan langsung atau pendedaran.
- Pemilik harta yang masuk untuk berunding, menjual atau memajukan hartanah.
- Wartawan atau pemberita asing daripada agensi media massa yang masuk untuk membuat liputan tentang mana-mana acara di Malaysia (kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri).
- Peserta acara sukan.
- Pelajar yang menduduki peperiksaan di universiti tempatan atau yang menganggotai misi muhibah.
- Pelawat yang masuk untuk aktiviti-aktiviti selain daripada yang tersebut di atas seperti yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Pas-pas ini tidak boleh digunakan untuk pekerjaan atau untuk menyelia pemasangan jentera baru atau pembinaan kilang.

ii. Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang

Pas lawatan sosial jangka panjang boleh dikeluarkan kepada rakyat asing untuk tinggal sementara di Malaysia selama tempoh yang tidak kurang daripada enam bulan. Lanjutan masa boleh diberikan berdasarkan kelayakan pelawat dan setelah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Pasangan asing rakyat Malaysia, yang memegang pas lawatan sosial jangka panjang, dibenarkan melibatkan diri dalam mana-mana pekerjaan bergaji atau dalam apa-apa perniagaan atau pekerjaan profesional tanpa perlu menukar status Pas Lawatan Sosial beliau kepada Pas Penggajian atau Pas Lawatan (Kerja Sementara).

iii. Pas Lawatan (Kerja Sementara)

Pas ini dikeluarkan kepada rakyat asing yang memasuki negara ini untuk bekerja selama kurang daripada 24 bulan.

iv. Pas Penggajian

Pas ini dikeluarkan kepada rakyat asing yang memasuki negara ini untuk bekerja selama tempoh minimum dua tahun. Pas penggajian dikeluarkan setelah pemohon mendapat kelulusan bagi jawatan pegawai dagang daripada agensi berkuasa yang berkaitan.

v. Pas Lawatan Ikhtisas (PVP)

Pas ini dikeluarkan kepada rakyat asing bagi tujuan penglibatan secara kontrak jangka pendek dengan mana-mana agensi.

Kategori rakyat asing yang layak ialah:

Profesional/ sukarela	<ul style="list-style-type: none">• pensyarah/penceramah jemputan;• pakar dalam pemasangan atau penyenggaraan mesin;• mereka yang menyediakan latihan teknikal dan lain-lain;• https://esd.imi.gov.my
Artis	<ul style="list-style-type: none">• mereka yang masuk untuk penggambaran filem atau persembahan; mereka yang masuk untuk promosi mempromosi album atau produk baru dll. dan lain-lain.• https://epuspal.kkmm.gov.my
Mubaligh (Islam atau agama-agama lain)	<ul style="list-style-type: none">• ahli organisasi antarabangsa;• penyelidik yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;• mereka yang masuk bagi tujuan keagamaan• Bahagian Visa Jabatan Imigresen Putrajaya

Tempoh sah pas berbeza-beza tetapi tidak melebihi dua belas bulan pada sebarang masa.

Permohonan hendaklah dibuat oleh agensi yang berkenaan.

vi. Pas Tanggungan

Kemudahan ini diberikan kepada ahli keluarga pegawai-pegawai dagang. Pas Tanggungan dikeluarkan kepada pasangan, anak (di bawah umur 18 tahun), ibu bapa dan isteri common law pemegang Pas Penggajian. Pas ini boleh dimohon bersama dengan permohonan untuk pas penggajian atau selepas pas penggajian dikeluarkan.

vii. Pas Pelajar

Pas ini dikeluarkan kepada rakyat asing yang ingin menuntut di Malaysia di mana-mana institusi pendidikan yang kursus-kursusnya telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan pengambilan pelajar asing telah mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri, Malaysia.

Nota: Untuk maklumat lanjut, sila lawati <https://educationmalaysia.gov.my>.

2. PENGAJIAN PEGAWAI DAGANG

Kerajaan Malaysia berhasrat agar rakyat Malaysia akhirnya dilatih dan diambil kerja pada semua peringkat pekerjaan. Oleh itu, syarikat-syarikat digalakkan untuk melatih lebih ramai rakyat Malaysia supaya pola pekerjaan pada semua peringkat organisasi mencerminkan komposisi berbilang bangsa negara ini.

Akan tetapi, jika terdapatnya kekurangan rakyat Malaysia yang terlatih, syarikat asing dibenarkan membawa masuk pegawai dagang, iaitu 'jawatan penting' atau 'jawatan bertempoh'. Jawatan penting merupakan jawatan yang diisi secara tetap oleh rakyat asing, manakala jawatan bertempoh ialah jawatan yang diisi selama tempoh tertentu.

2.1 Jenis Jawatan Pegawai Dagang

Pegawai Dagang ialah rakyat asing yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

i. Jawatan Penting

Jawatan-jawatan ini merupakan jawatan pengurusan peringkat tinggi dalam syarikat dan firma persendirian milik asing yang beroperasi di Malaysia. Jawatan penting ialah jawatan yang diperlukan oleh syarikat untuk melindungi kepentingan dan pelaburan mereka. Pegawai-pegawai dagang bertanggungjawab untuk menetapkan dasar-dasar syarikat dalam mencapai matlamat dan objektifnya.

ii. Jawatan Bertempoh

a) Jawatan Eksekutif

Jawatan ini merupakan jawatan-jawatan peringkat pengurusan dan profesional peringkat pertengahan. Jawatan ini memerlukan kelayakan profesional, pengalaman amali, kemahiran dan kepakaran yang berkaitan dengan kerja masing-masing. Pegawai dagang bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar syarikat dan menyelia kakitangan.

b) Jawatan Bukan Eksekutif

Jawatan ini ialah jawatan untuk menjalankan kerja-kerja teknikal yang memerlukan kemahiran dan pengalaman teknikal atau amali tertentu.

2.2 Garis Panduan mengenai Penggajian Pegawai Dagang

Terdapatnya dua peringkat dalam penggajian pegawai dagang:

- i. Permohonan bagi jawatan pegawai dagang yang dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan yang ditentukan mengikut jenis perniagaan.
- ii. Apabila jawatan pegawai dagang diluluskan oleh badan melulus, syarikat mestilah menyerahkan permohonan kepada Jabatan Imigresen untuk pengesahan pas penggajian.

Syarikat yang menjalankan Aktiviti Perkilangan, Aktiviti R&D, Projek Hotel dan Pelancongan dan perkhidmatan lain; dan memohon Insentif Cukai di bawah bidang kuasa MIDA.

Syarikat yang menjalankan aktiviti perkilangan, aktiviti R&D, hotel dengan penarafan 4 bintang atau lebih tinggi; dan projek pelancongan; dan perkhidmatan lain, dan memohon insentif cukai di bawah bidang kuasa MIDA, adalah layak untuk dipertimbangkan bagi jawatan pegawai dagang dengan modal berbayar minimum seperti berikut:

- i. Syarikat 100% milik rakyat Malaysia: RM250,000
- ii. Syarikat yang dimiliki bersama oleh rakyat Malaysia dan rakyat asing: RM350,000
- iii. Syarikat 100% milik rakyat asing: RM500,000

Kelulusan jawatan utama akan tertakluk pada syarat bahawa syarikat mestilah diperbadankan di Malaysia dan mesti menandatangani modal berbayar asingnya sekurang-kurangnya RM1,000,000. Walau bagaimanapun, bilangan jawatan utama tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan modal berbayar asing.

Kelulusan untuk jawatan bertempoh akan dikenakan syarat-syarat berikut:

- i. Gaji pokok minimum sekurang-kurangnya RM5,000;
- ii. Kelayakan akademik minimum dan pengalaman minimum;
 - a) Syarikat perkilangan:-
 - Ijazah dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang yang berkaitan; dan/atau
 - Diploma dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang yang berkaitan; dan/atau

- Pensijilan Teknikal dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang yang berkaitan; atau kelayakan/pengalaman akademik yang dicadangkan oleh syarikat, yang mana lebih tinggi.
- b) Syarikat R&D Kontrak, Syarikat R&D dan R&D dalam syarikat:-
- Ijazah dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang yang berkaitan; dan/atau
 - Diploma dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang yang berkaitan; atau kelayakan/pengalaman akademik yang dicadangkan oleh syarikat, yang mana lebih tinggi.
- c) Penarafan 4 bintang bagi Projek Hotel dan Pelancongan:-
- Kelayakan akademik minimum adalah Ijazah dengan pengalaman kerja selama sekurang-kurangnya 5 tahun dalam industri hotel/ pelancongan.

Bilangan pegawai dagang akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes. Walau bagaimanapun, syarikat R&D kontrak, syarikat R&D dan R&D dalam syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau sebahagian besarnya oleh rakyat asing akan tertakluk pada maksimum 50% daripada jumlah kakitangan R&D iaitu dalam nisbah 1 pegawai dagang terhadap 1 kakitangan R&D Malaysia. Tempoh masa jawatan bertempoh boleh dipertimbangkan selama maksimum 5 tahun.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

Ibu Pejabat Operasi (OHQ), Perbadanan Pembangunan Serantau (RDC) & Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) dan Hab Utama

Permohonan untuk pegawai dagang bagi OHQ, RDC, IPC dan Hab Utama boleh dipertimbangkan berdasarkan kriteria seperti berikut:

- i. OHQ, RDC dan IPC boleh dipertimbangkan pada modal berbayar minimum sebanyak RM500,000;
- ii. Hab Utama boleh dipertimbangkan pada modal berbayar minimum sebanyak RM2.5 juta.

Bilangan pegawai dagang akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan syarikat dan jangka masa jawatan bertempoh adalah selama maksimum 5 tahun.

Kelulusan jawatan pegawai dagang untuk OHQ, RDC, IPC dan Hab Utama akan dikenakan syarat-syarat berikut:

- i. Gaji pokok minimum sekurang-kurangnya RM5,000 bagi jawatan pegawai dagang.

- ii. Ijazah dengan pengalaman selama sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang yang berkaitan; atau kelayakan/pengalaman akademik yang dicadangkan oleh syarikat, yang mana lebih tinggi.
- iii. Bagi syarikat OHQ, RDC dan IPC milik rakyat Malaysia, jawatan penting boleh dipertimbangkan tertakluk pada modal berbayar minimum sekurang-kurangnya RM500,000.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

Pertubuhan Serantau (RE) / Pejabat Serantau (RO)

Permohonan untuk jawatan pegawai dagang (jawatan bertempoh) bagi RE/RO boleh dipertimbangkan berdasarkan kriteria berikut:

- i. Perbelanjaan operasi minimum sekurang-kurangnya RM300,000 setahun.
- ii. Gaji pokok minimum sekurang-kurangnya RM5,000 bagi jawatan pegawai dagang.

Bilangan jawatan bertempoh akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes. Tempoh untuk kelulusan jawatan bertempoh akan selaras dengan tempoh status RE/RO.. Kelulusan untuk pegawai dagang akan diberikan oleh kedua-dua jawatan dan individu.

Permohonan hendaklah diserahkan kepada MIDA.

Perkhidmatan lain tanpa insentif cukai dan perkhidmatan tidak dikawal selia

- i. Permohonan untuk jawatan pegawai dagang bagi perkhidmatan lain dan perkhidmatan yang tidak dikawal selia selain daripada subsektor yang dinyatakan sebelum ini, hendaklah diserahkan terus kepada Jabatan Imigresen. MIDA hanya akan memudahkan syarikat untuk membuat permohonan jawatan pegawai dagang kepada pihak Imigresen.

Industri Perikanan, Ternakan dan Pertanian

- i. Permohonan bagi jawatan pegawai dagang untuk syarikat-syarikat baru (tanpa insentif) dan syarikat sedia ada dalam Industri Perikanan, Ternakan dan Pertanian hendaklah diserahkan kepada MIDA.
- ii. Kelulusan jawatan pegawai dagang akan dipertimbangkan tertakluk pada garis panduan dan syarat yang ditetapkan untuk Sektor Perkilangan.

3. PERMOHONAN JAWATAN PEGAWAI DAGANG

Semua permohonan untuk jawatan pegawai dagang daripada syarikat baru dan sedia ada (termasuk permohonan yang tidak melibatkan pembesaran atau pemelbagaian) dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan hendaklah diserahkan kepada MIDA. Hal ini termasuk syarikat yang perlu mendapatkan lesen pengilang serta syarikat yang dikecualikan daripada lesen pengilangan.

Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur imigresen, sila lawati www.imi.gov.my.

4. PENGAMBILAN PEKERJA ASING

Di Malaysia, pekerja asing boleh diambil kerja dalam sektor-sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian, perkhidmatan dan pembantu rumah.

Sektor perkhidmatan terdiri daripada sebelas subsektor: (restoran, perkhidmatan pembersihan, pengendalian kargo, kedai dobi layan diri, kedi di kelab golf, kedai gunting rambut, pemborong/peruncit, tekstil, aktiviti logam/sekerap/kitar semula, rumah kebajikan dan hotel/pulau peranginan).

Hanya warganegara dari negara-negara tertentu seperti di bawah dibenarkan untuk bekerja dalam sektor-sektor terpilih:

Sektor yang Diluluskan	Warganegara:
<ul style="list-style-type: none"> Perkilangan Perladangan Pertanian Pembinaan Sektor Perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> Indonesia Cambodia Nepal Myanmar Laos Vietnam Filipina (lelaki sahaja) Pakistan Sri Lanka Thailand Turkmenistan Uzbekistan Kazakhstan
<ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan (tukang masak, pemborong/peruncit, kedai gunting rambut, logam/sekerap/kitar semula, tekstil) Pembinaan (pemasangan kabel voltan tinggi sahaja) Pertanian Perladangan 	<ul style="list-style-type: none"> India

Kelulusan adalah berdasarkan merit setiap kes dan tertakluk pada syarat-syarat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa. Permohonan untuk menggaji pekerja asing hanya akan dipertimbangkan apabila usaha untuk mencari warganegara tempatan dan pemastautin tetap yang berkelayakan telah gagal.

Levi tahunan ke atas pekerja asing dikenakan seperti berikut:

Sektor yang Diluluskan	Levi Tahunan (Semenanjung) RM	Levi Tahunan (Sabah/Sarawak) RM
Perkilangan	1,850	1,010
Pembinaan	1,850	1,010
Perladangan	640	590
Pertanian	640	410
Perkhidmatan	1,850	1,490
Perkhidmatan (Pulau peranginan)	1,850	1,010

Semua permohonan bagi pekerja asing hendaklah diserahkan kepada Pusat Sehentian, Kementerian Dalam Negeri, kecuali permohonan bagi pembantu rumah asing yang hendaklah diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia.


Untuk maklumat lanjut mengenai pengambilan pekerja asing, sila lawati laman web Kementerian Dalam Negeri pada pautan www.moha.gov.my.

BAB

5

TENAGA MANUSIA UNTUK INDUSTRI





1. TENAGA PEKERJA MALAYSIA

2. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA

- 2.1 Kemudahan untuk Latihan Kemahiran Industri
- 2.2 Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia

3. KOS PEKERJA

4. KEMUDAHAN PENGAMBILAN PEKERJA

5. PIAWAIAN PEMBURUHAN

- 5.1 Akta Kerja 1955
- 5.2 Ordinan Buruh, Sabah dan Ordinan Buruh, Sarawak
- 5.3 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
- 5.4 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969
- 5.5 Akta Pampasan Pekerja 1952
- 5.6 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

6. PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

- 6.1 Kesatuan Sekerja
- 6.2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967
- 6.3 Perhubungan dalam Pertubuhan Tanpa Kesatuan Sekerja



TENAGA MANUSIA UNTUK INDUSTRI

1. TENAGA PEKERJA MALAYSIA

Malaysia menawarkan kepada pelabur tenaga pekerja yang rajin, berdisiplin, berpendidikan dan terlatih. Belia-belia di Malaysia yang menyertai pasaran buruh akan menjalani pendidikan selama sekurang-kurangnya 11 tahun persekolahan, iaitu sehingga peringkat sekolah menengah, dan oleh itu mudah dilatih untuk mendapat kemahiran baru. Di samping itu, sebanyak 27% daripada tenaga pekerja mempunyai pendidikan tinggi.

Untuk memenuhi permintaan sektor pembuatan bagi pekerja terlatih secara teknikal, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan bilangan jurutera, juruteknik dan kakitangan mahir yang lain. Penekanan diberikan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), dan industri-industri diberikan platform untuk bekerjasama dengan penyedia TVET bagi memastikan bekalan siswazah dapat memenuhi keperluan industri.

Di samping itu, Malaysia menikmati pasaran tenaga pekerja yang bebas dan berdaya saing yang dalamnya hubungan pekerja dan majikan adalah mesra dan harmoni. Pihak kerajaan terus mengkaji semula undang-undang yang berkaitan dengan pekerjaan untuk memenuhi keperluan pasaran pekerja. Program-program untuk meningkatkan kemahiran dan memahirkan semula disediakan untuk memastikan hubungan majikan dan pekerja yang stabil.

Kos buruh di Malaysia agak rendah manakala tahap produktiviti tetap tinggi berbanding dengan negara perindustrian lain. Banyak program dan kemudahan tersedia untuk penambahbaikan produktiviti termasuk sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti, automasi dan latihan kemahiran.

2. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA

Pada masa ini, Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia mengendalikan sebanyak 32 Institut Latihan Kemahiran, iaitu 23 Institut Latihan Perindustrian (ITI), lapan (8) Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI). ITI menawarkan program latihan kemahiran perindustrian pada peringkat asas, pertengahan dan lanjutan untuk prapekerjaan atau kemasukan kerja. Program ini merangkumi 5 bidang, iaitu Mekanikal, Elektrik & Elektronik, Pencetakan, Teknologi Bangunan, ICT dan Teknologi Bukan Logam. Di samping itu, pihak Kementerian juga menjalankan program untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada serta latihan untuk para pengajar di bawah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).

2.1 Kemudahan untuk Latihan Kemahiran Industri

Di Malaysia, sekolah-sekolah vokasional dan teknikal, politeknik dan institusi latihan perindustrian menyediakan para belia untuk pekerjaan dalam pelbagai perdagangan perindustrian. Walaupun kebanyakannya dikendalikan oleh agensi kerajaan, terdapat beberapa inisiatif swasta melengkapkan usaha kerajaan untuk menyediakan pekerja-pekerja mahir yang diperlukan oleh industri.

Agensi-agensi utama kerajaan yang terlibat dalam latihan ialah:

- **Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia** mengendalikan sebanyak 23 institut latihan kemahiran (ITI). ITI menawarkan program latihan kemahiran perindustrian di peringkat asas, pertengahan dan lanjutan untuk peringkat kemasukan prapekerjaan atau kemasukan kerja. Perkara ini termasuk program perantisan dalam bidang mekanikal, elektrik, bangunan dan percetakan serta program untuk meningkatkan kemahiran dan melatih pengajar. Kementerian itu juga mengendalikan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) dan lapan pusat latihan teknologi tinggi (ADTEC).
- **Kementerian Pendidikan** mengendalikan lebih daripada 90 buah sekolah teknikal yang menawarkan kursus-kursus teknikal dan vokasional. Lulusan sekolah daripada sekolah teknikal boleh mencari pekerjaan di peringkat kemasukan kerja atau melanjutkan pelajaran di peringkat diploma di Politeknik atau peringkat sijil di Kolej Komuniti atau institusi latihan lain di bawah penyeliaan kementerian lain.
- **Kementerian Belia dan Sukan** menyediakan latihan kemahiran perindustrian pada peringkat asas, pertengahan dan lanjutan, melalui 16 Pusat Latihan Kemahiran Belia Negara dan Pusat Latihan Kemahiran Tinggi Belia Negara. Kursus jangka pendek dan program peningkatan kemahiran turut dijalankan.
- **Majlis Amanah Rakyat (MARA)** di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah). MARA mengendalikan lebih daripada 20 institut latihan kemahiran di seluruh negara yang menawarkan program pada tahap asas, pertengahan, lanjutan dan profesional.

2.2 Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia

Menyusur galur asal usulnya sehingga tahun 1993 sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), yang juga dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), ialah sebuah agensi di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Ditadbir oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), HRDF diberikan mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk membolehkan pembangunan tenaga kerja tempatan yang kompeten yang akan menyumbang kepada visi Malaysia untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi.

Sejak penubuhannya, HRDF telah berkembang daripada mengurus dana yang agak besar sehingga menjadi pusat sehatian bagi menyediakan penyelesaian pembangunan modal insan yang baru untuk majikan berdaftar dan jumlah kritikal bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia.

Selain itu, HRDF terus gigih dalam usahanya untuk menggalakkan majikan yang diliputi di bawah Akta PSMB 2001 untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih tempatan yang sesuai dengan keadaan perniagaan global yang berkembang pesat sambil memenuhi aspirasi syarikat masing-masing.

• **Akta PSMB 2001**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penganan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi maksud penggalakan latihan dan pembangunan pekerja, perantis dan pelatih, penubuhan dan pentadbiran Kumpulan Wang oleh Perbadanan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Sektor yang diliputi di bawah Akta PSMB 2001:

- » Perkilangan
- » Perkhidmatan
- » Perlombongan dan Pengkuarian

• **Kriteria Kelayakan untuk Pendaftaran**

Akta PSMB 2001 terpakai untuk majikan dalam 63 subsektor (*Senarai lengkap 63 subsektor ini boleh dimuat turun daripada portal HRDF; www.hrdf.com.my*)

Kategori	Kriteria
Mandatori (Levi 1%)	Majikan yang mempunyai seramai 10 atau lebih orang Pekerja Malaysia
Sukarela (Levi 0.5%)	Majikan yang mempunyai seramai 5 hingga 9 orang Pekerja Malaysia

Sumber: *Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) - www.hrdf.com.my*

3. KOS PEKERJA

Gaji dan faedah sampingan untuk pekerja adalah berbeza mengikut industri, lokasi dan saiz pekerjaan. Jenis cuti umum yang disediakan oleh syarikat termasuk cuti tahunan, cuti umum, cuti sakit, cuti rawatan di hospital, cuti bersalin dan cuti belas kasihan. Di sesetengah syarikat, faedah tambahan termasuk penyediaan pakaian seragam, pengangkutan, bayaran insentif, elaun syif dan perlindungan insurans. Pembayaran bonus diberikan oleh sesetengah syarikat berdasarkan prestasi syarikat dan prestasi individu.

Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 [P.U. (A) 305/2018] mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2019. Dengan pindaan ini, semua majikan dalam sektor swasta, tanpa mengira bilangan pekerja yang digaji oleh mereka, hendaklah mematuhi kadar gaji minimum baru.

Kadar gaji minimum yang berkuat kuasa dari 1 Januari 2019 adalah seperti berikut:-

Kadar Gaji Minimum		
Bulanan	Harian	
	Bilangan hari bekerja	Setiap Jam
RM1,100	6	RM42.31
	5	RM50.77
	4	RM63.46
		RM5.29

Untuk maklumat lanjut mengenai gaji dan faedah sampingan dalam sektor perkilangan, sila lawati laman web Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) pada pautan www.mef.org.my.

4. KEMUDAHAN PENGAMBILAN PEKERJA

Selain agensi-agensi pekerjaan persendirian berdaftar, para majikan dan pencari kerja boleh mendaftar secara percuma melalui Portal JobsMalaysia untuk mencari calon pekerja yang sesuai dan kekosongan jawatan yang tersedia di seluruh negara. Terdapat lebih kurang 90 Pusat JobsMalaysia di seluruh negara yang beroperasi di Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pejabat Tenaga Kerja. Majikan dan pencari kerja juga diundang untuk menyertai Karnival Pekerjaan yang dianjurkan oleh JobsMalaysia.

5. PIAWAIAN PERBURUHAN

Jabatan Tenaga Kerja bertanggungjawab terhadap pentadbiran undang-undang buruh untuk mengekalkan keharmonian perindustrian. Undang-undang buruh menetapkan keperluan minimum yang mesti dipatuhi oleh majikan untuk melindungi hak dan faedah para pekerja. Beberapa kelonggaran dalam operasi perniagaan dimudahkan melalui permohonan pengecualian kepada Pengarah Tenaga Kerja, Jabatan Tenaga Kerja.

5.1 Akta Kerja 1955

Perundangan utama, Akta Kerja 1955 terpakai bagi semua pekerja di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan yang gaji bulanannya tidak melebihi RM2,000 dan semua buruh kasar tidak mengira gaji mereka. Para majikan boleh menyediakan kontrak pekerjaan tetapi ia tidak boleh melanggar atau mengurangkan faedah-faedah minimum yang ditetapkan di bawah undang-undang. Pekerja berhak membuat tuntutan kewangan melalui Mahkamah Buruh jika terdapatnya pertikaian antara pihak majikan dan pekerja mengenai faedah mereka seperti gaji, tuntutan lebih masa, faedah penamatan, faedah bersalin, dan lain-lain. Selain itu, pekerja yang berpendapatan antara RM2,001 hingga RM5,000 sebulan juga boleh mendapatkan tebus rugi di Mahkamah Buruh atas terma dan syarat dalam kontrak pekerjaan mereka.

Beberapa obligasi majikan di bawah Akta Kerja 1955 adalah seperti berikut:

- i. Setiap pekerja mestilah diberikan satu kontrak bertulis yang mengandungi terma dan syarat pekerjaan, termasuk peruntukan yang berkaitan dengan penamatan kontrak.
- ii. Menyimpan daftar buruh berkenaan butiran peribadi pekerja, bayaran gaji dan potongan gaji.
- iii. Peruntukan khas untuk perlindungan pekerja wanita yang berkaitan dengan kerja pada waktu malam dan faedah bersalin.
- iv. Masa bekerja biasa dan peruntukan-peruntukan lain yang berkaitan dengan bilangan jam kerja.
- v. Hak mendapat cuti tahunan bergaji, cuti sakit, cuti hospital dan cuti umum. Kadar bayaran kerja lebih masa.
- vi. Tanggungjawab majikan dalam penggajian pekerja asing.
- vii. Peruntukan khas mengenai perlakuan gangguan seksual di tempat kerja.

5.2 Ordinan Buruh, Sabah dan Ordinan Buruh, Sarawak

Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) mengawal pentadbiran Undang-undang Buruh di negeri masing-masing. Peruntukan Ordinan Buruh, Sabah dan Ordinan Buruh, Sarawak adalah serupa dengan peruntukan Akta Kerja 1955. Walau bagaimanapun, terdapatnya beberapa peruntukan yang berbeza dan perlu diberi perhatian:

Peruntukan tersebut adalah:-

Skop

Akta Kerja 1955 merangkumi pekerja yang gajinya tidak melebihi RM2,000.00 sebulan, manakala skop Ordinan Buruh Sarawak dilanjutkan sehingga RM2,500.00 sebulan. Setakat yang berkenaan dengan Ordinan Buruh Sabah, pekerja yang dilindungi merupakan orang yang telah mengikat kontrak perkhidmatan dengan majikan dan menerima gaji yang tidak lebih daripada RM2,500.00 sebulan, dan orang itu, tanpa menghiraukan gaji yang diterimanya, terlibat dalam kerja buruh kasar atau dalam operasi dan penyelenggaraan mana-mana kenderaan digerakkan secara mekanik bagi tujuan pengangkutan atau tujuan komersial, atau dilantik sebagai penyelia pekerja buruh kasar atau terlibat dalam mana-mana kapal yang didaftarkan di Malaysia dengan pengecualian tertentu atau pembantu rumah.

Peruntukan Khas mengenai Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda

Ordinan-ordinan ini menetapkan syarat-syarat yang di bawahnya seorang "kanak-kanak" dan "orang muda" boleh digaji. Seorang "kanak-kanak" ialah seorang di bawah umur 15 tahun dan "orang muda" ialah seorang yang telah mencapai umur 15 tahun tetapi di bawah umur 18 tahun, yang kini berada di bawah skop yang sama dengan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 yang terpakai di Semenanjung Malaysia.

Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin

Adalah wajib bagi setiap majikan yang berhasrat untuk menggaji mana-mana "pekerja bukan pemastautin" untuk mendapatkan lesen bagi menggaji "pekerja bukan pemastautin" daripada Pengarah Buruh Sabah/Sarawak terlebih dahulu. Seorang "pekerja bukan pemastautin" ditakrifkan sebagai seseorang yang bukan hak Sabah/Sarawak seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 71 Akta Imigresen, 1959/1963.

Maklumat Berkaitan dengan Bekalan Pekerja

Akta Kerja 1955 menghendaki majikan yang menggaji pekerja asing supaya memaklumkan perkara itu kepada Ketua Pengarah seperti dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari dari penggajian tersebut.

5.3 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991

Caruman berkanun di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2019:

Kumpulan Umur 60 Tahun dan Ke Bawah

- i. **Bahagian majikan**
 - a) **Gaji Bulanan RM5,000 (US\$1,171) dan ke bawah**
Kadar berkanun sebanyak 13% daripada gaji bulanan pekerja.
 - b) **Gaji Bulanan Melebihi RM5,000 (US\$1,171)**
Kadar berkanun sebanyak 12% daripada gaji bulanan pekerja.

ii. Bahagian pekerja

Kadar berkanun sebanyak 11% daripada gaji bulanan pekerja

[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian A) Akta KWSP 1991]

Kumpulan Umur 60 – 75 Tahun

i. Warganegara Malaysia

a) Bahagian majikan

Kadar berkanun sebanyak 4% daripada gaji bulanan pekerja.

b) Bahagian pekerja

Kadar berkanun sebanyak 0% daripada gaji bulanan pekerja

[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian E) Akta KWSP 1991]

ii. Pemastautin tetap

a) Bahagian majikan

i) Gaji Bulanan RM5,000 (US\$1,171) dan ke bawah

Kadar berkanun sebanyak 6.5% daripada gaji bulanan pekerja

ii) Gaji Bulanan Melebihi RM5,000 (US\$1,171)

Kadar berkanun sebanyak 6% daripada gaji bulanan pekerja

b) Bahagian pekerja

Kadar berkanun sebanyak 5.5% daripada gaji bulanan pekerja

[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian C) Akta KWSP 1991]

Semua pekerja asing dan pegawai dagang dan majikan mereka dikecualikan daripada caruman berkanun. Walau bagaimanapun, mereka boleh memilih untuk mencarum dan kadar yang terpakai adalah seperti berikut:-

Kumpulan Umur 60 Tahun dan Ke Bawah

i. Bahagian majikan

RM5.00 (US\$1.17) setiap orang pekerja sebulan

ii. Bahagian pekerja

11% daripada gaji bulanan pekerja

[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian B) Akta KWSP 1991]

Kumpulan Umur 60 – 75 Tahun

i. Bahagian majikan

RM5.00 (US\$1.17) setiap orang pekerja sebulan

ii. Bahagian pekerja

5.5% daripada gaji bulanan pekerja

[Sila rujuk kepada Jadual Ketiga (Bahagian D) Akta KWSP 1991]

5.4 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyediakan dua skim keselamatan sosial untuk melindungi kebajikan pekerja dan tanggungannya di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 (Akta 4). Dua skim keselamatan sosial tersebut ialah:

i. Skim Insurans Bencana Pekerjaan

ii. Skim Pencen Illat

Skim Insurans Bencana Pekerjaan

Skim Insurans Bencana Pekerjaan memberikan perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan pekerjaan atau mengalami penyakit yang timbul daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya dalam sesuatu industri. Faedah-faedah yang disediakan di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan terdiri daripada Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, Faedah Pemulihan dan Faedah Pendidikan.

Skim Pencen Illat

Skim Pencen Illat memberikan perlindungan 24 jam kepada pekerja daripada kehilangan upaya atau kematian yang berlaku kerana mana-mana sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaannya. Walau bagaimanapun, pekerja mestilah memenuhi syarat supaya layak mendapat pencen ilat. Faedah-faedah yang disediakan di bawah Skim Pencen Illat adalah Bantuan Illat, Elaun Layanan Sentiasa, Pencen Penakat, Faedah Pengurusan Mayat, Faedah Pemulihan dan Faedah Pendidikan.

Caruman

Caruman kepada PERKESO adalah wajib di bawah Akta untuk majikan dan pekerja yang layak.

Skim-skim ini diklasifikasikan kepada 2 kategori caruman:

i. Kategori Pertama

Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Illat. Pembayaran caruman dibuat oleh kedua-dua majikan dan pekerja. Kadar caruman di bawah kategori ini merangkumi sebanyak 1.75% daripada bahagian majikan dan 0.5% daripada gaji bulanan pekerja menurut jadual caruman.

ii. Kategori Kedua

Kadar caruman di bawah kategori ini adalah sebanyak 1.25% daripada gaji bulanan pekerja, yang perlu dibayar oleh majikan, berdasarkan jadual caruman. Semua pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun mestilah dilindungi di bawah kategori ini untuk Skim Bencana Pekerjaan sahaja.

Kelayakan Majikan

Majikan yang menggaji seorang pekerja atau lebih seperti yang ditakrifkan di bawah Akta dikehendaki mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.

Kelayakan Pekerja

Semua pekerja yang digaji di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dalam sektor swasta dan kakitangan berkontrak / sementara Kerajaan Persekutuan / Negeri serta Badan Berkanun Persekutuan / Negeri perlu didaftarkan dan dilindungi oleh PERKESO. Kadar caruman adalah dihadkan pada had maksimum gaji bulanan sebanyak RM4,000.00.

Pekerja yang dikecualikan daripada skop Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 adalah seperti berikut:

- i. Pekerja tetap pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- ii. Pembantu rumah
- iii. Bekerja sendiri
- iv. Pasangan seorang tuan punya tunggal atau pemilik perkongsian

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789)

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2017. Pada masa ini, Akta ini memberikan perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan Sendiri kepada para pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menyediakan perkhidmatan yang serupa termasuk pemandu e-panggilan seperti GrabCar dan juga pemandu bas yang bekerja sendiri seperti bas henti-henti, bas carter, bas ekspres, bas mini, bas pekerja, bas pengantara, bas sekolah dan bas lapangan terbang. Skim ini memberikan perlindungan kepada orang diinsuranskan yang bekerja sendiri dan tanggungan mereka daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa aktiviti yang berkaitan dengan kerja. Ia memberikan faedah wang tunai kepada pemandu teksi dan tanggungan mereka di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan fizikal dan latihan vokasional. Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan dari tarikh dan masa caruman dibayar. Kadar caruman yang ditetapkan adalah sebanyak 1.25% sebulan daripada pilihan gaji yang diinsuranskan.

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)

Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) dilaksanakan pada bulan Januari 2018 untuk memberikan bantuan kewangan segera kepada pekerja diinsuranskan yang telah kehilangan pekerjaan. Pekerja yang terjejas juga akan dibantu untuk mencari pekerjaan baru dan jika perlu, mereka diberikan latihan untuk meningkatkan kebolehan mereka untuk diambil bekerja.

Objektif EIS

- i. Memberikan bantuan kewangan segera kepada pekerja pencarum yang telah kehilangan pekerjaan.
- ii. Membantu pekerja yang menganggur mencari pekerjaan baru melalui Program Penempatan Pekerjaan Semula.
- iii. Meningkatkan kebolehan pekerja yang menganggur untuk diambil bekerja melalui latihan vokasional.

Perlindungan EIS

- i. Semua majikan dalam sektor swasta dikehendaki membayar caruman bulanan untuk setiap orang pekerjanya. (Kakitangan kerajaan, pembantu rumah dan orang yang bekerja sendiri adalah dikecualikan).
- ii. Seorang pekerja ditakrifkan sebagai seseorang yang diambil bekerja dan bergaji di bawah sesuatu kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan suatu majikan. Kontrak perkhidmatan atau perantisan boleh mengambil bentuk yang nyata atau tersirat dan secara lisan atau bertulis.
- iii. Semua pekerja yang berumur 18 hingga 60 tahun dikehendaki mencarum. Walau bagaimanapun, pekerja yang berumur 57 tahun dan ke atas yang tidak mempunyai caruman sebelum umur 57 tahun adalah dikecualikan.
- iv. Kadar caruman adalah dihadkan pada had maksimum gaji yang diinsuranskan sebanyak RM4000.00.

Kadar Caruman EIS

Majikan: 0.2%

Pekerja: 0.2%

Faedah EIS

- Elaun Mencari Pekerjaan
- Elaun Pendapatan Berkurangan
- Yuran Latihan
- Elaun Latihan
- Elaun Bekerja Semula Awal
- Program Penempatan Pekerjaan Semula
- Kaunseling Kerjaya

Peluasan Liputan Perlindungan Keselamatan Sosial

i. Pasangan

Bermula dari 1 Julai 2018, PERKESO telah memperluas liputan perlindungan keselamatan sosial kepada pasangan yang bekerja dengan pasangannya dalam sesuatu perusahaan di bawah Akta 4 dan Akta 800. Dengan peluasan perlindungan keselamatan sosial ini, isteri atau suami layak yang digaji oleh pasangan masing-masing untuk bekerja bagi pasangan mereka di bawah Akta 4 dan Akta 800 akan dilindungi oleh keselamatan sosial di bawah kedua-dua Akta tersebut.

ii. Pekerja Asing

PERKESO juga telah memperluas perlindungannya untuk semua pekerja asing yang sah (tidak termasuk pembantu rumah) di Malaysia, mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, yang dengannya mereka akan dilindungi oleh Skim Bencana Pekerjaan (Employment Injury atau EI) di bawah Akta 4. Kadar caruman adalah sebanyak 1.25% daripada gaji bulanan yang diinsuranskan dan hendaklah dibayar oleh majikan. Skim EI memberikan perlindungan kepada pekerja daripada kemalangan atau penyakit pekerjaan yang timbul daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya serta kemalangan semasa berulang-alik.

Program Kembali Bekerja (RTW)

Program RTW telah diperkenalkan pada tahun 2007 sebagai pendekatan yang proaktif dalam membantu Orang Diinsuranskan PERKESO yang mengalami bencana pekerjaan atau penyakit. Pekerja yang cedera atau sakit yang telah berjaya menjalani program RTW PERKESO kini dapat terus menyara diri mereka sendiri dan keluarga mereka serta menjadi sebahagian daripada tenaga kerja produktif negara semula, dengan itu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak

Pusat ini, yang terletak di Hang Tuah Jaya di Bandar Hijau, Melaka, mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Pusat ini menyokong program RTW dengan menyediakan kemudahan yang komprehensif kepada peserta yang dirujuk sehingga Orang Diinsuranskan dapat kembali ke dunia kerja secara aktif, menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi keluarga, komuniti dan negara.

Program Saringan Kesihatan

PERKESO telah memperkenalkan Program Saringan Kesihatan (HSP) pada tahun 2013. Di bawah program ini, PERKESO mengedarkan baucar saringan kesihatan kepada pekerja yang diinsuranskan apabila mereka mencapai umur 40 tahun. Program HSP merupakan sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan seterusnya menangani penyakit tidak berjangkit di kalangan pekerja.

5.5 Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273)

Akta ini memperuntukkan obligasi ke atas pihak majikan untuk menginsuranskan pekerja dan pembayaran pampasan untuk kecederaan yang dialami oleh pekerja dalam kemalangan semasa menjalankan pekerjaannya. Terdapat tiga jenis perlindungan di bawah Akta ini, iaitu untuk hilang upaya menyeluruh kekal, hilang upaya separa kekal dan kematian.

5.6 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) di bawah Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan perundangan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. DOSH memastikan bahawa keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang di tempat kerja serta orang lain dilindungi daripada bahaya akibat daripada aktiviti-aktiviti pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti:

- perkilangan;
- perlombongan dan pengkuarian
- pembinaan;
- pertanian, perhutanan dan perikanan;
- utiliti (gas, elektrik, air dan perkhidmatan kebersihan);
- pengangkutan, penstoran dan komunikasi;
- perniagaan borong dan runcit;
- hotel dan restoran;
- perkhidmatan kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan; dan
- perkhidmatan awam dan badan-badan berkanun.

Aktiviti penguatkuasaan ini dikawal oleh tiga perundangan, iaitu:-

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Kilang dan Jentera 1967; dan
- Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 menyediakan rangka kerja perundangan bagi mempromosi, menggiat dan menggalakkan standard kesihatan yang tinggi dan budaya kerja yang selamat di kalangan semua majikan dan pekerja Malaysia melalui skim pengaturan sendiri yang dibentuk agar bersesuaian dengan industri atau organisasi tertentu.

OSHA 1994 menetapkan kewajipan majikan, pekerja, orang yang bekerja sendiri, pereka bentuk, pengilang, pengimport dan pembekal loji dan bahan. Di bawah OSHA 1994, majikan mestilah memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjanya. Perkara ini terpakai terutamanya kepada pengadaan dan penyenggaraan loji dan sistem kerja yang selamat.

Perkiraan mestilah dibuat bagi menjamin keselamatan dan kesihatan dalam penggunaan, pengendalian, penyimpanan dan pengangkutan loji dan bahan. 'Loji' termasuk sebarang mesin, kelengkapan, perkakas, alat dan komponen, manakala 'bahan' bermaksud apa-apa bahan asli atau tiruan, sama ada dalam bentuk pepejal, cecair, gas atau wap atau gabungan daripadanya.

Risiko kepada kesihatan akibat daripada penggunaan, penyimpanan atau pengangkutan bahan mestilah dikurangkan. Majikan mestilah menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan yang diperlukan untuk amalan keselamatan, termasuk maklumat mengenai kehendak perundangan, dengan rujukan tertentu kepada proses yang boleh mendatangkan bahaya yang khusus.

Majikan yang mengambil bekerja 40 orang atau lebih mestilah menubuhkan sebuah jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan dan kesihatan dikaji semula secara berkala serta menyiasat sebarang perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan.

Majikan mestilah memberitahu pejabat keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang terdekat mengenai sebarang kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan dan penyakit pekerjaan yang telah berlaku atau mungkin akan berlaku di tempat kerja.

Proses-proses yang menggunakan bahan kimia berbahaya memerlukan orang yang kompeten untuk menjalankan penilaian risiko kesihatan kimia, pemantauan peribadi dan keselamatan, manakala doktor kesihatan pekerjaan diperlukan untuk menjalankan pengawasan perubatan yang wajar di tempat kerja.

Terdapatnya lapan peraturan di bawah OSHA 1994 yang dikuatkuasakan oleh DOSH, iaitu:

1. Peraturan Pernyataan Dasar Am Keselamatan Dan Kesihatan Majikan (Pengecualian) 1995
2. Peraturan Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian 1996
3. Peraturan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan 1996
4. Peraturan Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan 1997
5. Peraturan Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan 2000
6. Peraturan Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan 2004
7. Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya 2013
8. Peraturan-Peraturan Pendedahan Bising 2019

Pelanggaran kehendak undang-undang ini boleh membawa kepada pendakwaan di mahkamah.

Matlamat Akta Kilang dan Jentera 1967 (FMA) pula adalah untuk mengadakan satu kawalan ke atas kilang-kilang mengenai perkara-perkara berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang, serta pendaftaran dan pemeriksaan jentera. Semua jentera yang diperakui seperti dandang stim, bejana tekanan tidak berapi, pengangkat penumpang, kren gerak atas dan gondola, mesti diluluskan dari segi keperluan reka bentuk, spesifikasi teknikal, ujian dan pemeriksaan. Pengilang hendaklah menyerahkan lukisan, pengiraan teknikal, sijil pengilang dan dokumen sokongan lain secara dalam talian melalui sistem SKUD (www.dosh.gov.my) bagi tujuan mendapatkan kelulusan reka bentuk daripada DOSH.

Semua kilang dan jentera am mestilah didaftarkan dengan DOSH sebelum ia boleh dipasang dan beroperasi di Malaysia.

Pengendalian, pemasangan, penyenggaraan dan penanggalan kelengkapan dan proses tertentu memerlukan perkhidmatan orang yang kompeten. Oleh itu, semasa pemasangan mesin dan kelengkapan seperti kren, lif dan perancah, perkhidmatan orang yang kompeten diwajibkan bagi memastikan pacakannya yang selamat. Manakala seorang pemandang dan jurutera stim diperlukan untuk mengendalikan kelengkapan berisiko tinggi seperti dandang stim.

DOSH menguatkuasakan 15 peraturan di bawah FMA 1967. Peraturan-Peraturan tersebut terdiri daripada:

1. Peraturan Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang 1970
2. Peraturan Pemagaran Jentera dan Keselamatan 1970
3. Peraturan Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan 1970
4. Peraturan Orang-orang Menjaga 1970
5. Peraturan Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan 1970
6. Peraturan Dandang Stim dan Pengandung Tekanan Tak Berapi 1970
7. Peraturan Perakuan Kebolehan – Peperiksaan 1970
8. Peraturan Pentadbiran 1970
9. Peraturan Kesalahan Boleh Kompaun 1978
10. Kaedah-Kaedah Mengkompaun Kesalahan 1978
11. Peraturan Timah Hitam 1984
12. Peraturan Proses Asbestos 1986
13. Peraturan Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan (Keselamatan) 1986
14. Peraturan Habuk Galian 1989
15. Skim Pemeriksaan Khas (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2014

Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) dikuatkuasakan pada tahun 1984. Matlamat Akta ini adalah untuk mengawal selia keselamatan dalam pengangkutan, penstoran dan penggunaan petroleum. Skop keseluruhan Akta ini meliputi pengangkutan petroleum melalui jalan raya dan kereta api, air, saluran paip dan penstoran serta pengendalian petroleum.

Bagi tujuan meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang aspek keselamatan dalam mengendalikan petroleum, Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 telah diwartakan dengan dua peraturan di bawahnya. Peraturan-peraturan di bawah Akta ini ialah:

1. Peraturan Pengangkutan Petroleum Melalui Talian Paip 1985
2. Peraturan Pengangkutan Petroleum Melalui Air 1985

6. PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

6.1 Kesatuan Sekerja

Pada umumnya, majikan dan pekerja mempunyai hak untuk membentuk dan menyertai kesatuan mereka sendiri untuk melindungi kepentingan mereka dan mesti memenuhi syarat-syarat dalam mana-mana perniagaan, perdagangan, pekerjaan atau industri tertentu. Keahlian kesatuan adalah terhad secara geografi. Sebagai contoh, pekerja atau majikan di Semenanjung Malaysia hanya akan menyertai kesatuan yang semua ahlinya bertempat di Semenanjung, manakala pekerja atau majikan di Sabah atau Sarawak hanya akan menjadi ahli kesatuan yang ditubuhkan di Sabah atau Sarawak.

Objektif utama kesatuan sekerja adalah seperti berikut:

- i. Pengawasan perhubungan antara pekerja dan majikan untuk tujuan menggalakkan hubungan perindustrian yang baik antara pekerja dan majikan, memperbaiki keadaan kerja atau meningkatkan status ekonomi dan sosial mereka atau meningkatkan produktiviti;
- ii. Pengawasan perhubungan antara pekerja dan pekerja atau antara majikan dan majikan;
- iii. Perwakilan pekerja atau majikan dalam pertikaian perdagangan;
- iv. Menjalankan atau mengendalikan pertikaian perdagangan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, atau
- v. Menggalakkan, mengatur atau pembiayaan mogok atau sekatan masuk dalam mana-mana perdagangan atau industri atau peruntukan gaji atau faedah lain untuk ahli-ahlinya semasa mogok atau sekatan masuk.

Dasar dan garis panduan untuk pembentukan, fungsi, obligasi dan aktiviti kesatuan sekerja pada umumnya diperuntukkan dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 di bawah bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, Kementerian Sumber Manusia.

6.2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967

Sistem Perhubungan Perusahaan di Malaysia berfungsi dalam rangka kerja perundangan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177). Akta ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (DIRM) dan ia mengawal selia perhubungan antara majikan dan pekerja mereka dan kesatuan-kesatuan sekerja mereka di negara ini. Akta ini, antara lain, menggariskan perkara-perkara berikut:

- i. Peruntukan yang menggariskan proses berkenaan tuntutan pengiktirafan dan skop perwakilan kesatuan sekerja;
- ii. Peruntukan berkenaan pemudahan perundingan kolektif yang berkesan antara kesatuan sekerja dan majikan dan pengikatan suatu perjanjian kolektif kemudiannya;
- iii. Peruntukan berkenaan pencegahan dan penyelesaian pertikaian perdagangan termasuk rujukan kepada Menteri Sumber Manusia dan Mahkamah Perusahaan untuk keputusan;
- iv. Peruntukan berkenaan tindakan perusahaan seperti piket, mogok dan sekatan masuk;
- v. Peruntukan berkenaan perwakilan untuk tuntutan pengembalian jawatan oleh pekerja;
- vi. Peruntukan berkenaan pengendalian Mahkamah Perusahaan; dan
- vii. Peruntukan berkenaan kuasa menyiasat bagi pegawai Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia.

Di samping itu, DIRM juga menyediakan khidmat nasihat mengenai semua isu dan pertanyaan berkaitan dengan perhubungan perusahaan melalui pejabat-pejabat cawangannya yang bertempat di seluruh negara.

6.3 Perhubungan dalam Pertubuhan Tanpa Kesatuan Sekerja

Dalam sebuah pertubuhan tanpa kesatuan sekerja, amalan biasa untuk menyelesaikan pertikaian adalah dengan pekerja yang cuba mendapatkan tebus rugi terus daripada penyelia, fomen atau majikannya. Seorang pekerja juga boleh membuat aduan dengan Kementerian Sumber Manusia yang kemudiannya akan menjalankan siasatan.

BAB

6

PERBANKAN, KEWANGAN DAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING





1. SISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA

- 1.1 Bank Pusat
- 1.2 Institusi Kewangan
 - 1.2.1 *Industri Kewangan Islam*
 - 1.2.2 *Institusi Kewangan Pembangunan*

2. PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT

- 2.1 Kaedah Pembiayaan
- 2.2 Tempoh dan Margin Pembiayaan
- 2.3 Pembayaran Balik

3. PASARAN MODAL DI MALAYSIA

- 3.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- 3.2 Bursa Malaysia

4. PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN

- 4.1 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)
- 4.2 Menjalankan Perniagaan di Labuan IBFC
- 4.3 Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Labuan IBFC

5. PERATURAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING

- 5.1 Peraturan yang terpakai bagi Bukan Pemastautin
 - 5.1.1 *Pelaburan di Malaysia*
 - 5.1.2 *Kebolehcapaian kepada pembiayaan domestik*
 - 5.1.3 *Penjelasan bayaran bagi perdagangan barangan dan perkhidmatan*
 - 5.1.4 *Lindung nilai*
 - 5.1.5 *Akaun-akaun ringgit dan mata wang asing*
- 5.2 Peraturan yang terpakai bagi Pemastautin
 - 5.2.1 *Pelaburan dalam aset-aset mata wang asing*
 - 5.2.2 *Peminjaman dalam pesisir dan luar pesisir*
 - 5.2.3 *Import dan eksport barangan dan perkhidmatan*
 - 5.2.4 *Lindung nilai*
 - 5.2.5 *Akaun mata wang asing*



PERBANKAN, KEWANGAN DAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING

1. SISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA

Sistem kewangan Malaysia merangkumi pelbagai jenis institusi untuk memenuhi keperluan ekonomi domestik yang pelbagai dan kompleks. Sistem kewangan ini terdiri daripada sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam yang wujud bersama dan beroperasi seiring.

1.1 Bank Pusat

Matlamat utama Bank Negara Malaysia (Bank), yang merupakan Bank Pusat Malaysia, adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan mampan ekonomi Malaysia. Fungsi-fungsi utama Bank, seperti yang termaktub di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009, adalah untuk:

- membentuk dan melaksanakan dasar monetari di Malaysia;
- mengeluarkan mata wang di Malaysia;
- mengawal selia dan mengawasi institusi-institusi kewangan yang tertakluk pada undang-undang yang dikuatkuasa oleh Bank;
- mengawasi pasaran wang dan pertukaran asing;
- mengawasi sistem pembayaran;
- menggalakkan sistem kewangan yang teguh, progresif dan inklusif;
- memegang dan mengurus rizab asing Malaysia;
- menggalakkan rejim pentadbiran pertukaran asing negara ini; dan
- bertindak sebagai penasihat, kepada pihak Kerajaan, khususnya berkenaan dengan dasar-dasar makroekonomi.

1.2 Institusi Kewangan

Jadual berikut memberikan gambaran keseluruhan bilangan institusi kewangan di bawah bidang tugas Bank Negara Malaysia sehingga akhir bulan Disember 2018:

	Jumlah	Institusi Kawalan Malaysia	Institusi Kawalan Asing
Bank Perdagangan	26	8	8
Bank Islam	16	10	6
Bank Islam Antarabangsa	2	0	2
Bank Pelaburan	11	11	0
Syarikat Insurans	33	13	20
Pengendali Takaful (Syarikat Insurans Islam)	15	8	3
Syarikat Insurans Semula	7	2	5
Pengendali Takaful Semula (Syarikat Insurans Semula Islam)	4	1	3
Institusi Kewangan Pembangunan	6	6	0


Sistem perbankan, yang terdiri daripada bank-bank perdagangan, bank-bank pelaburan, dan bank-bank Islam, merupakan penggerak utama dana dan sumber utama pembiayaan yang menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi di Malaysia. Institusi-institusi perbankan beroperasi melalui rangkaian lebih daripada 2,400 cawangan dan 7,190 bank ejen di seluruh negara. Terdapatnya juga 17 buah pejabat perwakilan bank asing di Malaysia yang tidak mengusahakan perniagaan perbankan tetapi menjalankan penyelidikan, perkhidmatan perhubungan dan pertukaran maklumat. Enam kumpulan perbankan Malaysia wujud di 23 buah negara melalui cawangan, pejabat perwakilan, anak syarikat, penyertaan ekuiti dan usaha sama di seluruh dunia, termasuk di semua negara ASEAN.

Institusi-institusi kewangan bukan bank, iaitu institusi kewangan pembangunan, syarikat insurans dan pengendali takaful, melengkapkan institusi-institusi perbankan dalam mobilisasi wang simpanan dan memenuhi keperluan kewangan ekonomi negara. Syarikat-syarikat insurans dan pengendali-pengendali takaful yang beroperasi melalui rangkaian lebih daripada 690 buah pejabat dan 170,000 ejen berdaftar di seluruh negara menyediakan saluran bagi pengurusan risiko dan penyelesaian perancangan kewangan untuk perniagaan dan individu.

1.2.1 Industri Kewangan Islam

Industri kewangan Islam di Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan yang teguh, disokong oleh rangka kerja tadbir urus kawal selia, perundangan dan Syariah yang komprehensif, pemain industri yang pelbagai dan penyedia perkhidmatan sampingan yang profesional, serta bakat berkualiti tinggi.

% Bahagian Pasaran daripada Jumlah Industri: Aset Perbankan Islam dan Aset Takaful



Sumber: Bank Negara Malaysia


Industri perbankan Islam menyumbang sebanyak 31.4% (RM916.7 bilion) daripada jumlah aset perbankan pada akhir tahun 2018, memperluas peranannya sebagai komponen utama keseluruhan sistem kewangan di Malaysia sejak pelaksanaan Rangka Tindakan Sektor Kewangan 2011-2020. Pelbagai produk yang kompetitif dan inovatif ditawarkan oleh lebih daripada 40 buah institusi kewangan (termasuk bank Islam, tetingkap Islam bank konvensional dan pelaburan, bank Islam antarabangsa dan Institusi Kewangan Pembangunan) dengan matlamat untuk memberikan kesan yang positif dan mampan terhadap komuniti, ekonomi dan alam sekitar.

Bagi sektor takaful pula, jumlah aset takaful merupakan 10.5% (RM31.4 bilion) daripada bahagian pasaran bagi jumlah sektor insurans dan takaful pada akhir tahun 2018. Kadar penembusan bagi pasaran takaful keluarga dicatat pada 15.2%, menunjukkan bahawa faedah-faedah yang disediakan oleh skim takaful semakin diterima oleh orang ramai.

Untuk menyokong pembangunan sektor kewangan Islam di Malaysia, akaun pelaburan telah diperkenalkan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) untuk memberi para pelanggan peluang untuk melabur dan berkongsi keuntungan daripada aktiviti pelaburan patuh Syariah. Akaun pelaburan juga memberikan peluang tambahan kepada perniagaan untuk mengakses pembiayaan. Pada masa ini, sebanyak 9 bank Islam menawarkan akaun pelaburan.

Di peringkat global, Malaysia tetap merupakan pusat global terkemuka untuk pasaran kewangan Islam. Malaysia merupakan pasaran sukuk yang terbesar di dunia dengan bahagian 50.4% daripada sukuk global belum lunas, yang berjumlah sebanyak USD215.2 bilion pada akhir tahun 2018.

Aset Dana Islam di bawah Pengurusan (AuM) mengikut Domisil (pada akhir tahun 2018)



Sumber: Anggaran MIFC, Thomson Reuters

Dari segi pengurusan kekayaan Islam, Malaysia merupakan domisil bagi jumlah dana Islam yang terbesar dan menyumbang 37.2% daripada bahagian pasaran global, dengan aset di bawah pengurusan (AuM) sebanyak USD27.3 bilion pada akhir tahun 2018. Malaysia juga menduduki tempat pertama di peringkat global dari segi bilangan dana, menyumbang 28.2% daripada bahagian global dengan sebanyak 409 dana berdaftar. Pada masa ini, terdapatnya 53 buah syarikat pengurusan dana yang mengurus dana Islam di Malaysia.

1.2.2 Institusi Kewangan Pembangunan

Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) di Malaysia ialah institusi kewangan khas yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan dengan mandat khusus untuk membangunkan dan menggalakkan sektor-sektor utama yang dianggap penting secara strategik untuk mencapai objektif pembangunan sosioekonomi keseluruhan bagi negara ini. Sektor-sektor strategik ini termasuk sektor pertanian, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), infrastruktur, maritim dan sektor-sektor yang berorientasikan eksport, serta industri-industri intensif modal dan teknologi tinggi.

Sebagai institusi khusus, DFI menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan khusus yang sesuai dengan keperluan spesifik sektor strategik yang didasarkan. Perkhidmatan sampingan dalam bentuk perkhidmatan rundingan dan nasihat juga disediakan oleh DFI untuk memupuk dan membangunkan sektor-sektor yang dikenal pasti. Oleh itu, DFI melengkapkan institusi perbankan dan bertindak sebagai saluran strategik untuk merapatkan jurang bekalan produk dan perkhidmatan kewangan kepada bidang-bidang strategik yang dikenal pasti bagi tujuan pembangunan ekonomi jangka panjang.

Pada tahun 2002, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) telah digubal untuk menggalakkan keteguhan DFI dari segi kewangan dan operasi melalui amalan mampan dan rangka kerja kawal atur dan penyeliaan yang diperlukan, membolehkan institusi-institusi ini melaksanakan peranan yang diberikan mandat secara berhemat, cekap dan berkesan. Dengan penggubalan DFIA, Bank Negara telah dilantik sebagai badan kawal atur dan penyelia pusat bagi DFI.

Enam DFI telah ditetapkan di bawah DFIA, seperti berikut:

- Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana atau SME Bank, yang menyediakan perkhidmatan pembiayaan dan nasihat kepada perusahaan bersaiz kecil dan sederhana yang terlibat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan;
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad, yang menyediakan pembiayaan jangka sederhana dan panjang bagi projek infrastruktur, maritim, industri-industri berintensif modal dan teknologi tinggi dalam sektor perkilangan dan sektor-sektor lain selaras dengan dasar pembangunan negara;
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, sebuah bank koperasi yang menggalakkan simpanan dan menyediakan perkhidmatan kewangan kepada ahli-ahli dan bukan ahli;
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad atau EXIM Bank, yang menyediakan kemudahan kredit untuk menyokong pengeksportan dan pengimportan barangan dan projek luar negara serta menyediakan perkhidmatan insurans dan jaminan kredit eksport;
- Bank Simpanan Nasional memberikan tumpuan kepada perbankan runcit dan pembiayaan persendirian, terutamanya untuk penyimpan kecil, dan menyokong agenda rangkuman kewangan inklusif dengan menyediakan perkhidmatan mikro kewangan dan perbankan ejen; dan
- Bank Pertanian Malaysia Berhad atau Agrobank, yang menerima deposit simpanan dan menyediakan perkhidmatan pembiayaan dan nasihat untuk menyokong pembangunan sektor dan komuniti pertanian.

Dalam usaha yang berterusan untuk memperkukuh DFI, DFIA telah dipinda untuk mempertingkatkan peranan perantara institusi dalam menyokong sektor ekonomi strategik di tengah-tengah persekitaran operasi yang mencabar. Pindaan tersebut memberikan tumpuan kepada pengukuhan lanjut amalan tadbir urus korporat dan peningkatan kecekapan operasi serta keupayaan dan kemampuan DFI untuk melaksanakan peranan yang diberikan mandat dengan lebih berkesan. Pindaan DFIA diluluskan di Parlimen pada bulan Julai 2015 dan mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2016.

2. PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT-I

Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i) menyediakan pembiayaan Prapenghantaran dan Pascapenghantaran jangka pendek kepada pengeksport langsung atau tidak langsung. Pembiayaan ini tersedia untuk Syarikat Pengilang atau Perdagangan yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti eksport dan perdagangan antarabangsa. Syarikat dengan barisan kredit ECR-i yang diatur dengan institusi kewangan yang menyertai skim ini (Bank ECR-i) layak mendapat dua jenis kemudahan seperti berikut:-

- (i) ECR-i Prapenghantaran; dan
- (ii) ECR-i Pascapenghantaran

Kemudahan ECR-i Prapenghantaran dibangunkan oleh EXIM Bank untuk memudahkan pengeksportan produk Malaysia dan perdagangan sebelum penghantaran dan untuk menggalakkan rantaian hubungan antara pengeksport dan pembekal tempatan dalam industri berorientasikan eksport.

Kemudahan ECR-i Pascapenghantaran merupakan pembiayaan pendahuluan kepada pengeksport untuk membiayai pengeksportan atau perdagangan selepas penghantaran.

2.1 Kaedah Pembiayaan

Di bawah kemudahan ECR-i Prapenghantaran terdapat dua (2) kaedah pembiayaan yang diberikan kepada pengeksport langsung/ tidak langsung:-

i. Kaedah berdasarkan pesanan:-

Bagi pengeksport langsung, pembiayaan ECR-i prapenghantaran adalah dengan kemudahan bayaran pendahuluan terhadap bukti pesanan eksport, manakala untuk pengeksport tidak langsung, pembiayaan ini merupakan bayaran pendahuluan terhadap Surat Kredit Domestik (DLC) ECR-i, Pesanan Belian Domestik (DPO) ECR-i atau Pesanan Belian Tempatan (LPO) yang dikeluarkan atas nama pengeksport.

ii. Kaedah Sijil Prestasi (CP):-

Bagi pengeksport langsung/ tidak langsung, prapenghantaran dibuat terhadap CP yang dikeluarkan oleh EXIM Bank. Had pembiayaan adalah berdasarkan had CP untuk tempoh sah selama setahun.

Di bawah kemudahan ECR-i pascapenghantaran, kaedah pembiayaan yang digunakan adalah melalui pembelian bil eksport dengan diskaun, yang dengannya pembiayaan diberikan terhadap pengemukaan dokumen eksport kepada Bank ECR-i.

2.2 Tempoh dan Margin Pembiayaan

Tempoh maksimum pembiayaan di bawah ECR-i prapenghantaran dan ECR-i pascapenghantaran, masing-masing adalah selama empat bulan (120 hari) dan enam bulan (183 hari).

Bagi kaedah berasaskan Pesanan Prapenghantaran, amaun pembiayaan yang layak untuk Pengeksport Langsung adalah sehingga sembilan puluh lima (95) peratus daripada nilai pesanan eksport atau sembilan puluh lima (95) peratus daripada DLC ECR-i, DPO ECR-i atau LPO untuk Pengeksport Tidak Langsung.

Untuk kaedah berasaskan Prapenghantaran CP, had CP ialah amaun yang layak untuk pembiayaan. Had CP diasingkan ke dalam tiga tempoh dan setiap tempoh adalah selama 4 bulan. Amaun pembiayaan layak untuk Pengeksport Langsung yang terlibat dalam perkilangan dan perdagangan ialah seratus peratus (100%) daripada Nilai Eksport bagi tempoh 12 bulan sebelumnya. Manakala, amaun pembiayaan layak untuk Pengeksport Tidak Langsung yang terlibat dalam perkilangan dan perdagangan ialah lapan puluh peratus (80%) daripada Nilai Eksport bagi tempoh 12 bulan sebelumnya.

Di bawah kaedah Pascapenghantaran, amaun pembiayaan ialah seratus peratus (100%) daripada nilai invois eksport.

2.3 Pembayaran Balik

Bagi pengeksport langsung, sumber pembayaran balik untuk pembiayaan Prapenghantaran adalah hasil eksport yang diterima daripada pembeli luar negeri/ hasil pascapengiriman yang diterima daripada bank-bank ECR-i. Bagi pengeksport tidak langsung, sumber pembayaran balik untuk pembiayaan Prapengiriman hendaklah dibuat daripada hasil jualan tempatan yang diterima daripada pengguna ECR-i, syarikat Zon Perdagangan Bebas (Free Trade Zone atau FTZ)/ syarikat Gudang Pengilangan Berlesen (Licensed Manufacturer Warehouse atau LMW).

Bagi pembiayaan pascapenghantaran bayaran balik yang kena dibayar hendaklah ditunaikan apabila hasil eksport diterima atau apabila bil pascapenghantaran menjadi matang, yang mana lebih awal.

Kemudahan ini tersedia dalam bentuk pembiayaan Islam berdasarkan kontrak Syariah/konsep Murabahah atau Tawarruq (Prapenghantaran) dan Tawarruq (Pascapenghantaran), sama ada dalam Ringgit Malaysia (RM) atau Dolar Amerika Syarikat (USD).

Untuk maklumat lanjut mengenai Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i), sila lawati www.exim.com.my

3. PASARAN MODAL DI MALAYSIA

3.1 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bertanggungjawab terhadap pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal Malaysia. Sebagai suatu agensi pengawalseliaan pendanaan sendiri, SC mempunyai kuasa-kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

Ditugaskan untuk membangunkan pasaran modal yang inovatif, berdaya saing dan cemerlang, SC terus mendorong pertumbuhan yang inklusif dan mampan. SC komited untuk membangunkan pasaran modal dan institusi pengawalseliaan yang boleh diakses, pantas dan bertanggungjawab.

Membangunkan Pasaran Modal Malaysia

Pada tahun 2018, pasaran modal Malaysia berjumlah RM3.1 trilion, bersamaan dengan 2.2 kali saiz ekonomi domestik. Malaysia merupakan peneraju global dalam pasaran modal Islam dengan ekuiti patuh Syariah dan sukuk belum lunas yang bernilai RM1.9 trilion, dan terus merupakan pasaran sukuk yang terbesar di dunia.

Berasaskan keupayaannya dalam pasaran modal Islam, SC telah mendorong usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau untuk pembiayaan yang mampan. Berikutan penerbitan sukuk hijau pertama di dunia yang diakui pada peringkat antarabangsa pada tahun 2017, SC telah mewujudkan Skim Bantuan Sukuk SRI Hijau yang bernilai RM6 juta pada tahun 2018 untuk memberikan insentif kepada penerbitan Sukuk pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab (sustainable and responsible investment atau SRI). Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah lima sukuk SRI hijau telah diterbitkan, yang menyokong dana yang telah diperoleh sebanyak RM2.4 bilion.

Menyokong Ekonomi Sebenar

Pasaran modal Malaysia menyediakan pembiayaan untuk ekonomi sebenar. Pada tahun 2018, jumlah dana yang diperoleh melalui penerbitan bon, sukuk dan ekuiti adalah sebanyak RM114.6 bilion. Saluran alternatif bagi mendapatkan dana untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti ekuiti pendanaan ramai (equity crowdfunding) dan pembiayaan setara (peer-to-peer financing) berjumlah RM261.5 juta yang diperoleh oleh 693 penerbit.

SC memberikan tumpuan kepada pembangunan ekosistem pemboleh yang menyediakan ketercapaian, sambil memastikan perlindungan pelabur dan kecekapan pengantaraan. Mandat terasnya adalah untuk mengawal selia dan memastikan pertumbuhan pasaran dilaksanakan dengan tujuan untuk melindungi pelabur, termasuk inisiatif untuk meningkatkan kecekapan kewangan dan pelaburan.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.sc.com.my.

3.2 Bursa Malaysia

Bursa Malaysia Berhad adalah sebuah syarikat pemegang bursa yang ditubuhkan pada tahun 1973 dan disenaraikan pada tahun 2005. Kini, ia merupakan salah satu bursa yang terbesar di ASEAN, dan menjadi pemangkin kepada lebih daripada 900 buah syarikat dalam 60 aktiviti ekonomi. Syarikat disenaraikan sama ada dalam Pasaran Utama untuk syarikat modal besar yang mapan, atau dalam Pasaran ACE untuk syarikat baru muncul pelbagai saiz. Pada tahun 2017, pasaran baru yang dipanggil LEAP diperkenalkan untuk menyediakan jalan bagi perusahaan saiz kecil dan sederhana untuk mendapatkan dana dalam pasaran modal. LEAP merupakan jenis pasaran seumpamanya yang pertama di ASEAN, membolehkan Malaysia mengatasi negara lain di rantau ini dari segi inovasi pasaran modal.

Sebagai bursa yang bersepadu sepenuhnya, Bursa Malaysia menawarkan jenis produk yang komprehensif termasuk ekuiti, terbitan, kontrak hadapan dan opsi, aset luar pesisir dan Islam, serta perkhidmatan berkaitan bursa seperti penyenaian, perdagangan, penjelasan, penyelesaian dan depository. Di samping itu, Bursa menawarkan pilihan pelaburan lain, termasuk skim pelaburan kolektif seperti Dana Dagangan Bursa (ETF), Amanah Pelaburan Hartanah (REIT), Bon dan Sukuk Dagangan Bursa (ETBS) dan Amanah Perniagaan.

Bursa Malaysia mengguna pakai KLCI Bursa Malaysia FTSE sebagai indeks utamanya. Sepanjang 10 tahun yang lalu (2009-2018), indeks penanda aras FBMKLCI telah meningkat sebanyak 93%, sementara jumlah permodalan pasaran bagi semua syarikat yang tersenarai pada Bursa Malaysia telah meningkat sebanyak 156%. Pasaran ekuiti Malaysia terus mencatat pertumbuhan walaupun terdapatnya peningkatan ketaktentuan dalam pasaran ekuiti global. Nilai Harian Purata saham yang diperdagangkan juga telah mencatat kenaikan sebanyak 112% sepanjang tempoh yang sama. Minat pelabur asing terhadap pasaran Malaysia tetap stabil dengan peratusan pemilikan asing dicatat melebihi 22% secara konsisten. Pertumbuhan yang mampan juga dilihat dalam aset Islam. Nilai sukuk yang disenaraikan pada Bursa Malaysia telah mencatat peningkatan sebanyak 204% sejak tahun 2009.

Bursa Malaysia juga merupakan pusat perdagangan hadapan minyak sawit yang terbesar di dunia, dan Kontrak Hadapan Minyak Sawit Mentah (Crude Palm Oil Futures atau FCPO), yang dilancarkan 35 tahun yang lalu, telah lama diakui dan dirujuk sebagai penanda aras harga global untuk industri minyak sawit.

Tumpuan utama Bursa Malaysia dalam pasaran modal Islam telah membolehkan Bursa itu menjadi pembeza utama dalam menawarkan produk-produk yang unggul. Sebagai bursa utama dalam ruang pasaran modal Islam, Bursa Malaysia telah mempelopori beberapa inovasi termasuk Bursa Malaysia-i – iaitu platform pelaburan Syariah hujung ke hujung yang pertama di dunia, dan Bursa Suq-Al-Sila’ – platform perdagangan komoditi patuh Syariah hujung ke hujung yang pertama di dunia.

Dalam ruang tadbir urus dan kemampan korporat, Bursa Malaysia mencipta nama di barisan depan rantau ini sebagai sebuah bursa yang bertanggungjawab, penyokong kuat tadbir urus korporat dan pejuang agenda kemampan. Pada tahun 2014, Bursa itu telah memperkenalkan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia untuk mengukur prestasi syarikat yang menunjukkan amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus yang baik, dan memperkukuh komitmennya untuk menggalakkan strategi kemampan di kalangan penerbit dan pasaran pada bulan Mei 2015 apabila Bursa Malaysia menyertai inisiatif Bursa Saham Mampan (SSE) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ketika Bursa Malaysia menuju ke arah memenuhi visinya untuk menjadi pasaran yang terkemuka, bertanggungjawab dan terhubung pada peringkat global di ASEAN, ia akan terus memberikan tumpuan kepada inisiatif-inisiatif untuk memperluas jangkauan dan tawarannya, dan menggalakkan ekosistem pasaran modal kondusif yang mewujudkan banyak peluang bagi para peserta pasaran untuk berkembang dan mencapai nilai yang dicari oleh mereka.

Untuk maklumat lanjut mengenai Bursa Malaysia, sila lawati www.bursamalaysia.com

i. Peserta Pasaran

a) Syarikat Broker Saham

Sehingga 31 Disember 2012, terdapat 33 buah syarikat broker saham, yang mana 12 buah syarikat daripadanya dikategorikan sebagai Bank Pelaburan. Bank-bank ini menawarkan perkhidmatan dalam urusan sekuriti yang tersenarai di Bursa Sekuriti Malaysia. Bank pelaburan memegang lesen perniagaan bank saudagar yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perbankan dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) serta lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Oleh itu, bank pelaburan dapat menawarkan skop penuh pasaran modal dan perkhidmatan kewangan yang bersepadu termasuk kewangan korporat, perdagangan sekuriti hutang dan urus niaga dalam sekuriti. Satu syarikat broker saham masih memegang status broker universal. Broker sejangat boleh menawarkan perkhidmatan pasaran modal yang bersepadu.

b) Peserta Dagangan

Peserta dagangan ialah syarikat yang memiliki sekurang-kurangnya satu Saham Keutamaan Derivatives Bursa Malaysia. Peserta tersebut menjalankan perniagaan sebagai broker niaga hadapan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007. Sehingga 31 Disember 2018, terdapat 18 Peserta Dagangan yang dilesenkan untuk menjalankan perdagangan derivatif.

ii. Perlindungan Pelabur

Bursa Malaysia amat mementingkan perlindungan pelabur dan integriti pasaran untuk memastikan pasaran modal berfungsi dengan baik dan mampan. Bursa Malaysia mencapai perkara ini dengan mengekalkan rangka kerja kawal selia yang komprehensif dan mantap untuk mentadbir pasaran dan para pesertanya secara adil, teratur dan cekap.

Untuk tujuan ini, Bursa Malaysia telah menetapkan peraturan-peraturan yang jelas, komprehensif dan boleh diakses, yang dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa peraturan tersebut tetap relevan, berkesan dan ditanda aras terhadap standard antarabangsa pengawalseliaan pasaran. Hal ini bertujuan untuk memastikan peraturan itu memberikan tahap perlindungan pelabur yang mencukupi, tetapi tidak mengakibatkan kos pematuhan yang membebankan atau menghalang kemudahan menjalankan perniagaan dan pertumbuhan.

Dalam menjalankan fungsi pengawalseliaannya, Bursa Malaysia juga memberikan tumpuan yang signifikan untuk memastikan ketelusan yang mencukupi dalam pasaran dan memperbaiki tadbir urus dan tingkah laku syarikat tersenarai dan pengantara. Bursa itu terus meningkatkan standard pendedahan serta tadbir urus korporat dan amalan kemampanan melalui, antara lain, pendekatan penyeliaan dan program pendidikan bantuan. Di samping itu, pemantauan yang ketat dan langkah-langkah proaktif memastikan pengesanan dan pengendalian yang tepat pada masanya terhadap aktiviti korporat dan perdagangan luar aturan dan tidak wajar.

Perkara ini telah menyumbang kepada pasaran yang dikawal selia dengan baik dan disokong oleh tahap perlindungan pelabur yang mencukupi, yang dalamnya budaya kawal selia sendiri dan kualiti amalan oleh peserta pasaran terus diperkukuh, dan pasaran terus beroperasi secara adil dan teratur.

Keteguhan pengawalseliaan pasaran telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan beberapa pencapaian penting termasuk perkara yang berikut:

- Di ruang tadbir urus korporat, Malaysia telah meningkat dari tempat ke-7 kepada tempat ke-4 dalam CG Watch 2018, suatu pemeringkatan tadbir urus korporat serantau yang dikendalikan oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia.
- Malaysia mendapat tempat ke-2 antara 190 buah negara di bawah kategori Melindungi Pelabur Minoriti berdasarkan Skor Pemeringkatan & Kemudahan Menjalankan Perniagaan Bank Dunia pada bulan Mei 2018.

iii. Pengurusan Risiko

Bursa Malaysia telah mewujudkan fungsi pengurusan risiko terpusat yang disepadukan dengan fungsi kepatuhan untuk memberikan pandangan yang holistik dan merangkumi seluruh urus niaga berkenaan dengan pengurusan risiko dan kepatuhan dalam Kumpulannya.

Bursa Malaysia mengguna pakai Garis Panduan mengenai Infrastruktur Pasaran Kewangan yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; amalan terbaik seperti Pengurusan Risiko - Prinsip dan Garis Panduan ISO 31000:2009; dan rangka kerja Prinsip-Prinsip untuk Infrastruktur Pasaran Kewangan (PFMI) yang diterbitkan oleh Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO) untuk menguruskan risiko perniagaan dan operasinya.

Salah satu daripada ciri utama rangka kerja pengurusan risiko usaha niaga Bursa Malaysia ialah pelaksanaan tiga barisan pertahanan yang merangkumi tanggungjawab dan akauntabiliti fungsian yang mapan dan jelas untuk pengurusan risiko. Hal ini adalah untuk memastikan terdapatnya penentuan sempadan yang jelas berkenaan dengan pengurusan risiko dan tanggungjawab pematuhan di bawah setiap barisan pertahanan bagi memastikan adanya tahap semakan danimbangan (check and balance) yang mencukupi serta lebih kebebasan.

Rangka kerja pengurusan risiko Bursa Malaysia tersirat dalam dokumen Pengurusan Risiko Urus Niaga dan Prinsip-Prinsip & Rangka Kerja (ERMPPF) yang terpakai untuk semua entiti perniagaan dalam kumpulan Bursa Malaysia. Dengan pembentukan rangka kerja pengurusan risiko, akauntabiliti, kuasa dan tanggungjawab pihak-pihak yang berkaitan dalam Bursa Malaysia untuk menguruskan risiko, termasuk melaksanakan dan mengekalkan proses pengurusan risiko serta memastikan kecukupan, keberkesanan dan kecekapan mana-mana kawalan telah digariskan dengan jelas. Dalam rangka kerja tersebut, terdapatnya proses yang mapan dan berstruktur untuk pengenalanpastian, penilaian, komunikasi, pemantauan serta kajian semula risiko dan keberkesanan strategi dan kawalan pengurangan risiko secara berterusan pada peringkat bahagian dan usaha niaga. Analisis dan penilaian risiko Bursa Malaysia dijalankan dengan berpandukan parameter risiko yang diluluskan.

4. PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN

4.1 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA)

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) ialah badan berkanun yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pentadbiran Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC). Peranan utama Labuan FSA adalah untuk melesenkan dan mengawal selia entiti berlesen yang beroperasi di Labuan IBFC dan untuk memastikan bahawa semua entiti tersebut tetap mematuhi standard terbaik dalaman dan antarabangsa yang diterima pakai oleh bidang kuasa itu. Hal ini adalah untuk melindungi kepentingan para pelabur serta mengekalkan keteguhan persekitaran kawal selia di Labuan IBFC.

Sebagai pihak berkuasa yang mengawal selia untuk Labuan IBFC, Labuan FSA komited untuk mengekalkan kedudukan Labuan IBFC sebagai pusat kewangan antarabangsa yang dikawal selia dengan baik dan mempunyai reputasi yang bagus di Asia Pasifik manakala promosi IBFC dijalankan oleh cabang pemasaran Labuan FSA, Labuan IBFC Incorporated Sdn. Bhd. (Labuan IBFC Inc). Labuan IBFC Inc. mempunyai pasukan sumber dan pakar untuk membantu para pelabur berkenaan dengan bidang kuasa dan pelbagai jenis penyelesaian perkhidmatan kewangannya, baik konvensional mahupun Islam.

4.2 Menjalankan Perniagaan di Labuan IBFC

Labuan IBFC mempunyai kedudukan yang strategik di tengah-tengah Asia Pasifik dan ditempatkan sebagai laluan untuk pelaburan masuk dan keluar dari rantau ini, dan memberikan para pelabur keseimbangan yang fiskal dan ideal dan kepastian dalam bidang kuasa pesisir pertengahan. Disokong oleh rangka kerja undang-undang yang mantap dan komprehensif, Labuan IBFC menyediakan peruntukan undang-undang yang jelas dan dilengkapi dengan pelbagai jenis struktur perniagaan dan pelaburan untuk keperluan transaksi rentas sempadan, urusan perniagaan dan pengurusan kekayaan.

Pelbagai struktur syarikat Labuan serta produk dan perkhidmatan konvensional dan Islam komprehensif yang memenuhi pelbagai keperluan pelabur yang menyumbang bagi menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat perniagaan antarabangsa yang menarik dan platform bagi penduduk pemastautin dan bukan pemastautin untuk melabur di luar negara. Sistem penyampaian yang cekap serta piagam pelanggan yang berorientasikan pelanggan terus memudahkan keperluan perniagaan para pelabur.

Entiti yang diperbadankan/didaftarkan di Labuan IBFC menikmati banyak kelebihan, termasuk kos operasi yang rendah serta kemudahan insentif cukai dan akses kepada perjanjian triti cukai dua kali yang ekstensif melalui rangkaian triti cukai dua kali Malaysia. Di bawah sistem percukaian Labuan, entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan Labuan:

- i. boleh membayar cukai setiap tahun pada kadar 3% daripada keuntungan bersih yang telah diaudit. Pada masa ini, cukai tidak dikenakan ke atas entiti Labuan yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan;
- ii. juga boleh membuat pilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk membayar cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Hal ini akan memberikan lebih banyak kelonggaran kepada entiti Labuan untuk menstrukturkan transaksi perniagaannya dengan berkesan, dan mewujudkan keadaan percukaian yang lebih menggalakkan bagi para pelabur yang beroperasi di atau melalui Labuan IBFC; dan
- iii. Entiti Labuan juga boleh membayar Zakat Perniagaan sebagai ganti cukai. Pihak Kerajaan juga telah memberikan pelbagai pengecualian cukai untuk menarik lebih ramai pelabur dan perkhidmatan profesional bagi mewujudkan kehadiran mereka di Labuan IBFC.

4.3 Aktiviti-Aktiviti Perniagaan Labuan IBFC

Labuan IBFC menawarkan penyelesaian kewangan yang komprehensif untuk produk dan perkhidmatan berasaskan prinsip-prinsip konvensional dan berasaskan Syariah, yang meliputi produk perbankan, insurans dan berkaitan insurans, perniagaan syarikat amanah dan aktiviti pasaran modal.

Di samping itu, IBFC terus menawarkan produk khusus lain termasuk pengurusan kekayaan (yayasan), insurans semula/takaful semula, pemajakan dan perdagangan komoditi. Pelbagai jenis struktur perniagaan yang berkesan dari segi kos seperti Syarikat Pemegangan Labuan, Syarikat Sel Terlindung Labuan, Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan dan Amanah Khas juga tersedia.

Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan (Labuan International Commodity Trading Company atau LITC) yang diperkenalkan pada tahun 2011 di bawah Program Insentif untuk Perdagangan Global memberikan insentif kepada syarikat perdagangan antarabangsa untuk menubuhkan LITC di Labuan IBFC dan mendagangkan petroleum / produk berkaitan petroleum, termasuk gas asli cecair (liquefied natural gas atau LNG).

Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) melengkapkan kemudahan perbankan tradisional melalui tawaran perkhidmatan pemerolehan modal sepenuhnya dengan akses tanpa had kepada pasaran antarabangsa melalui aktiviti penyenaian, perdagangan dan penyelesaian instrumen atau kemudahan kewangan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Labuan IBFC, sila lawati www.labuanibfc.com.

5. PERATURAN PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING

Malaysia terus mengekalkan sistem pentadbiran pertukaran asing (FEA) yang progresif. Peraturan FEA merupakan sebahagian daripada langkah-langkah berhemat yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memastikan kestabilan kewangan, khususnya untuk melindungi kedudukan imbalan pembayaran dan nilai Ringgit Malaysia. Pada masa yang sama, peraturan FEA juga bertujuan untuk memudahkan aktiviti rentas sempadan oleh entiti di Malaysia untuk mengukuhkan daya saing Malaysia memandangkan tahap keterbukaan ekonomi yang tinggi dari segi perdagangan, pelaburan dan aliran kewangan.

5.1 Peraturan yang terpakai bagi Bukan Pemastautin

5.1.1 Pelaburan di Malaysia

Pasaran Malaysia mudah diakses oleh para pelabur global, dengan mobiliti aliran masuk dan aliran keluar modal yang bebas untuk pelaburan di Malaysia.

- Pelabur bukan pemastautin adalah bebas untuk melabur dalam sebarang bentuk aset ringgit sama ada sebagai pelaburan langsung atau pelaburan portfolio;
- Pelaburan boleh dibiayai melalui penukaran mata wang asing kepada ringgit dengan bank dalam pesisir berlesen¹ (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen) atau pejabat luar negeri yang dilantik² bagi bank dalam pesisir berlesen; dan
- Bukan pemastautin bebas untuk memindah keluar hasil jualan pelaburan, keuntungan, dividen atau apa-apa pendapatan yang timbul daripada pelaburan di Malaysia dengan syarat dana tersebut dipindah keluar dalam mata wang asing.

5.1.2 Kebolehcapaian kepada pembiayaan domestik

i. Pinjaman dalam mata wang asing

- a) Bukan pemastautin bebas untuk meminjam sebarang jumlah mata wang asing daripada bank tempatan berlesen. Hasil pinjaman boleh digunakan dalam pesisir atau seberang laut; dan
- b) Bukan pemastautin juga bebas untuk menerbitkan sukuk/bon dalam jenis mata wang asing di Malaysia untuk kegunaan di dalam pesisir atau seberang laut.

ii. Pinjaman dalam ringgit

- a) Bukan pemastautin selain institusi kewangan bebas untuk meminjam sebarang jumlah dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen), syarikat pemastautin dan individu pemastautin untuk membiayai aktiviti dalam sektor benar di Malaysia;
- b) Bukan pemastautin selain institusi kewangan juga bebas untuk meminjam sebarang jumlah dalam ringgit untuk pembiayaan margin daripada entiti pemastautin dengan lesen broker saham yang dikeluarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 untuk membiayai pembelian sekuriti dan instrumen kewangan yang diperdagangkan pada Bursa Malaysia; dan
- c) Dengan kelulusan BNM, bukan pemastautin juga boleh mendapatkan pembiayaan dalam ringgit di Malaysia melalui penerbitan sukuk/bon dalam mata wang ringgit³. Hasilnya boleh digunakan dalam pesisir atau luar pesisir, tertakluk pada pertimbangan berdasarkan kes mengikut kes.

5.1.3 Penjelasan bayaran bagi perdagangan barangan dan perkhidmatan

Bukan pemastautin boleh membuat bayaran penjelasan bagi perdagangan antarabangsa barangan dan perkhidmatan dengan pemastautin dalam mata wang asing atau ringgit melalui bank dalam pesisir berlesen atau pejabat luar negara yang dilantik.

5.1.4 Lindung Nilai

Bukan pemastautin bebas untuk melindungi nilai melibatkan ringgit mereka untuk transaksi akaun semasa dan kewangan dengan bank dalam pesisir berlesen (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen) dan pejabat luar negara yang dilantik.

5.1.5 Akaun-akaun ringgit dan mata wang asing

Tiada pembatasan ke atas bukan pemastautin untuk membuka –

- i. akaun mata wang asing dengan mana-mana bank dalam pesisir berlesen untuk memudahkan pelaburan dan operasi perniagaan di Malaysia. Dana dalam akaun ini bebas dihantar ke luar negara; dan

¹ Bank dalam pesisir berlesen bermaksud bank berlesen dan bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

² Senarai pejabat luar negeri yang dilantik boleh didapati pada pautan http://www.bnm.gov.my/documents/aoo/list_of_aoo_country_20190419.pdf

³ Maklumat lanjut mengenai penerbitan sukuk/bon dalam mata wang ringgit dan mata wang asing boleh didapati pada pautan <http://www.bnm.gov.my/microsite/fxadmin/notices/Jointinfonote.pdf>

- ii. akaun ringgit dengan mana-mana institusi kewangan. Akaun-akaun ini boleh didana dengan ringgit daripada jualan mata wang asing berdasarkan transaksi semerta⁴ atau sebarang pendapatan ringgit yang diperolehi daripada pelaburan mereka di Malaysia termasuk faedah, sewa, keuntungan, dividen atau hasil jualan aset ringgit mereka. Dana dalam akaun-akaun ini boleh dikirimkan ke luar negara setelah ditukar kepada mata wang asing dengan bank dalam pesisir berlesen.

5.2 Peraturan yang terpakai bagi Pemastautin

5.2.1 Pelaburan dalam aset-aset mata wang asing

- i. Pemastautin tanpa pinjaman ringgit domestik⁵ bebas untuk membuat pelaburan dalam aset mata wang asing di luar negeri atau di luar negara bagi sebarang amaun.
- ii. Entiti pemastautin dengan pinjaman ringgit domestik bebas membuat pelaburan di luar negara sehingga had berhemat sebanyak RM50 juta bagi agregat setiap tahun kalendar atas dasar kumpulan korporat dengan menggunakan dana mata wang asing yang diperolehi daripada penukaran ringgit. Akaun Mata Wang Asing Perdagangan, pinjaman mata wang asing yang diperolehi daripada bank dalam pesisir berlesen untuk tujuan selain daripada pelaburan langsung di luar negara atau melalui pertukaran aset kewangan.

5.2.2 Peminjaman dalam pesisir dan luar pesisir

i. Pinjaman dalam mata wang asing

- a) Entiti pemastautin bebas untuk meminjam sebarang jumlah pinjaman mata wang asing daripada:
 - Bank dalam pesisir berlesen;
 - Syarikat pemastautin dan bukan pemastautin dalam kumpulan entiti korporatnya;
 - Pemegang saham langsung pemastautin dan bukan pemastautin; dan
 - Pemastautin lain melalui penerbitan sekuriti hutang dalam mata wang asing.
- b) Pinjaman mata wang asing oleh entiti pemastautin daripada institusi kewangan bukan pemastautin dan entiti bukan pemastautin, yang bukan merupakan sebahagian daripada kumpulan entiti korporatnya, tertakluk pada had berhemat sebanyak jumlah yang bersamaan dengan RM100 juta secara agregat atas dasar kumpulan korporat.

ii. Pinjaman dalam ringgit

- Entiti pemastautin bebas mendapatkan pinjaman ringgit sebanyak:
 - a) Sebarang jumlah daripada syarikat bukan pemastautin dalam kumpulan entiti korporatnya dan pemegang saham langsung bukan pemastautin untuk membiayai aktiviti dalam sektor yang dijalankan di Malaysia; atau
 - b) Sehingga RM1 juta secara agregat daripada mana-mana bukan pemastautin selain daripada institusi kewangan bukan pemastautin untuk penggunaan di Malaysia.

5.2.3 Import dan eksport barangan dan perkhidmatan

Semua hasil daripada pengeksportan barangan mestilah diterima dan dipindah secara langsung dan dengan segera ke Malaysia sepenuhnya mengikut kontrak jualan eksport yang tidak boleh melebihi tempoh enam bulan dari tarikh pengiriman eksport. Bayaran penjelasan dengan bukan pemastautin boleh dibuat dalam ringgit atau mata wang asing.

5.2.4 Lindung Nilai

Pemastautin dibenarkan untuk menjual ringgit terhadap mata wang asing secara hadapan dengan bank dalam pesisir berlesen (tidak termasuk bank Islam antarabangsa berlesen) untuk melindungi nilai pendedahan mata wang asing mereka sehingga dua belas (12) bulan dari masa obligasi mata wang asing mereka⁶.

5.2.5 Akaun mata wang asing

Pemastautin bebas untuk membuka akaun mata wang asing dengan bank dalam pesisir dan institusi kewangan bukan pemastautin.

Untuk butiran lanjut mengenai peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran mata wang di Malaysia, sila lawati <http://www.bnm.gov.my/fxadmin>.

⁴ Semerta bermaksud pembelian dan penjualan sebarang jenis mata wang untuk pengiriman dalam tempoh dua hari perniagaan

⁵ Pinjaman ringgit domestik bermaksud pinjaman dalam ringgit yang diperolehi oleh suatu pemastautin daripada pemastautin lain, tidak termasuk meminjam daripada entiti pemastautin yang berkaitan tetapi termasuk kemudahan kad kredit yang diperolehi daripada bank dalam pesisir berlesen.

⁶ Obligasi mata wang asing merujuk kepada pembayaran pengimportan mata wang asing, pembayaran balik pinjaman mata wang asing dan transaksi akaun semasa lain dalam mata wang asing dengan bukan pemastautin.

BAB

7

PERLINDUNGAN
HARTA INTELEK

REGISTER

LAW


PROPERTY

COPYRIGHT

IDEA

LICENSE

PATENT



1. PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

- 1.1 Paten
- 1.2 Cap Dagangan
- 1.3 Reka Bentuk Perindustrian
- 1.4 Hak Cipta
- 1.5 Reka Bentuk Susur Atur Litar Bersepadu
- 1.6 Petunjuk Geografi
- 1.7 Penilaian Harta Intelek
- 1.8 Pembiayaan IP
- 1.9 Pasaran Hak IP



PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

1. PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Sistem harta intelek di Malaysia ditadbir oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Perlindungan harta intelek di Malaysia terdiri daripada paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi dan reka bentuk susur atur litar bersepadu. Malaysia merupakan anggota Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) dan penandatangani Konvensyen Paris dan Konvensyen Berne yang mengawal hak harta intelek ini.

Di samping itu, Malaysia juga merupakan penandatangani Perjanjian mengenai Aspek Berkaitan Hak-hak Harta Intelek (TRIPS) yang ditandatangani di bawah naungan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Malaysia menyediakan perlindungan yang secukupnya kepada pelabur tempatan dan asing. Undang-undang harta intelek Malaysia adalah selaras dengan piawaian antarabangsa dan telah dikaji semula oleh Majlis TRIPS secara berkala.

1.1 Paten

Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986 mengawal perlindungan paten di Malaysia. Pemohon boleh mengemukakan permohonan paten secara langsung jika dia berdomisil atau bermastautin di Malaysia. Permohonan asing hanya boleh dikemukakan melalui ejen paten berdaftar di Malaysia yang bertindak bagi pihak pemohon.

Seperti perundangan-perundangan di negara-negara lain, sesuatu reka cipta boleh dipatenkan sekiranya ia baru, melibatkan satu langkah penciptaan dan mempunyai aplikasi perindustrian. Selaras dengan TRIPS, Akta Paten menetapkan tempoh perlindungan selama 20 tahun daripada tarikh mengemukakan permohonan. Di bawah Akta ini, sijil inovasi utiliti memperuntukkan perlindungan tempoh awal selama sepuluh tahun dari tarikh mengemukakan permohonan dan boleh diperbaharui untuk dua tempoh berturut-turut selama lima tahun setiap tempoh, tertakluk pada kegunaan. Pemilik sesuatu paten berhak mengeksploitasi reka cipta yang dipatenkan, menyerahkan hak atau memindah milik paten, dan mengikat kontrak berlesen. Walau bagaimanapun, termasuk juga pengecualian paten seperti lesen wajib dan barangan import selari.

1.2 Cap Dagangan

Perlindungan cap dagangan dikawal oleh Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1997.

Akta ini menyediakan perlindungan bagi cap dagangan dan cap perkhidmatan yang berdaftar di Malaysia. Apabila berdaftar, tiada sesiapa pun atau syarikat selain empunya atau pengguna-pengguna dibenarkan menggunakannya. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka yang menggunakannya tanpa kebenaran. Tempoh perlindungan adalah selama sepuluh tahun, dan boleh diperbaharui untuk tempoh selama setiap sepuluh tahun selepas itu. Tuan punya cap dagangan atau cap perkhidmatan berhak mengurus niaga atau menyerahkan hak serta melesenkan penggunaannya.

Sama seperti paten, walaupun pemohon tempatan boleh mengemukakan permohonan mereka sendiri, pemohon asing hendaklah mengemukakannya melalui ejen cap dagangan berdaftar.

1.3 Reka Bentuk Perindustrian

Perlindungan reka bentuk perindustrian di Malaysia ditadbir di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999. Akta ini memperuntukkan bahawa hak-hak reka bentuk perindustrian berdaftar merupakan harta persendirian dan boleh diserahkan dan dipindah milik melalui kuat kuasa undang-undang.

Untuk layak didaftarkan, reka bentuk perindustrian mestilah baru dan tidak merangkumi kaedah pembinaan atau reka bentuk yang ditentukan semata-mata oleh fungsi. Di samping itu, reka bentuk barang itu mestilah tidak bergantung pada rupa suatu barang lain yang menjadi suatu bahagian yang perlu dalam barang lain itu.

Pemohon tempatan boleh mengemukakan pendaftaran dengan sendiri atau melalui ejen reka bentuk perindustrian berdaftar. Walau bagaimanapun, pemohon asing perlu mendapatkan perkhidmatan ejen reka bentuk perindustrian berdaftar. Reka bentuk perindustrian berdaftar dilindungi selama tempoh awal lima tahun yang mana boleh dilanjutkan selama 4 lagi tempoh berturut-turut selama 5 tahun setiap kali, menyediakan jumlah tempoh perlindungan selama 25 tahun.

Malaysia telah meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996. Pindaan tersebut mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013. Pindaan itu termasuk kebaharuan seluruh dunia, peningkatan tempoh perlindungan, pengenalan Sistem Jurnal Harta Intelek dan peruntukan mengenai pengewangan dan kepentingan sekuriti reka bentuk perindustrian.

1.4 Hak Cipta

Akta Hakcipta 1987 memperuntukkan perlindungan yang komprehensif untuk karya yang mendapat hak cipta. Akta tersebut menggariskan jenis karya yang layak untuk mendapat hak cipta (termasuk perisian komputer), skop perlindungan, dan cara bagaimana perlindungan diberikan. Hak cipta wujud dalam setiap karya yang layak mendapat perlindungan hak cipta yang penciptanya merupakan orang berkeelayakan.

Perlindungan hak cipta untuk karya sastera, muzik atau seni adalah untuk jangka masa hayat pencipta dan tempoh 50 tahun selepas kematiannya. Berkenaan dengan rakaman bunyi, siaran dan filem, perlindungan hak cipta adalah selama 50 tahun selepas karya itu mula-mula diterbitkan atau dibuat.

Akta ini juga menyediakan perlindungan kepada hak pelaku dalam persembahan langsung yang akan terus wujud selama 50 tahun dari permulaan tahun kalendar berikutan tahun persembahan langsung itu diadakan atau ditetapkan dalam suatu rakaman bunyi.

Suatu ciri unik Akta ini merupakan peruntukan bagi penguatkuasaannya. Pindaan Akta Hak Cipta 1987, yang dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2003, memberikan kuasa menangkap (termasuk menangkap tanpa waran) kepada pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Pasukan pegawai khas KPDNHEP ini dilantik untuk menguatkuasakan Akta tersebut dan diberi kuasa untuk memasuki premis yang disyaki mempunyai salinan langgaran dan mencari serta menyita salinan langgaran dan perekaan.

Akta Hak Cipta (Pindaan) 2012 mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2012. Akta itu dipinda agar selaras dengan perkembangan teknologi dan untuk mematuhi konvensyen/triti harta intelek antarabangsa berhubung dengan hak cipta dan hak-hak yang berkaitan. Antara pindaan utama ialah pengenalan sistem pemberitahuan sukarela hak cipta, pengawalseliaan badan pengurusan kolektif (CMO) dan pengembangan fungsi Tribunal Hak Cipta. Bermula dari 1 Jun 2012, pemilik hak cipta boleh memohon pemberitahuan sukarela di Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan CMO boleh didaftarkan di MyIPO.

1.5 Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu

Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 memberikan perlindungan bagi reka bentuk susun atur litar bersepadu berdasarkan keaslian, hasil usaha intelek penciptanya sendiri dan hakikat bahawa reka bentuk itu dicipta secara bebas. Tiada pendaftaran bagi reka bentuk susun atur litar bersepadu.

Tempoh perlindungan adalah selama 10 tahun dari tarikh eksploitasi komersial, atau 15 tahun dari tarikh penciptaan sekiranya tidak dieksploitasi secara komersial. Akta ini juga membenarkan tindakan diambil oleh pemilik sekiranya hak sedemikian yang diiktiraf di Akta ini dilanggar. Hak ini boleh dipindah milik sama ada sebahagian daripadanya atau keseluruhannya secara penyerahan hak, pelesenan, wasiat atau melalui penguatkuasaan undang-undang.

Akta ini dilaksanakan mengikut Perjanjian TRIPS untuk memberikan jaminan kepada para pelabur dalam industri barangan elektronik Malaysia dan untuk memastikan pertumbuhan teknologi di negara ini.

1.6 Petunjuk Geografi

Akta Petunjuk Geografi 2000 memberikan perlindungan kepada barangan mengikut nama tempat barangan itu dikeluarkan, jika kualiti, reputasi atau ciri lain tertentu barangan itu adalah pada dasarnya boleh dianggap berpunca dari tempat asal geografinya. Perlindungan ini terpakai untuk barangan seperti keluaran semula jadi atau pertanian atau apa-apa keluaran kraf tangan atau industri. Petunjuk geografi yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral tidak dilindungi di bawah Akta.

Pemohon tempatan boleh memfailkan pendaftaran dengan sendiri atau melalui ejen petunjuk geografi berdaftar. Walau bagaimanapun, pemohon asing perlu mendapatkan perkhidmatan ejen petunjuk geografi berdaftar. Tempoh perlindungan adalah selama sepuluh tahun, dan boleh diperbaharui untuk tempoh selama setiap sepuluh tahun selepas itu.

MyIPO juga menyediakan perkhidmatan carian dan pemfailan dalam talian untuk paten, tanda dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi; dan carian dalam talian untuk pemberitahuan karya yang mendapat hak cipta. Untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan harta intelek, sila lawati www.myipo.gov.my.

1.7 Penilaian Harta Intelek

Selaras dengan Model Penilaian Harta Intelek, suatu program Latihan Penilaian Harta Intelek telah diwujudkan dengan kerjasama Institut Perdagangan Dunia (WTI), Universiti Berne, Switzerland, dan dilancarkan pada 7 Mac 2013 dengan latihan kumpulan perintis. Ketersediaan penilai harta intelek (IP) tempatan akan membantu mengurangkan kos dan kerumitan pelantikan penilai IP asing dalam menyediakan penilaian bagi tujuan pembiayaan dan peminjaman, dan dengan itu menjadikannya lebih mudah dicapai oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pemilik IP dalam mendapatkan penilaian IP mereka. Perkara ini seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan keseluruhan ekosistem.

1.8 Pembiayaan IP

Sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan Kerajaan untuk menambah baik dan meningkatkan daya saing PKS tempatan, MyIPO telah bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dan pemain utama dalam industri terutamanya para peminjam dan institusi kewangan untuk mengembangkan produk kewangan dan pinjaman mereka dengan menyediakan pembiayaan berdasarkan hak IP PKS sebagai sebahagian daripada cagaran yang diperlukan untuk menjamin pinjaman oleh PKS.

1.9 Pasaran Hak IP

Sebagai sebahagian daripada teras keseluruhan dalam mengukuhkan Ekosistem IP, usaha memastikan permintaan dan penawaran IP yang baik adalah amat penting untuk menggalakkan pelaburan yang berterusan dalam penciptaan IP dan bentuk pengetahuan dan aset tidak ketara yang lain. MyIPO telah membangunkan dan melancarkan platform perintis yang dipanggil Pasaran Hak IP untuk meningkatkan akses dan kemudahan bagi pemilik IP yang ingin melesenkan dan menjual hak-hak mereka. Portal ini diwujudkan untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh pemilik IP dalam usaha untuk memperkenalkan IP mereka dan mendapatkan akses kepada pemegang lesen dan pembeli yang berpotensi. Dengan platform ini, MyIPO telah mengadakan perkongsian strategik dengan pasaran IP lain di Hong Kong, Singapura dan beberapa wilayah di China untuk mengembangkan jangkauan hak-hak IP tempatan. Pasaran yang lebih sesuai di seluruh dunia akan ditambah kepada rangkaian tidak lama lagi.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pasaran IP dan cara anda boleh menyertainya, sila lawati www.iprmarketplace.com.my.

BAB

8

PENGURUSAN ALAM SEKITAR





1. DASAR

2. KEPERLUAN ALAM SEKITAR

- 2.1 Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling untuk Aktiviti yang Ditetapkan
- 2.2 Penilaian Awal Tapak



PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Bagi menggalakkan kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari, kerajaan Malaysia telah membentuk suatu rangka kerja perundangan dan institusi untuk pemeliharaan alam sekitar. Para pelabur digalakkan untuk menimbangkan faktor-faktor alam sekitar semasa peringkat awal perancangan projek mereka. Aspek kawalan pencemaran termasuk pengubahsuaian yang mungkin dilakukan dalam barisan proses untuk mengurangkan penajaan buangan, melihat aspek pencegahan pencemaran sebagai sebahagian daripada proses pengeluaran, dan memberikan tumpuan kepada pilihan kitar semula termasuk budaya kawal selia sendiri.

1. DASAR

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah dibentuk demi kemajuan ekonomi, sosial dan budaya yang berterusan serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Objektif DASN adalah untuk mencapai:

- i. Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif untuk generasi ini dan generasi akan datang;
- ii. Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan semua lapisan masyarakat secara berkesan; dan
- iii. Gaya hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Terdapat lapan (8) prinsip yang disenaraikan di bawah DASN untuk menyelaraskan matlamat pembangunan ekonomi dengan imperatif alam sekitar:

- Pengawasan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam Semula Jadi
- Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar
- Penggunaan Lestari Sumber-sumber Asli
- Membuat Keputusan Bersepadu
- Peranan Sektor Swasta
- Komitmen dan Kebertanggungjawaban
- Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa

DASN bertujuan untuk mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan semua proses membuat keputusan yang berkaitan, merangsang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan manusia jangka panjang, dan juga untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Ia melengkapkan dan mempertingkatkan dimensi alam sekitar yang terkandung dalam dasar kebangsaan yang lain, seperti dasar perhutanan dan perindustrian, dan juga mengambil perhatian tentang konvensyen antarabangsa mengenai kepentingan sejagat.

2. KEPERLUAN ALAM SEKITAR

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan sampingannya menetapkan supaya penilaian kesan alam sekitar, penilaian awal tapak, penilaian kawalan pencemaran, pemantauan dan pengawalseliaan sendiri dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti perindustrian dikehendaki mendapatkan kelulusan berikut daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar sebelum pelaksanaan projek:

- i. Penilaian kesan alam sekitar untuk Aktiviti yang Ditetapkan.
- ii. Pemberitahuan atau kebenaran bertulis untuk pembinaan.
- iii. Kelulusan bertulis untuk pemasangan pembakar, peralatan pembakar bahan api dan cerobong.
- iv. Lesen untuk menduduki dan mengendalikan premis yang ditetapkan dan pembawa yang ditetapkan.

2.1 Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling untuk Aktiviti yang Ditetapkan

Pelabur hendaklah menyemak terlebih dahulu sama ada penilaian kesan alam sekitar (EIA) dikehendaki bagi aktiviti-aktiviti perindustrian yang dicadangkan. Aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015, yang memerlukan penilaian EIA sebelum kelulusan projek adalah seperti berikut:

JADUAL PERTAMA

1. Pertanian:

- i. Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar untuk menjadikan hutan kepada pengeluaran pertanian.
- ii. Pembangunan estet pertanian yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih yang melibatkan perubahan dalam jenis kegunaan pertanian.

2. Lapangan Terbang:

Peluasan lapangan terbang yang melibatkan landasan terbang sepanjang 1,000 meter atau lebih.

3. Saliran dan Pengairan:

- i. Pembinaan tasik buatan manusia dan pembesaran tasik bukan semula jadi dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.
- ii. Skim pengairan yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.

4. Perikanan:

Projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah berserta dengan pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.

5. Perhutanan:

- i. Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 100 hektar.
- ii. Pembrekalan, atau penebangan atau pengambilan kayu bagi maksud pengubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar.
- iii. Pembrekalan, atau penebangan atau pengambilan kayu daripada hutan pada ketinggian kurang daripada 300 meter di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih, di luar hutan simpan kekal.
- iv. Pengubahan kawasan —
 - a) hutan paya bakau;
 - b) hutan paya gambut; atau
 - c) hutan paya air tawar

bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.

- v. Pembangunan ladang hutan yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar.

6. Industri:

- i. Kimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran melebihi 100 tan sehari.
- ii. Simen:

Loji pengisaran simen dengan keupayaan pengeluaran simen sebanyak 200 tan atau lebih sehari.

- iii. Kapur:

Pengeluaran kapur sebanyak 100 tan atau lebih sehari dengan menggunakan relau putar atau 50 tan atau lebih sehari dengan menggunakan relau tegak.

- iv. Petrokimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran kurang daripada 50 tan sehari.

- v. Limbungan kapal:

Tan Berat Mati sebanyak 5,000 tan atau lebih.

7. Penebusgunaan Tanah:

Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai yang melibatkan kawasan kurang daripada 50 hektar.

8. Perlombongan:

- i. Pemprosesan bijih di luar kawasan tenemen mineral, termasuk pemekatan aluminium, kuprum, emas, besi, tantalum atau elemen nadir bumi.
- ii. Perlombongan pasir di darat atau sungai atau di kawasan pantai atau di laut wilayah yang tidak melebihi 3 batu nautika yang diukur dari garis air surut, melibatkan kawasan seluas 20 hektar atau lebih.
- iii. Perlombongan pasir di kawasan pelantar benua.

9. Petroleum:

- i. Pembangunan —
 - a) medan minyak;
 - b) medan gas; atau
 - c) medan minyak dan gas.
- ii. Pembinaan sepanjang 30 kilometer atau lebih —
 - a) talian paip luar pantai;
 - b) talian paip daratan; atau
 - c) talian paip luar pantai dan talian paip daratan.
- iii. Pembinaan —
 - a) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak;
 - b) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran gas; atau
 - c) kemudahan pengasingan, pemprosesan, pengendalian dan penstoran minyak dan gas.

- iv. Pembinaan depot keluaran bagi penstoran petrol, gas atau diesel yang mempunyai keupayaan penstoran tergabung sebanyak 60,000 tong atau lebih (tidak termasuk stesen servis) dalam jarak 3 kilometer dari mana-mana kawasan perdagangan, perindustrian atau kediaman.

10. Pelabuhan:

- i. Peluasan pelabuhan yang melibatkan penambahan sebanyak 50 peratus atau lebih dalam keupayaan pengendalian setahun.
- ii. Peluasan pelabuhan perikanan yang melibatkan penambahan sebanyak 50 peratus atau lebih dalam keupayaan pendaratan ikan setahun.

11. Penjanaan dan Pemancaran Kuasa:

- i. Pembinaan stesen janakuasa stim yang menggunakan bahan api fosil (selain arang batu) dan mempunyai keupayaan 10 megawatt atau lebih, dengan atau tanpa talian pemancar.
- ii. Pembinaan stesen janakuasa kitar padu, dengan atau tanpa talian pemancar.
- iii. Pembinaan talian pemancar di kawasan sensitif alam sekitar.

12. Pembangunan di Kawasan Pantai dan Bukit:

- i. Pembinaan bangunan atau kemudahan yang mempunyai 80 bilik atau lebih di kawasan pantai.
- ii. Pembinaan resort atau hotel peranginan bukit pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

13. Pembangunan di Kawasan Cerun:

Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan yang kurang daripada 50 peratus kawasan yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 25° tetapi kurang daripada 35°.

14. Pengolahan dan Pelupusan Buangan:

- i. Buangan terjadual:
 - a) Pembinaan loji pulih guna (luar tapak).
 - b) Pembinaan loji pengolahan air buangan (luar tapak).
 - c) Pembinaan kemudahan penstoran (luar tapak).
- ii. Sisa pepejal:
 - a) Pembinaan loji pengkomposan.
 - b) Pembinaan loji pulih guna atau loji kitar semula.

- iii. Kumbahan:

- a) Pembinaan loji pengolahan kumbahan dengan 20,000 kesetaraan populasi atau lebih.
- b) Kemudahan rawatan enap cemar.

15. Pengorekan:

- i. Pengorekan induk.
- ii. Pelupusan bahan buangan yang dikorek

16. Perumahan:

Pembangunan perumahan yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

17. Pembangunan Estet Perindustrian:

Pembangunan estet perindustrian yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

18. Bandar Baharu:

Pembinaan bandar baharu yang terdiri daripada 2,000 unit kediaman atau lebih yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.

19. Kuari:

Pengkuarian bahan batuan.

20. Jalan:

- i. Pembinaan lebuh raya ekspres.
- ii. Pembinaan lebuh raya.
- iii. Pembinaan jalan, terowong atau jambatan yang melintasi atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

21. Bekalan Air:

Pemajuan air bawah tanah bagi bekalan air perindustrian, pertanian atau kawasan bandar sebanyak 4,500 meter padu atau lebih sehari.

JADUAL KEDUA

1. Pertanian:

- i. Skim kemajuan tanah yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih untuk menjadikan hutan kepada pengeluaran pertanian.
- ii. Kawasan baru penternakan babi yang mempunyai sebanyak 2,000 populasi babi dirian atau lebih.

2. Lapangan Terbang:

- i. Pembinaan lapangan terbang baharu yang melibatkan landasan terbang sepanjang 1,000 meter atau lebih.
- ii. Pembinaan aerodrom di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, taman negara, taman laut negara, pulau sekeliling taman laut atau kawasan sensitif alam sekitar.

3. Saliran dan Pengairan:

- i. Pembinaan tasik buatan manusia dan pembesaran tasik bukan semula jadi dengan kawasan permukaan seluas 50 hektar atau lebih di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.
- ii. Mana-mana saliran kawasan tanah bencah, habitat hidupan liar atau hutan darat yang meliputi kawasan seluas 20 hektar atau lebih.

4. Perikanan:

Projek akuakultur berasaskan penggunaan tanah berserta dengan pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

5. Perhutanan:

- i. Pengubahan hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih.
- ii. Pembalakan atau perubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain di dalam —
 - a) kawasan tadahan di kolam takungan air yang digunakan bagi bekalan air perbandaran, pengairan atau penjana kuasa hidro;
 - b) kawasan yang bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara;
 - c) mana-mana taman negeri, taman negara atau taman laut negara; atau
 - d) kawasan yang diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

- iii. Pembalakan atau penebangan atau pengambilan kayu daripada hutan pada ketinggian 300 meter atau lebih di atas purata aras laut yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih, di luar hutan simpan kekal.
- iv. Pembalakan atau penebangan atau pengambilan kayu yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.
- v. Pembangunan ladang hutan yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.
- vi. Pengubahan kawasan —
 - a) hutan paya bakau;
 - b) hutan paya gambut; atau
 - c) hutan paya air tawar;bagi kegunaan perindustrian, perumahan atau pertanian yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.
- vii. Pembersihan hutan paya bakau, hutan paya gambut atau hutan paya air tawar di pulau yang bersebelahan dengan mana-mana taman laut negara.

6. Industri:

- i. Bukan besi:
 - a) Peleburan utama aluminium (semua saiz).
 - b) Peleburan utama kuprum (semua saiz).
 - c) Peleburan utama bukan besi yang lain (mengeluarkan 50 tan keluaran atau lebih sehari).
- ii. Simen:

Degan keupayaan pengeluaran klinker sebanyak 30 tan atau lebih sejam.
- iii. Besi dan keluli:
 - a) Menggunakan bijih besi sebagai bahan mentah bagi pengeluaran 100 tan atau lebih sehari.
 - b) Menggunakan besi sekerap sebagai bahan mentah bagi pengeluaran 200 tan atau lebih sehari.
- iv. Petrokimia:

Keupayaan pengeluaran setiap keluaran atau gabungan keluaran sebanyak 50 tan atau lebih sehari.
- v. Pulpa, atau pulpa dan kertas:

Keupayaan pengeluaran 50 tan atau lebih sehari.
- vi. Industri kitar semula kertas:

Keupayaan pengeluaran 50 tan atau lebih sehari.

7. Penebusgunaan Tanah:

- i. Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai yang melibatkan kawasan seluas 50 hektar atau lebih.
- ii. Penebusgunaan kawasan pantai atau penebusgunaan tanah sepanjang tebing sungai di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.
- iii. Penebusgunaan bagi pulau buatan manusia.

8. Perlombongan:

- i. Perlombongan bahan galian dalam kawasan baharu yang melibatkan operasi berskala besar.
- ii. Perlombongan bahan galian di dalam atau bersebelahan atau berdekatan dengan kawasan sensitif alam sekitar.

9. Petroleum:

- i. Pembinaan loji penapisan minyak.
- ii. Pembinaan loji penapisan gas.
- iii. Pembinaan loji penapisan minyak dan gas.

10. Pelabuhan:

- i. Pembinaan pelabuhan baharu.
- ii. Pembinaan pelabuhan perikanan baharu.

11. Penjanaan dan Pemancaran Kuasa:

- i. Pembinaan stesen janakuasa yang menggunakan bahan api arang batu yang mempunyai keupayaan 10 megawatt atau lebih dengan atau tanpa talian pemancar.
- ii. Pembinaan stesen janakuasa yang menggunakan bahan api nuklear dengan atau tanpa talian pemancar.

12. Pembangunan di Kawasan Pantai, Taman Negara dan Taman Negeri:

Pembangunan kemudahan pelancongan, kemudahan rekreasi atau kemudahan lain –

- i. di dalam mana-mana taman negara atau taman negeri; atau
- ii. di mana-mana pulau dalam perairan sekeliling yang telah diwartakan sebagai taman laut atau rizab laut di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317].

13. Pembangunan di Kawasan Cerun:

- i. Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi 50 peratus atau lebih kawasan cerun yang berkecerunan lebih daripada atau sama dengan 25° tetapi kurang daripada 35°.
- ii. Pembinaan jalan, terowong atau jambatan yang melintasi kawasan cerun yang berkecerunan lebih daripada atau sama dengan 35°.

14. Pengolahan dan Pelupusan Buangan:

- i. Buangan terjadual:
 - a) Pembinaan loji rawatan terma.
 - b) Pembinaan loji pulih guna luar tapak bagi buangan bateri asid plumbum.
 - c) Pembinaan loji pulih guna luar tapak atau kemudahan rawatan yang mengeluarkan jumlah air buangan yang ketara yang terletak di hulu pengambilan bekalan air awam.
 - d) Pembinaan kemudahan tapak penimbusan tanah selamat.
- ii. Sisa pepejal:
 - a) Pembinaan loji rawatan terma.
 - b) Pembinaan kemudahan tapak penimbusan sanitari.
 - c) Pembinaan stesen pemindahan.

15. Pembinaan Empangan:

- i. Pembinaan empangan atau kolam takungan air bagi maksud pengairan, tebatan banjir, kawalan pengelodakan, rekreasi, bekalan air atau apa-apa sebab lain dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.
- ii. Empangan dan skim kuasa hidroelektrik dengan salah satu atau kedua-dua yang berikut:
 - a) empangan yang ketinggiannya 15 meter atau lebih dan struktur sampingan yang meliputi kawasan seluas 40 hektar atau lebih;
 - b) kolam takungan air dengan kawasan permukaan seluas 100 hektar atau lebih.

16. Pengangkutan:

- i. Pembinaan laluan atau landasan cabang baharu bagi projek pengangkutan laju massa.
- ii. Pembinaan landasan laluan atau landasan cabang baharu kereta api.

17. Bahan Radioaktif dan Buangan Radioaktif:

Mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam jadual ini dan Jadual Pertama yang menggunakan bahan radioaktif dan menghasilkan buangan radioaktif.

2 peringkat Penyerahan Laporan EIA:

- i. Penyerahan TOR untuk Pengesahan
- ii. Penyerahan Laporan EIA untuk Kelulusan

Kedua-dua dokumen mestilah disediakan oleh orang yang berkelayakan (Perunding EIA yang Berdaftar dengan JAS).

2.2 Penilaian Awal Tapak

Sebelum sebuah projek perindustrian dirancang, perhatian mestilah diambil dalam memastikan lokasi tapak yang dicadangkan adalah sesuai dengan tujuannya dan apa-apa masalah alam sekitar mesti ditangani sama ada dengan reka bentuk dan/atau perancangan. Pengelakan konflik melalui penempatan yang betul, dan yang lebih penting, dengan pertimbangan kawalan alam sekitar dan pencegahan pencemaran adalah penting untuk kemampanan jangka panjang sesuatu aktiviti perindustrian. Perkara ini akan membantu mengurangkan kos pelaburan yang tidak diperlukan yang mungkin dikehendaki terutamanya berkenaan dengan kawalan pencemaran dan untuk meningkatkan persepsi masyarakat terhadap projek atau aktiviti tersebut.

Garis Panduan "*Environmental Essentials for the Siting of Industries in Malaysia (EESIM) 2017*", yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia, digunakan sebagai dokumen panduan untuk Pembangun Projek, apabila memilih tapak yang sesuai untuk pembinaan kemudahan perkilangan atau perindustrian. Aktiviti perindustrian yang dicadangkan hendaklah ditempatkan di kawasan perindustrian dan dibangunkan dan diurus dengan langkah-langkah kawalan yang sempurna dari segi alam sekitar. Dalam mempertimbangkan kesesuaian tapak yang dicadangkan, lokasi yang berkenaan dinilai dari segi kesesuaiannya dengan pelan Struktur dan pelan Tempatan yang telah diwartakan, kegunaan tanah di sekitar, peruntukan anjakan atau zon penampakan yang ditetapkan oleh PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), keupayaan kawasan itu untuk menerima beban pencemaran tambahan dan keperluan pelupusan buangan.

BAB

9

PENGURUSAN INFRASTRUKTUR





1. TANAH PERINDUSTRIAN

1.1 Kawasan Perindustrian

1.2 Zon Bebas

1.2.1 *Zon Perdagangan Bebas (Free Commercial Zone atau FCZ)*

1.2.2 *Zon Perindustrian Bebas (Free Industrial Zone atau FIZ)*

1.3 Gudang Pengilangan Berlesen

2. BEKALAN ELEKTRIK

3. BEKALAN AIR

4. PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

5. KEMUDAHAN KARGO UDARA

6. PELABUHAN LAUT

7. PENGANGKUTAN KARGO

7.1 Pengangkutan Kontena

7.2 Penghantaran Barangan

8. LEBUH RAYA

9. PERKHIDMATAN KERETA API

10. MSC MALAYSIA



PENGURUSAN INFRASTRUKTUR

1. TANAH PERINDUSTRIAN

1.1 Kawasan Perindustrian

Malaysia mempunyai lebih daripada 600 Kawasan Perindustrian di seluruh negara dengan infrastruktur bertaraf dunia dan kesalinghubungan yang sangat baik, menjadikan Malaysia sebagai tempat kerja yang paling dicari-cari, mampan dan kondusif untuk penduduk tempatan dan juga pelabur asing.

Kawasan industri khusus telah dibangunkan di Malaysia untuk memenuhi keperluan industri tertentu seperti industri kecil, industri Halal, taman perabot, taman bioteknologi, industri berintensif teknologi dan aktiviti R&D. Taman Teknologi Tinggi Kulim dan Taman Perindustrian Batu Kawan di bahagian utara Semenanjung Malaysia, taman teknologi tinggi bersepadu sepenuhnya yang pertama di negara ini, i-Park Johor telah mewujudkan konsep unik 'resort perindustrian' dan Hab Halal Selangor di Pulau Indah, Westport memberikan tumpuan kepada aktiviti produk Halal. Dibina berdasarkan idea yang menggabungkan konsep seperti tempat peranginan atau bandar perindustrian yang disepadukan dengan kemudahan seperti pusat membeli-belah, hospital, institusi pendidikan dan kemudahan rekreasi menarik minat pelabur supaya datang dan melabur di Malaysia.

1.2 Zon Bebas

Zon Bebas merupakan kawasan di mana-mana bahagian Malaysia yang diisytiharkan oleh Menteri Kewangan di bawah peruntukan Seksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990 sebagai Zon Komersial Bebas atau Zon Perindustrian Bebas. Ianya direka khas untuk menggalakkan perdagangan entrepot dan ditubuhkan khususnya untuk syarikat perkilangan yang mengeluarkan atau memasang produk-produk terutamanya untuk eksport.

Aktiviti dan industri yang terletak di kawasan ini tertakluk pada formaliti kastam yang minimum, kerana ia disifatkan di bawah Seksyen 2 (1A) Akta Kastam 1967 sebagai sebuah tempat di luar Kawasan Kastam Utama kecuali yang berkaitan dengan Larangan Import dan Eksport di bawah Seksyen 31 Akta Kastam 1967.

1.2.1 Zon Komersial Bebas (Free Commercial Zone atau FCZ)

Sebuah Zon Bebas untuk menjalankan aktiviti-aktiviti komersial termasuk perdagangan (kecuali perdagangan runcit), pecah pual, penggredan, pembungkusan semula, pelabelan semula, pindah kapal dan transit.

Sehingga kini terdapatnya 21 FCZ yang terletak di Pelabuhan Utara, Selatan dan Barat Pelabuhan Klang, Zon Bebas Pelabuhan Klang, Hab Logistik MILS Pulau Indah, Butterworth, Bayan Lepas, KLIA, Rantau Panjang, Pengkalan Kubor, Stulang Laut, Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

1.2.2 Zon Perindustrian Bebas (Free Industrial Zone atau FIZ)

Selain daripada formaliti kastam yang minimum, FIZ membolehkan syarikat perkilangan berorientasikan eksport menikmati pengimportan bebas cukai bahan mentah, bahagian komponen, jentera dan peralatan yang diperlukan secara langsung dalam proses pengilangan, serta formaliti minimum bagi mengeksport keluaran siap.

Sehingga kini terdapatnya 22 FIZ yang terletak di Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Batu Berendam I, Batu Berendam II, Tanjung Kling, Telok Panglima Garang, Pulau Indah (PKFZ), Sungai Way I, Sungai Way II, Ulu Kelang, Jelapang II, Kinta, Bayan Lepas I, II, III, IV, Seberang Perai dan Sama Jaya.

Kelayakan

Syarikat-syarikat boleh ditempatkan di FIZ apabila:

- keseluruhan pengeluaran atau tidak kurang 80% daripada keluarannya adalah untuk eksport
- bahan mentah/komponen yang digunakan kebanyakannya diimport. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan menggalakkan syarikat FIZ untuk menggunakan bahan mentah/komponen tempatan.

1.3 Gudang Pengilangan Berlesen (LMW)

Untuk membolehkan syarikat menikmati kemudahan FIZ di kawasan yang mana penubuhan FIZ tidak praktik atau sesuai, syarikat boleh mendirikan Gudang Pengilangan Berlesen (Licensed Manufacturing Warehouse atau LMW). Kemudahan yang diberikan kepada LMW adalah serupa dengan kilang yang beroperasi di FIZ.

Kelayakan

Syarikat yang lazimnya diluluskan LMW merupakan syarikat yang:

- keseluruhan pengeluarannya atau tidak kurang 80% daripada keluarannya dimaksudkan untuk eksport
- bahan mentah/komponennya kebanyakannya diimport.

Duti

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2011, syarikat FIZ dan LMW layak menikmati pengecualian duti import yang sama dengan kadar Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) jika syarikat tersebut mematuhi syarat berikut;

- i. mencapai nilai kandungan tempatan sebanyak 40%; dan
- ii. jika nilai kandungan tempatan tidak mencecah 40%, pertimbangan boleh diberikan jika syarikat FIZ/LMW itu boleh membuktikan bahawa bahan mentah bukan asal tempatan yang digunakan untuk menghasilkan keluaran akhir telah menjalani proses transformasi yang hakiki melalui suatu mekanisme yang ditetapkan.

2. BEKALAN ELEKTRIK

Bekalan elektrik di Malaysia adalah mencukupi dan mempunyai kualiti dan kebolehpercayaan yang tinggi, setanding dengan utiliti lain di rantau ini dan di seluruh dunia.

Bekalan kuasa untuk Malaysia Barat disediakan oleh Tenaga Nasional Berhad, syarikat utiliti kebangsaan, manakala bekalan kuasa di Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak, masing-masing disediakan oleh Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB) dan Sarawak Energy Berhad (SEB).


Penjanaan kuasa di Malaysia sebahagian besarnya terdiri daripada campuran terma, gas dan hidro. Loji janakuasa dimiliki oleh kedua-dua pembekal utiliti dan Penjana Kuasa Bebas (Independent Power Producer atau IPP). Tenaga boleh baharu daripada sumber solar, hidro kecil, biogas dan biojisim juga digalakkan sebagai sebahagian daripada inisiatif teknologi hijau Malaysia.

Voltan penghantaran di Malaysia berada pada 500 kV, 275 kV dan 132 kV manakala voltan pengagihan berada pada 33 kV, 11 kV dan 400/230 V.

3. BEKALAN AIR

Bekalan dan perkhidmatan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah di bawah bidang kuasa bersama Kerajaan Persekutuan. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan air negara khususnya untuk melindungi hak-hak pengguna, dua rangka kerja perundangan, iaitu Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) masing-masing telah dikuatkuasakan sejak tahun 2007 dan 2008. Perkhidmatan air yang dikawal sela dengan rapi akan membantu menggalakkan kecekapan dan kemampuan jangka panjang industri air bagi manfaat para pengguna, pelabur serta pengendali. Para pengguna di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan menikmati bekalan air yang andal dan selamat secara berterusan. Pemantauan yang rapi dan pengujian rutin dijalankan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) untuk memastikan bahawa semua pengendali air mematuhi garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation atau WHO) untuk kualiti air minum. Semua penggunaan domestik, komersial dan perindustrian adalah bermeter. Tarif air bagi setiap negeri adalah berbeza.

4. PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI



Menyiapkan dan melancarkan Pusat Data Komersial di Malaysia yang Diperakui Tahap III oleh Uptime Institute

<p>Pusat Data</p> <p>10 Pusat Data Di seluruh negara, 2 serantau -HK & AS Pusat Hubungan</p>	<p>Pusat Hubungan</p> <p>>8,000 ejen di 2 buah negara</p>	<p>Pusat Operasi IoT Bersepadu</p> <p>Yang Pertama di Malaysia Liputan di seluruh negara</p>	<p>Pusat TM One Experience</p> <p>Persekitaran yang mengasyikkan seluas >20,000 kaki persegi</p>	<p>Jenama Terbaik Malaysia</p> <p>Penerima anugerah tahun 2018</p>
---	---	---	--	---

*Laporan tenaga kerja Ogos 2018 **Mengikut pengumuman 1H18 ***Sehingga 26 Februari 2019

Perniagaan Teras & Tumpuan

Tawaran Perkhidmatan Terus Kami

Perkhidmatan Pintar

- Perkhidmatan Infrastruktur Pintar
- Pengurusan Tempat Letak Kereta Pintar
- Tanda Digital
- Tenaga Pintar
- Perkhidmatan FM
- Perkhidmatan Keselamatan

-
- Peranti hujung yang cerdas
 - Sistem automatik

Perkhidmatan Penghidup

- SaaS Awam
- Saas Perusahaan
- Aplikasi Menegak
- Mobiliti Perusahaan
- UCC
- Telekehadiran
- XaaS
- IaaS
- PaaS

-
- Bermodul

Perkhidmatan Nilai Tambah

- Video Atas Permintaan (VOD)
- Suara/Video (VoIP)
- IPTV
- Pengkomputeran Awan
- Telekehadiran
- Kandungan Definisi Tinggi (HD)
- Keselamatan IT
- Perkhidmatan Terus

-
- Meningkatkan prestasi IT & memberikan pengalaman komunikasi yang lebih baik

Ketersambungan

- Jalur Lebar Kelajuan Tinggi Unifi
- IP VPN (MPLS)
- Ketersambungan Global
- Wifi & Kawasan Khas
- Pusat Data Pembawa Neutral
- Pertukaran Internet

-
- Kemudahan asas yang diperlukan oleh semua bangunan

5. KEMUDAHAN KARGO UDARA

Kedudukan Malaysia di tengah-tengah persimpangan Asia Tenggara menjadikannya sebuah pusat pindah kapal yang sangat menarik. Kemudahan kargo udara dibangunkan dengan baik, terutamanya di enam lapangan terbang antarabangsa Malaysia.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang amat canggih di Sepang, Selangor, mempunyai kapasiti semasa seramai 40 juta orang penumpang dan lebih daripada 1.2 juta tan kargo setahun.

Walau bagaimanapun, tanah seluas 10,000 hektar di KLIA dirancang untuk menampung sehingga 60 juta orang penumpang dan tiga juta tan kargo setahun menjelang tahun 2020, dan pada masa depan, sehingga 100 juta orang penumpang dan antara lima hingga enam juta tan kargo setahun.

Lapangan terbang antarabangsa yang lain ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di Semenanjung Malaysia, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di Sabah, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di Sarawak.

MASKargo merupakan bahagian kargo utama syarikat induknya, Malaysia Airlines (MAS), yang mengendalikan perkhidmatan kargo udara berjadual dan dicarter, perkhidmatan pengendalian darat serta logistik kargo dari lapangan terbang ke pelabuhan laut melalui pengangkutan darat.

Di samping itu, MASKargo juga menawarkan kapasiti ruang perut kapal dalam pesawat udara syarikat pemegangannya, MAS, dan anak-anak syarikatnya yang lain melalui 100 destinasi antarabangsa syarikat penerbangan negara ini yang merentasi enam buah benua.

MASKargo mengendalikan Pusat Kargo Lanjutan (ACC) terkini di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dalam Zon Perdagangan Bebas (FCZ). Pusat ini mempunyai sistem sekuriti yang selamat dan canggih dengan teknologi terkini termasuk prosedur automatik sepenuhnya, memastikan penjejakan data masa nyata dan aliran komunikasi yang lancar. Antara kemudahan yang terdapat di pusat ini ialah Hotel Haiwan, Pusat Sehentian Barangan Mudah Rosak dan Pusat Perniagaan Keutamaan (PBC) yang pertama di dunia untuk ejen-ejen pengangkutan utama.

Pada masa ini, ia menawarkan perkhidmatan penghantaran barang-barang terjadual dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kuching (Malaysia) ke Sydney, Shanghai, Taipei, Bangkok, Hong Kong, Manila, Jakarta, Surabaya, Tokyo, Osaka, Frankfurt, Amsterdam dan Sharjah. Ketika ini, MASKargo mengendalikan kumpulan kapal terbang pengangkutnya sendiri, iaitu dua buah Boeing B747-400F dan dua buah Airbus A330-200F.

Baru-baru ini, syarikat itu telah mendapat perakuan di bawah Program Pengangkutan Barang-barang Selamat IATA (IATA Secure Freight Programme), yang bertujuan untuk mewujudkan rantaian bekalan yang selamat, memperkukuh keselamatan kargo. Syarikat itu juga memiliki produk yang dipanggil I-Port, lapangan terbang yang pertama di dunia dengan perkhidmatan pindah kapal pelabuhan laut. Perkhidmatan ini membolehkan pengendalian cepat bagi pengiriman kargo laut dan udara melalui KLIA dari Pelabuhan Klang. Selain itu, MASKargo juga menyediakan perkhidmatan pengangkutan dengan trak dari satu lapangan terbang ke satu lapangan terbang lain di negara ini.

Perkhidmatan kargo udara di Malaysia dilengkapkan oleh Transmile Air yang menyediakan perkhidmatan untuk enam destinasi domestik di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan 2 destinasi antarabangsa terjadual, iaitu Hong Kong dan Singapura. Penerbangan domestik ke Labuan dan Bintulu di Malaysia Timur sebahagian besarnya memenuhi keperluan industri minyak dan gas yang memerlukan kemudahan pengendalian khusus. Selain daripada perkhidmatan terjadual, Transmile Air juga menyediakan perkhidmatan carter udara ke rantau ASEAN dan Asia Pasifik dan berkeupayaan untuk menjalankan penerbangan ke India, Timur Tengah dan China.

Untuk maklumat lanjut mengenai MASKargo, sila lawati laman web syarikat itu pada pautan www.maskargo.com.

6. PELABUHAN LAUT

Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia boleh dikelaskan sebagai pelabuhan persekutuan dan pelabuhan negeri. Semua pelabuhan persekutuan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Pada masa ini, terdapatnya lapan pelabuhan persekutuan utama, iaitu Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman, Pelabuhan Labuan dan Pelabuhan Bintulu. Kesemua pelabuhan persekutuan tersebut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden. Pelabuhan Bintulu merupakan satu-satunya pelabuhan yang mengendalikan gas asli cecair.

Selari dengan pengembangan ekonomi dan perdagangan, pelabuhan-pelabuhan di negara ini telah mencatat pertumbuhan yang mengagumkan sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Dua daripada pelabuhan berkenaan; iaitu Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, telah ditempatkan di kalangan 20 pelabuhan kontena yang paling sibuk di dunia.

Dasar pihak kerajaan mengenai pelabuhan bertumpu pada:

- i. Pelabuhan yang dipacu oleh pembekalan, iaitu penyediaan kapasiti yang cukup di pelabuhan untuk memastikan masa kapal menunggu ialah sifar.
- ii. Meningkatkan penggunaan pelabuhan melalui:
 - memperbaiki kecekapan dan produktiviti pengendalian pelabuhan;
 - penswastaaan pelabuhan;
 - pembangunan dan penambahbaikan perkhidmatan sampingan; dan
 - pembangunan dan penambahbaikan pengangkutan sebelah darat.
- iii. Pemusatan muatan; berkenaan dengan hal ini, Pelabuhan Klang telah dijadikan pusat muatan negara dan pusat pindah kapal. Pelabuhan Tanjung Pelepas pula telah diiktiraf sebagai hab pindah kapal serantau.

7. PENGANGKUTAN KARGO

Pelbagai syarikat menyediakan perkhidmatan pengangkutan kargo kontena yang serba lengkap di Malaysia. Perkara ini termasuk pengangkutan kontena, penghantaran barangan, penggudangan, perkhidmatan bunker, perkhidmatan berkaitan pengedaran, pelepasan pelabuhan dan kastam serta pembaikan, pemajakan dan penyelenggaraan kontena.

Para penerima konsain dan pelanggan di Malaysia menikmati pengangkutan kargo yang cepat, cekap dan boleh dipercayai melalui rangkaian cawangan dan pejabat tempatan. Kebanyakan syarikat juga menawarkan rangkaian ejen antarabangsa yang baik.

7.1 Pengangkutan Kontena

Kerajaan Malaysia mengawal selia perkhidmatan pengangkutan kontena darat melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Sebanyak 62 syarikat pengangkut memenuhi pelbagai keperluan kargo melalui rangkaian berbagai-bagai treler dan penggerak utama termasuk kenderaan yang diubah suai. Seseengahnya dilengkapi dengan sistem penjejakan moden untuk membolehkan perhubungan dengan kenderaan pengangkut semasa dalam perjalanan.

Sebilangan besar pengendali sederhana dan kecil menghantar kargo konvensional dengan trak ke destinasi-destinasi di negara ini. Sementara itu, perkhidmatan kereta api penghantar blok dikendalikan ke destinasi tertentu dan perkhidmatan kereta api pengangkut laju menyampaikan kontena kepada pelanggan di bandar lain.

Sistem pengangkutan multimod (jalan dan kereta api) ini memastikan kargo sampai tepat pada masanya.

7.2 Penghantaran Barangan

Beratus-ratus ejen penghantaran barangan yang bertempat di seluruh Malaysia menawarkan perkhidmatan penghantaran barangan ke seluruh negara, manakala kargo yang ditujukan ke destinasi antarabangsa boleh dihantar melalui pelbagai syarikat penghantaran barangan antarabangsa.

Syarikat penghantaran barangan juga memberikan bantuan kepada para pengilang dalam pemrosesan permohonan permit, lesen dan pengecualian duti/cukai yang dikehendaki untuk pelepasan barangan oleh pihak kastam.

8. LEBUH RAYA

Lembaga Lebuhraya Malaysia menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan, pengawalseliaan, pengendalian dan penyelenggaraan lebuhraya antara bandar-bandar di Malaysia. Lebuhraya ekspres yang selesai ini menghubungkan semua bandar besar dan kawasan pembangunan yang berpotensi, dan menjadi pemangkin untuk pertumbuhan perindustrian dengan membolehkan pengangkutan yang cekap.

Program penswastaaan negara yang berjaya serta pertumbuhan ekonomi yang kukuh juga membawa kepada lebih banyak pelaksanaan projek pembangunan lebuhraya dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Kini, Lebuhraya Ekspres Utara-Selatan serta Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Pantai Timur membentuk tulang belakang infrastruktur jalan Malaysia, dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang pesat.

9. PERKHIDMATAN KERETA API

Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB), yang beroperasi di Semenanjung Malaysia, ialah sebuah perbadanan milik penuh kerajaan Malaysia. Sebagai organisasi pengangkutan tunggal yang terbesar di negara ini, KTMB mempunyai kapasiti untuk mengangkut beberapa jenis barangan, daripada biji-bijian hingga jentera.

Rangkaian merentasi serata pelosok Semenanjung Malaysia dari terminal utara di Padang Besar ke Pasir Gudang, Johor di bahagian selatan. Landasan sama yang mengarah ke utara menghubungkan dermaga dan kemudahan pelabuhan di Pulau Pinang.

10. MSC MALAYSIA

MSC Malaysia ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia untuk memusatkan pertumbuhan Ekonomi Digital negara, status MSC Malaysia memberikan pelbagai insentif, hak dan keistimewaan kepada perniagaan yang berkaitan dengan ICT, tempatan dan juga asing, untuk menggalakkan pertumbuhan yang berterusan. Sejak permulaannya pada tahun 1996, program MSC Malaysia telah dapat memacu Ekonomi Digital negara ke tahap yang baru.

Dengan lebih daripada 2,000 buah syarikat yang semakin bertambah, status MSC Malaysia merupakan suatu penetapan yang sangat dicari-cari oleh banyak syarikat IT di negara ini. Pengiktirafan sebagai Syarikat Status MSC Malaysia memberikan syarikat capaian kepada insentif eksklusif yang boleh memberikan kelebihan yang diperlukan dalam industri IT yang sangat berdaya saing.

BANDAR SIBER DAN PUSAT SIBER MSC MALAYSIA

Bandar Siber dan Pusat Siber MSC Malaysia ditetapkan sebagai kawasan MSC Malaysia dengan persekitaran perniagaan yang kondusif yang menyediakan ekosistem untuk menarik pelabur ICT dan menggalakkan pertumbuhan syarikat ICT tempatan, yang dalamnya syarikat daripada sektor yang sama ditempatkan bersama untuk mendorong pertumbuhan yang pesat.

Syarikat-syarikat ini ditempatkan dalam ekosistem yang kondusif untuk mengembangkan perniagaannya dalam rangka kerja visi Ekonomi Digital Malaysia yang maju. Persekitaran yang merangsang persaingan yang sihat akan menggalakkan inovasi dan pembangunan sambil meningkatkan kompetensi pada peringkat negara dan rantau.

Sehingga bulan Julai 2019, terdapatnya 61 buah Bandar Siber dan Pusat Siber MSC Malaysia seperti yang disenaraikan di bawah:

LEMBAH KLANG			
1.	Cyberjaya	25.	Taman Teknologi Malaysia
2.	UPM-MTDC	26.	KLCC
3.	Menara KL	27.	KL Sentral
4.	i-City	28.	Kompleks Pusat Siber TM
5.	Mid Valley City	29.	Bandar Utama
6.	Bandar Bangsar Selatan	30.	GTower
7.	Symphony House	31.	Quill 9
8.	The Intermark	32.	Wisma Hamzah Kwong Hing
9.	Jaya 33	33.	Pusat Kewangan dan Korporat Puchong
10.	Menara Worldwide	34.	Menara Binjai
11.	Menara Persoft	35.	Menara OBYU
12.	Menara Maybank	36.	UOA Damansara
13.	Menara Capsquare	37.	Bandar Sunway Resort
14.	Damansara Uptown	38.	One City
15.	Linde ROC	39.	iHubSentulPark
16.	Menara LGB	40.	Putrajaya
17.	Pusat Luxor Tech	41.	The Paradigm
18.	Oasis Damansara	42.	Menara Mesiniaga
19.	Taman Perniagaan UOA	43.	Bandar Icon
20.	Plaza Hap Seng	44.	Neo Damansara
21.	Pusat Teknologi APM	45.	Menara Ken TTDI
22.	Wisma E & C	46.	Bandar Damansara
23.	Menara JKG	47.	Menara Nucleus
24.	Dataran Maybank		

PULAU PINANG

1.	PCCI
2.	Spansion
3.	One Precinct
4.	Bangunan Albukhary
5.	Menara Zurich
6.	GMS@Mayang

JOHOR

1.	Menara MSC Cyberport
2.	Iskandar Malaysia Studios
3.	MEDINI

MELAKA

1.	Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka
----	---------------------------------------

KEDAH

1.	Taman Teknologi Tinggi Kulim
----	------------------------------

PERAK

1.	Meru Raya
----	-----------

PAHANG

1.	Putra Square
----	--------------

SARAWAK

1.	Medan Bandar Bintulu
----	----------------------

Insentif-insentif untuk MSC Malaysia

Maklumat terkini dan maklumat lanjut mengenai Status MSC boleh didapati pada laman web MDeC <https://www.mdec.my/news/important-updates-and-changes-on-msc-malaysia-bog-5>.

KEMENTERIAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8888 3904
Laman Web: www.pmo.gov.my
E-mel : ppm@pmo.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Blok 4 G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8870 1200/1400
Faks : (603) 8888 6906
Laman Web: www.moa.gov.my
E-mel : pro@moa.gov.my

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : (603) 2059 8400
Faks : (603) 2691 4163
Laman Web: www.mod.gov.my
E-mel : portal@mod.gov.my

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8882 5983
Laman Web: www.kpdnkk.gov.my

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Blok E8, Kompleks Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8884 6000
Faks : (603) 8000 8001
Laman Web: www.moe.gov.my
E-mel : kpkpm@moe.gov.my

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

Aras 1 – 7, Blok C4 & C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8888 9070
Laman Web: www.mestec.gov.my
E-mel : enquiry@mosti.gov.my

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 1 & Blok 2
Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8889 7957
Laman Web: www.kwp.gov.my
E-mel : webmaster@kwp.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 3000
Faks : (603) 8882 3893 / 3894
Laman Web: www.treasury.gov.my
E-mel : pro@treasury.gov.my

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Kompleks Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8889 1717 / 8889 2816
Laman Web: www.kln.gov.my
E-mel : webmaster@kln.gov.my
pro.ukk@kln.gov.my

KEMENTERIAN KESIHATAN

Blok E1, E3, E6, E7 & E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8888 6187
Laman Web: www.moh.gov.my
E-mel : kkm@moh.gov.my

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Blok D1, D2 & D9, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8886 8000/3000
Faks : (603) 8889 1613/1610
Laman Web: www.moha.gov.my
E-mel : webmaster@moha.gov.my

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8891 3182
Laman Web: www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Aras 6-9, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8886 5000/ 5200
Faks : (603) 8889 2381
Laman Web: www.mohr.gov.my
E-mel : akpukk@mohr.gov.my

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 2693 5114
Laman Web: www.kkmm.gov.my
E-mel : webmaster@kkmm.gov.my

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8889 1972
Faks : (603) 8889 1973
Laman Web: www.doe.gov.my
E-mel : aduan_k@doe.gov.my

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

No. 15, Aras 6-13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8880 3441
Laman Web: www.mpic.gov.my
E-mel : webmaster@mpic.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8891 2000
Laman Web: www.rurallink.gov.my
E-mel : webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya
Malaysia
Tel : (603) 8000 8000
Faks : (603) 8891 7100
Laman Web: www.motac.gov.my
E-mel : info@motac.gov.my

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

